

SESI PEMBENTANGAN PERTAMA

1. PEMIKIRAN LAGU RAKYAT DALLING-DALLING Oleh En.Mohd Fazil Ajak.....1
2. TARI MAPPADENDANG SEBAGAI UNGKAPAN KASIH SAYANG ANTAR SESAMA MASYARAKAT BUGIS DI SULAWESI SELATAN. INDONESIA oleh Muhsyanur.....30
3. PRINSIP 'SIRI' DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT BUGIS JAMBI INDONESIA OLEH Ybhg. DR. Makmr Haji HARUN, MUHAMMAD YAHYA SIBE & BUCHARI KATUTU.....31
4. UPACARA PERKAWINAN (BARARAK) DARI NEGERI KUANTAN SINGINGI Oleh En. Hasbullah Rifai.....33

SESI PEMBENTANGAN KEDUA

1. CERITA CINTA DARI MASYARAKAT EMPAT LAWANG OLEH Yth. Abuhasan Asyari dan Yth. Muhadam Labolo.....50
2. MOTIF PERCINTAAN DALAM DIANGDANGAN BRUNEI : DIANGDANGAN TUAN PEMAGAT Oleh En Syahwal Nizam Bin Haji Yani.....67

SESI PEMBENTANGAN KETIGA

1. ROMANTISME DALAM NYANYIAN RAKYAT ETNIK KIMARAGANG , SUNGAIM PAITAN DAN LUNDAYEH DISABAH Oleh Dr Dayangku Mastura.....86
2. ASAL USUL JAYAU(UBAT GUNA-GUNA) IBAN DARI SEMPADAN DAN SEBAYAN (DUNIA ROH) DAN DUNIA MANUSIA DI BUKIT MANDAI KALIMANTAN BARAT YBhg. DR Rosline Sandai.....102

SESI PEMBENTANGAN KEEMPAT

1. **BELUM TERMINUM RASA BERAHI: SATU PERBICARAAN PANTUN CINTA MELAYU BRUNEI DISABAH
OLEH YBhg. Prof. Madya. Dr Low Ko On.....113**
2. **METAFORA EMOSI DALAM BAHASA PANTUN MELAYU Oleh Dr.Shafwan Hadi Umry Dan Prof. T.
Silvana Sinar.....131**
3. **ASPEK METAFORA DALAM PANTUN (SUDAWIL) TRADISIONAL KADAZANDUSUN DARI KONTEKS
PERCINTAAN DAN KASIH SAYANG oleh Dr. Norjietta Julita Binti Taisin.....146**

SESI PEMBENTANGAN KELIMA

1. **KASIH SAYANG DALAM PENJAGAAN BENIH PADI MELALUI MANTERA PERHUMAAN (SAMPAI UMAI)
KAUM IBAN OEH CIK SARIFAH BANSENG & YBhg. DR Rosline Sandai.....161**
2. **FOLKLOR BRUNEI SEBAGAI ENTITI FOLKLOR BORNEO oleh Maslin Bin Haji Jukim /Jukin,PhD.....182**

PEMIKIRAN LAGU RAKYAT DALLING-DALLING

Mohd Fazil Ajak
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Pengenalan

Setiap bangsa dikurniakan kelebihan tersendiri. Orang Suluk di Sabah bukanlah satu bangsa yang asing dalam sejarah Borneo Utara dan mempunyai warisan kebudayaannya yang unik. Peranan bangsa Suluk sama ada di Sabah atau di Filipina sejak dari dahulu lagi menghiasi latar sejarah sehinggalah terbentuknya dua buah negara iaitu Malaysia dan Filipina yang sebelumnya merupakan sebuah kawasan tanah jajahan di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Bahasanya pernah menjadi *lingua franca* yang dikenali sebagai bahasa *Sug* atau *Simug* oleh dan mewarisi penggunaan tulisan jawi iaitu *sulat sug*. Dari aspek sejarahnya, Asmah Haji Omar (1983, 410), menyebut *the Suluk are muslims. They embrace Islam in the fourteenth century at the latest. Tambah beliau lagi, it was not only religion that they acquired from the muslim missionaries but also the Malay-Arabic script which they use for religious and other writings.*

Peranan masyarakat Suluk bukan sahaja dapat dilihat dalam tinggalan institusi berajanya tetapi peranannya dalam menyebarkan syiar Islam dapat dilihat melalui peninggalan bukti kitab-kitab tulisan tangan para ulama dalam bahasa Suluk. Menurut Muhiddin Yusin (1990), berpendapat bahawa penerimaan agama Islam oleh penduduk Sabah ialah pada awal abad ke-15 iaitu di kawasan pantai timur melalui kepulauan Sulu diikuti kawasan pantai barat kira-kira pada akhir abad yang sama melalui

Kesultanan Brunei. Pantai timur yang disebutkan melalui kepulauan Sulu sudah pasti melibatkan masyarakat Suluk bersama dengan suku kaum yang lain di sekitarnya.

Jika dilihat daripada rentetan sejarah, masyarakat Suluk sering mengalami pergolakan dan penghijrahan secara tidak langsung menyebabkan unsur kebudayaan mereka juga terjejas. Pergolakan tersebut berlaku sehingga sekarang turut menjejaskan hubungan dan mencetuskan konflik masyarakat Suluk terutamanya di Malaysia dan Filipina. Asmah Haji Omar (1983, 408), menyifatkan bahawa penghijrahan orang Suluk ke Sabah disebabkan oleh Perang Moro, penolakan proses Kristianisasi dan juga kegiatan perhambaan. Namun begitu, hal ini tidak bermakna kehadiran orang Suluk di Sabah hanya bermula setelah perang tersebut berlaku. Pergerakan mereka yang aktif melalui hubungan perdagangan dan sistem pemerintahan juga menempatkan masyarakat Suluk di Borneo. Hal ini kerana hubungan orang Suluk dengan Brunei amatlah akrab sekali. Ia dapat dibuktikan melalui pernyataan Asmah Haji Omar (1983), yang dipetik seperti berikut.

"Relationship between the Suluk people of the Sulu Island and the people of the former North Borneo (inclusive of Brunei) was not confined to marriages between the ordinary people but had also extended to the royal household. Cesar A. Majul has made mention of a marriage between a Sultan of Brunei to a daughter of the Sultan of Sulu. The fact that Brunei had always turned to Sulu for assistance nineteenth centuries is an indication of the close relationship between the two Sultanate."

Asmah Haji Omar (1983, 408-409)

Perkahwinan diraja yang berlaku dalam kedua-dua kesultanan ini mengeratkan lagi hubungan kedua-dua bangsa dan ia secara tidak langsung diikuti oleh rakyat biasa. Hubungan dan laluan ke Brunei juga terbuka melalui hubungan baik yang telah wujud sejak sekian lama. Hal ini dijelaskan lagi oleh F. Delor Angelas yang dipetik dalam Asmah Haji Omar (1983), menyebut,

The Suluk of the Sulu Island and the Palawan, as much as the other natives of Sabah, had already been under Brunei rule in 1565 when the Spaniards arrived. The Sulu archipelago was around 1578 ruled by a pengiran from Brunei.

F. Delor Angelas (1969, 102)

Seterusnya Asmah Haji Omar (1983), menegaskan lagi kedudukan orang Suluk yang sering disalah tafsir seperti berikut,

Indigeniety for the people should not be interpreted within the restricted political enclosure which they are subjected to, but should be seen in the framework of linguistic and cultural background. And as far as the Suluk are concerned, be they in Sabah or the Philippines-ruled Sulu Island, they are indigenous to the soil.

Asmah Haji Omar (1983, 409)

Pandangan masyarakat terhadap orang Suluk yang sering disamakan dengan Suluk di Filipina juga mengundang masalah disebabkan oleh imej yang dibawa oleh pendatang tanpa izin di Sabah. Apabila isu kerakyatan dan pandangan serong mendominasi masyarakat maka orang Suluk di Sabah seolah-olah tidak wujud dan bukan sebahagian daripada anak negeri malahan timbul kekeliruan apabila Suluk disamakan dengan suku kaum Bajau Laut sama ada dari sudut budaya mahupun identitinya. Suluk sebagai penduduk asal meliputi kawasan yang luas dahulunya kini sudah berubah apabila kedudukan mereka perlu dilihat dari sudut perundangan iaitu Undang-Undang Anak Negeri Sabah yang cukup jelas melindungi hak dan kepentingan masyarakat Suluk bersama-sama dengan etnik yang lain di Sabah.

Orang Suluk mempunyai ciri tersendiri dan tidak wajar disamakan dengan suku kaum Bajau yang mendakwa mereka berasal dari Johor. Namun begitu terdapat persamaan budaya, bahasa dan cara hidup kedua-dua kelompok bangsa ini malah persamaan ini juga boleh dilihat pada suku kaum yang lain seperti orang Sungai,

Idahan dan Dusun. Persamaan ini merupakan warisan daripada sejarah lampau yang meninggalkan kesan kepada masyarakat tersebut sehingga ke hari ini. Persamaan ini dapat dilihat oleh Asmah Haji Omar (1993), sebagai gelombang timbal balik, iaitu perpindahan pergi balik yang berlaku sepanjang masa antara kawasan-kawasan. Jika dilihat hal ini masih berlaku sehingga sekarang dalam masyarakat Suluk dan perhubungan sudah terjalin sejak sekian lama di kawasan yang meliputi Borneo dan Kepulauan Sulu.

Di Sabah masyarakat Suluk dapat dilihat dalam beberapa kawasan. Antaranya menurut Asmah Haji Omar (1983), iaitu,

"These people are found in Kudat, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, and on the neighbouring island. On the island of Tambisan alone, there are about 3,000 of them. They divide themselves according to their locations of origin in the Sulu archipelago. Hence there are the Bongao Suluk, the Palawan-Suluk, the Parang-Suluk, the Cotabato-Suluk, the Tawi-Tawi-Suluk, and so on."

Asmah Haji Omar (1983, 408)

Kedadaan ini amat berbeza dengan suku kaum yang lain di Sabah seperti suku kaum Bajau Laut dan Kadazandusun yang dipecahkan berdasarkan kawasan atau pulau kerana memiliki bahasa dan budayanya tersendiri. Namun bagi masyarakat Suluk, pemecahan yang disebutkan seperti di atas pula tidak membawa kepada perbezaan bahasa atau budaya cuma ia sekadar rujukan untuk mengetahui asal usul seseorang itu.

Masyarakat Suluk berada hampir di seluruh kawasan dalam bilangan yang sedikit. Mereka juga sering berhijrah pada zaman dahulu dan populasi mereka yang sedikit itu juga disebabkan oleh peperangan yang kerap berlaku. Orang Suluk mempunyai satu sifat iaitu mudah berasimilasi dengan masyarakat lain sama ada dari segi cara hidup, bahasa dan budaya. Dalam erti kata lain, unsur perpaduan dan

toleransi dalam kalangan orang Suluk amatlah tinggi. Bukti sejarah lama yang dapat dilihat pada hari ini ialah generasi masyarakat Suluk di China yang terpisah semenjak tahun 1417. Memetik kenyataan akhbar *China Daily* (2014),

“...in 1417, three kings of Sulu, which now belongs to the Philippine, came to China with their families and subordinates. One king fell ill and died near Dezhou. The Chinese emperor Yong Le (1360-1424) ordered a grand funeral and had a cemetery built.”

China Daily (2014, 27)

Keturunan Suluk yang telah bermastautin di China sejak ratusan tahun ini pernah datang ke Kepulauan Sulu untuk melawat makam-makam kesultanan sebagai lambang penghormatan mereka terhadap asal-usul nenek moyang. Meskipun mereka sudah tidak lagi pandai berbahasa Suluk dan asing dalam amalan budaya Suluk namun mereka mengetahui darah yang mengalir di dalam tubuh mereka adalah darah keturunan Suluk. Keturunan mereka telah dimuliakan sehingga diberi penghormatan oleh Maharaja China pada waktu itu sehingga dianugerahkan kerakyatan China dan dikurniakan penempatan atau perkampungan khas.

Sifat masyarakat Suluk yang patuh dan taat kepada pembesar mereka dan mempunyai kelebihan dalam ilmu pelayaran menjadikan bangsa ini banyak terdedah dan bercampur dengan bangsa asing. Ketamadunan mereka terbina hasil daripada hubungan diplomatik dengan negara luar dan percampuran dengan pelbagai bangsa. Namun pada masa yang sama, banyak konflik yang berlaku sama ada dalam kalangan pemimpin atau pembesar mereka dengan pihak luar sehinggalah membawa kepada peperangan yang panjang. Rentetan daripada masalah-masalah ini, warisan kebudayaan Suluk tidak berkembang luas dalam kalangan masyarakatnya. Dalam erti kata lain, adat-istiadat dan kebudayaannya tidak lagi dapat dipraktikkan secara

sempurna seperti dalam masyarakat Cina atau India. Oleh yang demikian warisan budaya ini kian pupus kerana tidak diamalkan secara berterusan oleh generasi muda, termasuklah lagu Dalling-dalling. Masyarakat umumnya mengenali tarian *Pangalay* sebagai tarian orang Suluk. Dalling-dalling berkait rapat dengan tarian *Pangalay*. Menurut Ligaya Fernando Amilbansa (2012), perkataan *Pangalay* berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud tarian kuil. Gerak tarinya juga adalah sukar walaupun dilihat mudah. Ciri dalam tarian ini juga menurut beliau menyerupai tarian klasik di Kemboja, Burma, Thailand, Jawa dan Bali. Bagi pengkaji, gerak tari *Pangalay* ini bukanlah tarian yang mempunyai unsur Hindu-Buddha tetapi tarian ini merupakan seni yang dapat dilihat dalam masyarakat Suluk sejak sekian lama. Hubungan etnik Melayu ini adalah akrab dan perkongsian budaya dan bahasa juga berlaku. Tarian *Pangalay* ini juga turut ditarikan oleh orang Bajau Laut namun dapat dilihat beberapa perbezaan gerak tari dan muzik iringannya.

Menurut Muhiddin Yusin (1990, 11), ketenteraman dan keharmonian hidup masyarakat peribumi di Sabah tidak pernah terancam sebelum kedatangan kuasa penjajah ke negeri itu. Sungguhpun pada masa itu sebahagian dari Sabah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu dan sebahagiannya yang lain berada di bawah Kesultanan Brunei, penduduk negeri itu masih dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang damai dan tenteram. Hal ini adalah kerana nilai-nilai kebudayaan dari kedua-dua kesultanan itu mempunyai persamaan dengan nilai-nilai kebudayaan tempatan dan dengan itu tidak membawa kesan percanggahan kepada masyarakat peribumi. Justeru dapatlah dilihat orang Suluk hidup dalam keadaan yang baik bersama dengan masyarakat berlainan suku.

Suluk mudah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mereka alami. Gambaran terhadap keadaan ini dijelaskan dalam sistem aturan hidup

masyarakat Suluk yang lazimnya menjadi penguasa di suatu tempat seperti yang disebut oleh A. L Keber dalam S. Abdillah Hassan (1973, 19), iaitu penduduk asli kepulauan Sulu tadi mulanya mereka adalah di antara suku kaum nelayan dan peniaga-peniaga yang lama-kelamaan ada di antara mereka yang dapat menyesuaikan diri untuk tinggal di kawasan pedalaman sebagai petani dan bercucuk tanam. Kedatangan Islam dan pengaruh-pengaruhnya, kelompok *Tausug* ini telah berjaya mewujudkan organisasi politik dan ekonomi yang kompleks. Apabila kelompok lain tiba seperti Samal, Bajau dan lain-lain kelompok, orang *Tausug* itu masih dapat mengekalkan kedudukan mereka dan berjaya memerintahkan kaum-kaum yang baru tiba itu. Mereka memberi kawalan dan perlindungan dengan syarat-syarat yang kaum pendatang tadi terpaksa membuat beberapa tugas-tugas tertentu.


Harun Mat Piah *et al.* (2006), menyatakan bahawa tradisi keilmuan yang berkembang di Melaka pada abad ke-15 turut berkembang sebagai pusat dagang, malah telah menyebarkan budaya ilmu ke negeri-negeri jiran yang berhubungan dengannya seperti Jawa, Brunei dan Sulu. Dua orang wali terkenal di Tanah Jawa, iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri pernah datang ke Melaka menuntut pengetahuan agama Islam pada suku akhir abad ke-15.

Ketamadunan Suluk bukan sahaja dilihat daripada bukti sejarah silamnya yang agung sebagai penguasa, malahan seiringan dengan itu bahasanya juga memainkan peranan yang sangat penting. Penggunaan bahasa Suluk turut ditulis dalam kitab Injil yang telah dicetak pada tahun 1931 oleh seorang paderi Kristian dengan tajuk "*Kitab Injil Ni Luka*". Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Suluk turut dituturkan oleh bangsa asing dan sudah pasti wujud beberapa perkataan asing yang diserap masuk menjadi sebahagian bahasa Suluk yang digunakan sehingga pada hari ini. Berdasarkan rentetan sejarah, dapatlah dilihat bahawa, adalah mustahil bagi

masyarakat Suluk tidak mempunyai atau memiliki warisan kebudayaannya sendiri. Lebih-lebih lagi bangsa ini bukanlah satu bangsa yang asing dalam dunia Melayu. Maka melalui kajian ini, pengkaji berusaha mencungkil identiti masyarakat Suluk melalui struktur dan pemikiran dalam lagu rakyatnya yang terdiri daripada bait kata puisi tradisional. Bahasa Suluk merupakan tunjang utama yang dapat dijadikan sandaran untuk melihat warisannya yang digunakan dalam lagu Dalling-dalling.

Menurut Asmah Haji Omar (1993, 85), selain dari bahasa Bajau Darat dan Suluk yang mempunyai bentuk 'halus' bagi orang ketiga, bahasa-bahasa lainnya tidak memperlihatkan adanya bentuk yang serupa itu. Dalam bahasa Melayu terdapat bentuk halus dan kasar bagi semua diri, hasil dari adanya *diglosia*. Masyarakat bahasa-bahasa Sabah tidak ditandai oleh *diglosia* seperti yang terdapat dalam masyarakat bahasa Melayu. Adanya bentuk halus secara sangat terbatas dalam bahasa Bajau Darat dan Suluk itu boleh dikembalikan kepada pertembungan masyarakat bahasa-bahasa tersebut dengan masyarakat yang berdiglosia dalam zaman silam. Orang-orang Bajau Darat, misalnya, mempunyai cerita yang mengesan asal-usul mereka dari Brunei Darussalam dan Johor, yang kedua-duanya terletak di bawah pemerintah beraja. Orang-orang Suluk pula mempunyai perkaitan dengan kesultanan Suluk yang memerintah Borneo Utara dan Filipina satu waktu yang lalu.

Selain itu juga menurut Asmah Haji Omar (1993, 91), menyatakan bahawa bahasa-bahasa Suluk, Bajau Darat dan Bajau Laut memperlihatkan persamaan dengan subkeluarga Sarawak dan juga dengan bahasa Melayu melalui ciri semantik. Pengelompokan bahasa Suluk dapat dilihat daripada gambar rajah di bawah ini.



Berdasarkan gambar rajah di atas, dapat dilihat bahawa bahasa Suluk merupakan subkeluarga Suluk-Bajau. Bahasa Suluk mempunyai persamaan yang hampir dengan bahasa Melayu. Meskipun wujud konflik untuk meletakkan kedudukan bahasa Suluk sebagai bahasa keluarga Filipina, namun harus diingat, asal-usul bahasa Suluk tidak sewajarnya disamakan seperti persempadan politik yang berlaku pada masa sekarang. Bahasa tersebut sudah terbentuk lagi awal sebelum terbentuknya Malaysia dan Filipina.

Dalling-dalling

Kadang kala dieja sebagai Daling-daling. Namun setelah pengkaji turun ke lapangan, ia perlu ditulis dengan menggandakan huruf konsonan "l" bagi membezakan maksud. Hal ini kerana daling dalam bahasa Suluk juga membawa maksud balung ayam. Sebutan sebenar dalam kalangan masyarakat Suluk juga dengan gandaan konsonan "l". Dalling merupakan kosa kata bahasa Inggeris yang telah diserap ke dalam bahasa Suluk seperti yang terkandung dalam lagu ini. Dalam temu bual bersama Hatta Yunus (2013), dalling ialah *darling* yang membawa maksud sayang merujuk kepada insan yang dicintai dan juga berfungsi sebagai panggilan kepada orang yang disayangi khususnya untuk teruna-dara.

Seterusnya dalam temu bual bersama responden Nelson Dino (2014), pula berpendapat bahawa *dalling maybe from darling as dear or love but evolved to mean an art of movement or style in pangalay*. Menurut beliau hal ini digambarkan seperti dalam salah satu peribahasa Suluk iaitu, *kapagdallingan tukki' in buli' sin baba'i yan*. Ayat ini membawa maksud wanita itu berdalling seperti ekor cicak tokek (*toke' /tokay gecko*). Peribahasa ini merujuk kepada seorang wanita cantik yang kelihatan seperti berdalling ketika berjalan. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa *dalin* bermaksud balung ayam dan dalling merupakan salah satu gerak-geri dalam tarian *Pangalay* bagi masyarakat Suluk meskipun mungkin ditafsir sebagai satu perkataan yang terbit daripada bahasa Inggeris.

Temu bual bersama Dayang Khatijah Datu Bachtiyal (2014), beliau menyatakan pendapat bahawa Dalling-dalling berasal daripada perkataan bahasa Inggeris dan ini tidak menghairankan kerana menurut beliau menjadi kelaziman orang Suluk mencampuradukkan bahasa asing ke dalam bahasa Suluk. Bahasa asing yang

sering digunakan ialah seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, Tagalog, Arab dan beberapa bahasa asing yang lain manakala temu bual bersama Abdul Samad Battua (2014), beliau berpendapat bahawa Dalling-dalling merupakan warisan orang suluk yang berbentuk hiburan khusus untuk golongan bangsawan. Menurut beliau lagi hanya orang tertentu sahaja yang memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk mempersembahkan lagu Dalling-dalling yang menggunakan *gabbang* dan biola. Kemahiran yang dimaksudkan oleh beliau itu ialah seni suara, *bergabbang* atau menggesek biola dan menyusun kata-kata yang sarat dengan kiasan dan nilai murni.

Merupakan perkataan bahasa Inggeris yang diserap ke dalam bahasa Suluk iaitu Dalling-dalling terbit daripada perkataan '*darling*' bermaksud sayang. Irene dan Janette (1993), menyatakan bahawa persembahan tarian Dalling-dalling dilakukan oleh masyarakat Suluk yang tertumpu di kawasan pantai timur Sabah dan nama tarian ini diambil daripada bahasa Inggeris.

Temu bual bersama Abdul Samad & Hatta (2014), mereka berpendapat bahawa Dalling-dalling merupakan salah satu daripada lagu rakyat masyarakat Suluk yang terkenal. Lagu ini boleh didapati dalam pelbagai versi bahasa etnik yang lain seperti dalam bahasa Bajau laut khususnya di Semporna. Dalling-dalling lazimnya diiringi dengan alat muzik tradisional yang terdiri daripada biola dan *gabbang* pada mulanya dan kini ianya telah dimainkan dengan alat muzik moden malah ada juga usaha pemuzik tempatan yang mengubah lagu ini berentak *hip hop*.

Dalam temu bual bersama Donald Guntabid (2014), berpendapat bahawa lagu Suluk dalam Dalling-dalling dan lagu-lagu tradisinya yang lain lazimnya dinyanyikan dengan suara yang tinggi. Pengkaji berpendapat, lagu ini mengalami beberapa siri perubahan mengikut kehendak zamannya. Dalling-dalling menjadi tajuk kepada lagu

rakyat ini manakala tariannya pula juga dipanggil tarian Dalling-dalling. Hal ini bermaksud tarian Dalling-dalling disuaipadankan dengan lagu Dalling-dalling.

Asal Usul Tarian Dalling-Dalling

Jimmy Kulas (2001), melalui hasil dapatan kajian beliau menyatakan bahawa asal usul tarian Dalling-dalling ini dikatakan bermula di negeri kayangan yang terdapat tujuh orang puteri. Mereka berhasrat ingin turun ke bumi. Ketujuh-tujuh orang puteri ini akhirnya turun ke bumi tanpa pengetahuan bonda dan ayahanda mereka. Setelah sampai ke bumi, puteri-puteri itu tadi begitu asyik dengan keindahan di dunia dan mengakibatkan mereka ini lupa untuk kembali ke kayangan. Kehilangan mereka ini akhirnya disedari oleh raja yakni ayahanda mereka, lalu raja murka akibat perbuatan puteri-puterinya itu tadi yang turun ke bumi tanpa pengetahuan baginda. Raja yang begitu murka akhirnya menyumpah para puterinya yang berada di bumi itu menjadi burung Helang (ada yang mengatakan menjadi burung *Linggisan*, seekor burung yang terbang tinggi di lautan). Berdasarkan mitos ini, maka penari tarian Dalling-dalling memakai *janggalay* menyerupai kuku burung yang panjang dan pergerakan tariannya juga lebih kepada gaya burung yang sedang terbang di awan dan mengandungi maksud tersirat. Masyarakat Suluk memiliki satu tarian yang klasik sekali iaitu tarian *mangalay* berbanding tarian-tarian yang muncul kemudiannya seperti tarian Dalling-dalling ini.

Dalam kesenian satu-satu bangsa, sudah pasti perubahan akan berlaku dalam kebudayaan mereka. Tarian Dalling-dalling ini merupakan sebuah tarian yang masih lagi mengekalkan ciri-ciri tarian *Pangalay* namun pergerakannya agak cepat sedikit seiring dengan iringan muzik Dalling-dalling yang rancak.

Ismail Abbas (1988), pula menyatakan bahawa tarian Dalling-dalling berasal dari Sepanyol yang diperkenalkan oleh orang-orang Sepanyol ketika Filipina menjadi jajahan takluk mereka. Tarian ini ditarikan secara berpasangan iaitu sebanyak tiga pasang penari. Terdapat tiga jenis gerak tari dalam tarian ini, iaitu gerak langkah mengilok, beautiful dan kinjung-kinjungan. Menjadi kebiasaan penonton membaling duit atau pun meletakkan duit di kepala atau di baju penari sebagai tanda penghargaan.

Irene & Janette (1993), pula menyebut bahawa tarian Dalling-dalling ditarikan secara berpasangan dan penari menggunakan *janggay* dan *malkota* di atas kepala sebagai perhiasan ketika menari.

Ismail Abas (1988), menyatakan bahawa tarian ini dipersembahkan oleh orang-orang Suluk ketika majlis sukaria seperti majlis kahwin, pertunangan, berkhatan, khatam quran dan majlis hari raya. Tujuannya ialah untuk bersuka ria dan memeriahkan lagi majlis.

Walaupun tidak terdapat sebarang bahan penyelidikan yang membincangkan atau memberi pandangan terhadap asal usul tarian ini namun melalui hasil bacaan dan pemerhatian, dapat disimpulkan bahawa tarian Dalling-dalling ini merupakan satu tarian tradisional masyarakat Suluk di Sabah sehinggalah ke kepulauan Sulu bermula sejak awal lagi terbentuknya kerajaan kesultanan Sulu lewat abad ke-13. Sistem pemerintahan beraja masyarakat Suluk tidak dapat diasingkan dengan aspek kebudayaan. Salah satu kebudayaan itu ialah tarian Dalling-dalling yang berfungsi untuk menghiburkan pada hari sambutan keramaian. Tarian ini dipersembahkan kepada pembesar dan akhirnya berkembang dalam kalangan rakyat biasa malah turut berkembang dalam suku kaum yang berada disekitarnya.

Tarian Dalling-dalling adalah pecahan daripada beberapa jenis tarian *Pangalay* yang ditarikan secara berkumpulan dan berpasangan dengan gaya yang lebih mudah berbanding tarian *Pangalay* yang lebih rumit untuk ditarikan. Tarian Dalling-dalling juga merupakan satu-satunya tarian tradisional masyarakat Suluk yang mempunyai latar suara sebagai lagu iringan dalam tarian manakala tarian yang lain seperti *Mengiluk* dan *Pangalay* (*Pangalay Ha Patong*, *Pangalay Ha Agong* dan lain-lain) hanya diiringi muzik tradisional seperti *gabbang*, biola, *kulintangan*, dan *gandang*. Seterusnya lirik lagu ini pula tidak lari daripada tema nasihat atau kasih sayang yang berfungsi sebagai teguran, sindiran dan hiburan bagi menghidupkan suasana majlis keramaian. Suasana yang gembira perlu dihidupkan pada masa yang sama secara tersiratnya menyampaikan nilai-nilai ajaran yang baik sebagai ingatan.

Lirik Lagu Dalling-Dalling

Lagu Dalling-dalling adalah lagu yang mengiringi tarian Dalling-dalling. Walau bagaimanapun, lagu Dalling-dalling juga boleh dinyanyikan tanpa persembahan tarian tersebut. Menurut Ismail Abas (1988, 15), tarian Dalling-dalling lazimnya diiringi dengan pantun yang berbentuk syair dalam bahasa Suluk yang disebut sebagai *Sangbai* atau *Kalang* yang dinyanyikan mengikut lagu orang membaca syair. *Sangbai* bermaksud berbalas-balas dalam nyanyian. *Kalang* bermaksud nyanyi. Dalam cerpen antalogi Azimah Nordin (2006), dalam buku cerpen beliau yang bertajuk *Timulak Kapal Perang* terdapat serangkap lirik Dalling-dalling yang masukkan seperti berikut, *Mai daling-daling, mai daling-daling, Timulak kapal perang, Tagunggu tiban gangang, Bukun gawi magdagang, Gawi magtunggu tunang.*

Penulis cerpen turut meletakkan beberapa puisi tradisional dalam bahasa Bajau Laut. Pengkaji melihat penulis meletakkan beberapa baris dan kata dana lirik

Dalling-dalling sebagai tajuk kecil dalam cerpen ini. Serangkap lirik dalam cerpen ini tidak diambil kerana rangkap ini sama dengan jumpaan lirik yang lain.

Lirik Dalling-dalling ini diperolehi daripada tinjauan kepustakaan dalam negara. Selain itu pengkaji juga menggunakan media elektronik iaitu *youtube* untuk mendapatkan sumber lirik lagu daripada Filipina yang mewakili lirik lagu di kepulauan Sulu sebagai satu koleksi lirik Dalling-dalling masyarakat Suluk. Lirik yang diperolehi ini merupakan lirik yang diambil tanpa sebarang suntingan daripada sumber bahan asalnya berserta terjemahan.

Analisis Pemikiran Lirik 7

Lirik 7

Huraian

Mai dalling-dalling sa mai dalling-dalling

Sayangku oh sayang...

Linggisan dalling bang katihun,

Kalau tahu menarik perhatian Burung linggisan.

Ampa manis-manis wayna liuhun,

Kelihatanlah manisnya yang tiada tandingan.

Maputi' dayang sulasihun,

Putih kulitnya si dayang harum selasih.

La hawla budjang ma'irum,

Tiada upaya perempuan menawan

Maguyum magkattawa kan bansil dublun.

Senyum dan ketawa melihat orang bergigi emas.

Dallingku-dalling bang kau mamanggil,

Sayangku sayang kalau memanggil.

<i>Ittulak sila dayang bang di' matapil,</i>	Tolak mereka dayang kalau tidak bergandingan.
<i>Ilung-ilungan magkalambungan.</i>	Menggeleng-geleng bila kelihatan.
<i>Sumping-sumpingang dayang manga jambangan,</i>	Bunga pilihan dari semua bui bersambung
<i>Bang di' hilangan manga rundangan,</i>	Kalau tidak didengarkan keresahan,
<i>Bang kapatungan,</i>	kalau berdatangan.
<i>Oi my girlku dayang lingkatan.</i>	Oi, perempuanku dayang cantik
<i>Kadtu-kadtu kau dalling bang biandahan.</i>	Pergilah kau sayang kalau dipesan.
<i>Ampa kadtu kau dalling biandahan,</i>	Barulah pergi kau diberi pesan.
<i>Oi... dumatung dalling pa katindahan,</i>	Oh datanglah dia ke kedai barulah dia.
<i>Ampa dumatung dalling pa katindahan,</i>	Barulah datang pergi ke 'kedai'.
<i>Alahai kinjung-kinjung, Kinjung maglaksu-laksu,</i>	(Gerak tari semasa mengalay sambil melompat-lompat)
<i>Uway subul umattu, Dua ra in mag atu,</i>	Tiada teruna berkelahi, melainkan dua yang sedang berkelahi
<i>Alahai kinjung-kinjung, Kinjung maglaksu-laksu,</i>	(Gerak tari semasa mengalay sambil melompat-lompat)
<i>Oi...dalling beautiful dayang my girlku</i>	Oi, kekasihku cantik dayang perempuanku.
<i>Kami ini muwi' na,</i>	Kami ini balikkah,
<i>Kamu yan biadi'in na?,</i>	kamu pula bagaimana?
<i>Bang kamu miagad na,</i>	Kalau kamu ikutlah,
<i>Buhi' patay ridtu na.</i>	Hidup mati di sanalah.

*Kami ini miari,
Kimita akkal budi,
Bang marayaw ka'agi,
Magbalik kami mari.*

Kami ini ke sini,
Melihat akal budi,
Kalau baik yang dibagi,
Kembali kami ke mari.

Dalling-dalling tidak mempunyai pembayang atau maksud. Lirik 7 dan lirik-lirik yang lain tidak mempunyai beza yang ketara kerana unsur gaya bahasa seperti pars pro toto, metonimi, sering hadir dalam lirik dan ia adalah kiasan kepada perasaan cinta dan sikap yang terselindung. Paradoks dan totem pro parte agak terhad digunakan dalam setiap rangkap. Setiap rangkap juga adalah berkait. Tema keseluruhan lirik berkisar tentang cinta wanita. Nilai falsafahnya pula ialah yang pertama memberi pendidikan kepada lelaki terhadap hubungan dengan wanita dan sebaliknya agar menjadi pasangan yang baik. Kedua, peripentingnya menjaga adab sopan sewaktu dalam percintaan. Ketiga, gerak tari tarian *Pangalay* dalam masyarakat Suluk melambangkan kelembutan dan keluhuran sifat wanita. Keempat, berbudi kepada manusia. Kelima, berfikiran waras sebelum bertindak membuat keputusan. Keenam, menghormati ibu bapa untuk mendapatkan restu hubungan percintaan. Ketujuh, mengenang budi baik yang telah diberikan.

Melalui Dalling-dalling juga dapat dilihat masyarakat Suluk menyanjung tinggi tarian *Pangalay* sehingga menerusi kelembutan tarian ini mampu memikat hati lelaki. *Pangalay* mempunyai kedudukan yang istimewa sehingga tarian tersebut ditarikan dalam tarian Dalling-dalling dan diabadikan dalam bait-bait lirik yang mengiringi tarian ini. *Pangalay* dan wanita tidak boleh dipisahkan.

Dalling-dalling memberi gambaran yang menunjukkan bahawa masyarakat Suluk mudah menerima pengaruh asing dalam bahasa dan budaya mereka. Pengaruh asing ini juga menunjukkan bukti peninggalan sejarah dalam masyarakat Suluk yang berhadapan dengan dunia luar melalui hubungan ekonomi dan pemerintahan zaman dahulu. Falsafah yang terkandung dalam Dalling-dalling ini juga menunjukkan masyarakat Suluk memiliki sifat kasih sayang sesama manusia, mengamalkan budi bahasa dalam kehidupan, beradab sopan, memuliakan wanita, dan menggunakan akal fikiran dengan sebaiknya supaya tidak merendahkan kedudukan diri sebagai insan yang telah diciptakan Allah S.W.T.

Brunvand (1968), dipetik dalam Ani Omar (2014), lagu rakyat yang bersifat lirikal iaitu nyanyian rakyat yang bersifat menusuk kalbu atau melankolik. Kategori ini merupakan cetusan rasa terharu penuturnya sama ada yang tidak sesungguhnya atau nyanyian rakyat lirikal yang bukan sesungguhnya iaitu mengandungi cerita atau naratif yang bersambung-sambung. Nyanyian rakyat lirikal yang tidak sesungguhnya terbahagi kepada beberapa bahagian dan salah satunya ialah nyanyian rakyat yang memberi nasihat untuk berbuat baik dan nyanyian rakyat tentang berpacaran atau pernikahan. Berdasarkan huraian tersebut dapat dilihat bahawa Dalling-dalling menepati fungsi yang dinyatakan.

Kesimpulannya, Dalling-dalling mirip seloka yang mengandungi maksud mengejek, menyindir sama ada serius atau jenaka, atau mungkin juga mengandungi perasaan-perasaan berahi, asyik, khayal dan mimpi (Harun Mat Piah *et al.*, 2006). Dalling-dalling tidak memenuhi ciri pantun, teromba, syair, teka-teki, talibun dan lain-lain dalam puisi tradisional Melayu.

Rumusan

Akhir sekali, kajian ini telah memaparkan kajian terhadap struktur dan pemikiran dalam lirik lagu rakyat masyarakat Suluk ini dengan membuat perbandingan lirik. Menerusi kajian ini, jelas menunjukkan bahawa Dalling-dalling mempunyai ciri yang tersendiri yang merupakan puisi tradisional dalam masyarakat Suluk. Kebebasan dalam Dalling-dalling ini jelas memperlihatkan penggunaan aspek *poetics license* dalam lirik tersebut secara tekstual dan kontekstual. Selain itu juga, melalui kajian ini juga, Prinsip Kehadiran Teksdealisme disempurnakan oleh pengkaji dalam mengubahnya ke dalam bentuk gambar rajah bagi memudahkan proses pemahaman dalam melihat karya sastera yang unggul. Dalling-dalling adalah tinggalan seni puisi tradisional bangsa Suluk yang bertujuan untuk mendidik dan menyampaikan nilai-nilai murninya kepada khalayak. Dalling-dalling sebagai lagu rakyat dan juga tariannya merupakan warisan kebudayaan masyarakat Suluk yang perlu dipelihara dan dijadikan medium perpaduan dalam masyarakat. Individu yang mampu mendendangkan Dalling-dalling secara spontan semakin berkurangan, meskipun usaha untuk merakamkan lagu ini dibuat sebagai lagu iringan persembahan tarian tetapi ia tidak membantu khalayak untuk memahami maksud yang terkandung dalam struktur dan pemikirannya. Daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa Dalling-dalling mempunyai ciri tersendiri sebagai lagu rakyat masyarakat Suluk. Selain itu juga, Dalling-dalling merupakan salah satu tarian *Pangalay* secara berkumpulan yang mempunyai ciri tersendiri.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (2013). *Kekuatan Teori Sastra Melayu*. Dalam Prosiding Sastra dan Kekuasaan HISMA II. Persatuan Penulis Budiman Malaysia. Perak.
- Abdul Samad Battua (2014). *Vice President of PUSAKA*. Personal Interview. Sandakan, Sabah.
- Albright, H. D, William Halstead And Lee Mitchell (1968). *Principles of Theatre Art, 2nd Edition*. Houghton Mifflin. Boston.
- Andason C (1893). *English-Sulu-Malay With Useful Sentences, Tables & C*. The British North Borneo Company. Sandakan.
- Andason C (1893). *English-Sulu Malay Vocabulary with Useful Sentence, Tables & C*. Edited By Wm. Clark Cowie. Gramatical Introduction by the Editor. London. The British North Borneo Company.
- Ani Omar (2014). *Penggunaan Pantun dalam Lagu Rakyat Rentak Kudo Lambang Jati Diri dan Kreativiti Masyarakat di Negeri Sembilan*. Dalam prosiding Bengkel Folklor Nusantara (Malaysia-Indonesia-Brunei Darussalam) Persatuan Folklor Malaysia.
- Asmah Haji Omar (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (1978). *The Suluk Language Of Semporna*. Vol. 4. Nov 2. The Brunei Museum Journal. Perpustakaan Peringatan Za'ba. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

American Bible Society (1931). *Kitab Injil Ni Luka*. American Bible Society. Philippines Agency. Manila.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri (1997). *Tarsilah Brunei Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran*. Jabatan Pusat Sejarah. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Awang Mohd Jamil Al Sufri (1997). *Tarsilah Brunei II Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran*. Jabatan Pusat Sejarah. Brunei Darussalam.

Awang Mohd Jamil Al Sufri (2005). *Rampai Sejarah : Meniti Sejarah Silam*. Jabatan Pusat Sejarah. Brunei Darussalam.

Azmah Nordin (2006). *Timulak Kapal Perang*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Buyung Adil (1980). *Sejarah Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Barter E. F (1921). *Vocabulary English-Samal*. The Sulu Press, Zamboanga P.I

Bulcher. E Captain Sir (1848). *Narrative of The Voyage Of H.M.S Samarang, During The Years 1843-1846 Employed Serveying The Island Of The Eastern Arcipilago. Vol I & II*. London.

Cameron. C. R (1917). *Sulu Writing. An Explanation Of The Sulu-Arabic Script As Employed In Writing The Sulu Language Of The Southern Philippines*. The Sulu Press.

Daftar Kata Bahasa Sukuan Sabah. Bahasa Melayu-Bahasa Bajau Sama Simunul (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Datu Akdan Datu Basran (2001). *Makam Masyarakat Suluk di Kampung Telaga, Pitas Sabah Satu Kajian Sejarah, Estetika dan Falsafah*. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Dagoroan O. Macarambon (1986). *The Tripoli Agreement : Background and Perspective*. Mindanao Laws Journal Vol 1. No. 1. Official Journal of Mindanao State University College of Law. Marawi City. Philippine.
- Davis M. Jaffrey (2000). *Fiscal and Macroeconomic Impact of Privatization*. International Monetary Fund. Washington D.C.
- Dayang Khatijah Datu Bachtial (2014). *President of Sabah Women Entrepreneurship*. Personal Interview. Sandakan. Sabah.
- Dollah @ A. ZunaideyMahmood (1979). *Puisi Rakyat Suku Berunai Dan Kedayan Di Sabah*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Donald Guntabid (2014). *Musician, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah*. Personal Interview. Kota Kinabalu, Sabah.
- Ensiklopedia Britanica*. Vol 22 (1964). William Benton Publisher. United State America.
- Ensiklopedia Malaysiana*. Jilid 12 (1996). ANZAGAIN Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Frank S. Marryat (1848). *Borneo and The Indian Archipelago with Drawings of Costume and Scenery*. ASCANIO Books Pte Ltd. Singapore.
- Gudgeon L.W.W (1913). *Peeps At Many Lands British North Borneo*. Adam and Charles Black.London.
- H. Arlo Nimmo (1972). *The Sea People. A Study of Social Change in The Philippines*. Chandler Publishing Company. San Francisco.

- Harun Mat Piah (2001). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Yayasan Karyawan. Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah *et al.* (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hasbullah Ibnu Said At- Thohiri Al Yamani (1952). *Kitabul Fiqah Halaum Bahasa Sug*. Sandakan. North Borneo.
- Hashim Awang (1997). *Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Melayu*. Dalam Mana Sikana. Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Hatta Yunus (2014). *President of PUSAKA*. Personal Interview. Sandakan, Sabah
- Haynes, Thomas Henry (1885). *English, Sulu and Malay Vocabulary*. Singapore
- Healy John Raymond (1969). *A Gheographical Study of The Coastal Zone of Western Sabah*. University of California.
- Hembing Wijayakusuma (2011). *Muslim Tionghoa Cheng Ho : Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*. Yayasan Pustaka Obor. Indonesia.
- Hendon R. F (1960). *The Phonology and Morphology*. New Haven : Yale University Press.
- Irene Benggon Churuks, Janette Padasian (1993). *Cultures, Customs and Traditions of Sabah Malaysia*. Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Ismail Abas (1982). *Daling-Daling Tarian Suku Kaum Bajau-Suluk Yang Menawan*. Dewan Budaya. Oktober.
- Jacqueline Pugh Kitingan (1989). *Cultural Development In Sabah 1963-1988*. Sabah 25 Years Later 193-1988. Edited by Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili.

Institute For Development Studies. Sabah.

James Francis Warren (2007). *The Sulu Zone 1768-1898, The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. 2nd Edition. Singapore.

Jan Harpld Brunvand (1968). *The Study of American Folklore-Introduction*. W. W. Norton & Co. Inc New York.

Jimmy Kulas (2001). *Tarian Daling-Daling Bajau-Suluk Satu Kajian Kes di Pulau Gaya Sabah*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

John Barell (1995). *Teaching for Thoughtfulness*. White Plains. Longman.

Junaidi Bugdadi (2014). *Suluk Native and Translator*. Personal Interview. Sandakan, Sabah.

Kamus Dewan. Edisi Keempat (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.


Kerlinger N. Fred (1973). *Foundation of Behavioral Research*. Holt, Rinehart and Winston. New York.

King, John Wayne (1984). *A Phonemics Description of the Tambanua Language*. Summer Institute of Linguistic.

Ligaya Fernando Amilbangsa (2012). *Pangalay : Ancient Dance Heritage of Sulu*. Philippine Daily Inquirer. Dalam <http://newsinfo.inquirer.net/247943/pangalay-ancient-dance-heritage-of-sulu> retrieved on 6 march 2014, 10.06 p.m.

Luo Wangshu, Zhou Wenting, dan Cang Wei (2014). *Foreign Cemeterie In China, The Only Foreign King's Cemetery*. April 11-17. China Daily Asia Weekly.

Mabuhay Singar (undated). *Daling-daling song filipino folk song*. Retrieved on 13



- Jun 2013 in blog<http://filipinofolksongsatbp.blogspot.com/2011/07/dal-ling-dal-ling-tausug-traditional.html> Audio from a vinyl phonograph record ("FS-Mabuhay Singers, Villar Records, VMQ 5383, Mareco Inc. Philippines, Undated)
- Majul C. A (1973). *Muslim in the Philippines*. University of the Philippines Press, Manila.
- Mana Sikana (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Pustaka Karya. Bangi. Selangor Darul Ehsan.
- Mana Sikana (2013). *Berdiri di Akar Diri Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Institut Terjemahan & Buku Berhad. Kuala Lumpur.
- Mieke Bal (1985). *Narratology : Introduction to The Theory of Narrative*. Toronto. University of Toronto Press.
- Milnah Ali (2014). *Folktale Singer of PUSAKA*. Personal Interview. Sandakan, Sabah.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff (1997). *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang : Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Borneo Utara 1750-1990*. Ph.D Disertasi. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohamad Mokhtar Hassan (2002). *Mengantarabangsakan Teori Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Fazil Ajak (2011). *Bahasa Suluk Pengungkap Ketamadunan Sulu Di Sabah Satu Kajian Awal*. Latihan Ilmiah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Fazil Ajak (2013). *Suluk Sabah Kebersamaan Negeri Sembilan : Bongai dan Lughu' . Etnik Rumpun Melayu*. Penerbit Mentari. Perak Darul Ridzuan.

- Mohd Fazil Ajak, Mohd Rosli Saludin (2013). *Prinsip Perlanggaran Teksdealisme Dalam Lagu Rakyat Masyarakat Suluk : Daling-Daling*. Persidangan Transformasi Sosial Kebangsaan. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Mazri Masri (2006). *Puisi –Puisi Dalam Adat-Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rafizi Mohd Isa (2010). *Nilai Estetika Dalam Pantun Dondang Sayang*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Karisma Publication. Shah Alam, Selangor.
- Mohd Rosli Saludin (2010). *Teromba Sebagai Wahana Komunikasi Adat Melayu Tradisional*. Karisma Publication, Shah Alam, Selangor.
- Mohd Rosli Saludin, Mohd Fazil bin Ajak (2011). *Menjana Transformasi Etnik Suluk*. Crescent News Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Rashid Md Idris *et al.* (2007). *Dialektologi Melayu*. Jurnal Peradaban Melayu Keluaran 2012 (7). Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Hassan (1995). *Tarian Suku Kaum Suluk Diminati Ramai*. Borneo Mail. April.
- Moor J. H (1837). *Notice of The Indian Archipelago and Adjacent Countries : Being A Collection of Paper's Relating To Borneo, Celebes, Bali, Java, Sumatra, Nias, The Philippines Island, Sulu, China, Malayan Peninsular*. Singapore.
- Muhiddin Yusin (1990). *Islam di Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Muzaffar Dato' Hj. Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman (2001). *Ahlul-Bait*

(*Keluarga*) *Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur. Al-Wasilah Enterprise.

Nelson Dino (2014). *Suluk Native*. Personal Interview. Sandakan. Sabah.

Nisriwani & Syed Zulfida S.M Noor (2003). *101 Puteri Dunia Melayu Sejarah dan Legenda*. Jabatan Muzium dan Antikuiti. Kuala Lumpur.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, Abdul Hamid Mahmood (1995). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur

Norsaliza Hj. Mohd Shuhaini (2013). *Pemikiran Dalam Lirik Lagu Kanak-Kanak Satu Tinjauan Teori Teksdealisme*. Tesis Sarjana Kesusasteraan Melayu. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Oxford Dictionary of English Second Edition Revised (2005). Oxford University Press. United Kingdom.

Owen Rutter (1922). *British North Borneo. An Account Of Its History. Resources And Native Tribes*. Constabel & Company Limited London, Sydney, Bombay.

Rahman Shaari (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Roger T. Bell (2012). *Terjemahan Produk dan Proses*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

S. Abdullah Hassan (1973). *Kepercayaan dan Ilmu Dukun Dikelompok Tao Sug (Suluk) Daerah Sandakan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Universiti Malaya.

Saedah Siraj (2013). *Pedagogi Bahasa Melayu : Ke Arah Penyelidikan Berasaskan Kajian Masa Depan*. Prosiding Penyelidikan Bahasa Melayu. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak.

- Saharom Hussain (1982). *Berkunjung Ke Sabah*. Gapura Sastera.
- Saida Harris (1998). *Hubungan Suku Kaum Idahan & Suku Kaum Taosug Datu Di Lahad Datu, Sabah*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Saleby Najeeb. M (1908). *The History of Sulu*. Manila. Bereau of Printing.
- Saliha Musor (2005). *Pepatah Sebagai Cerminan Akar Bangsa Melayu*. Tesis Sarjana Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samuel. K. Tan. (2010). *The Muslim South and Beyond*. The University Of The Philippine Press. Diliman, Quezon City, Manila.
- Smith C.C, Rev. Father J. Juanmart (1906). *A Grammar Of The Maguindanao Tongue :According ToThe Manner Of Speaking It In The Interior And On The South Coast Of The Island Of Mindanao*. Washington Government Printing Office.
- Sohaimi Abdul Aziz (2001). *Kesusasteraan Bandingan : Perkembangan, Pendekatan, Praktis*. Utusan Publication. Kuala Lumpur.
- Sophia Akmadul (2009). *Nilai Estetika Dalam Jampi Pengasih Masyarakat Tausug Di Sabah*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI.
- Supriya Bhar (1981). *Sandakan One Hundred Years 1879-1979*. Sabah Government Printing Department. Sabah.
- Suzanah Mohamad (2008). *Perbezaan Kebudayaan Masyarakat Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur : Adat dan Kepercayaan Dalam Perkahwinan*. Latihan Ilmiah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tarling Nicholas (1978). *Sulu and Sabah. A study of British Policy Towards The Philippines and North Borneo From Late Eighteenth Century*. Kuala Lumpur.

The American Heritage Dictionary of the English Language 3rd Edition (1992).
Houghton Mufflin Company. Boston.

Tuban Rita (1950). *Tausug Folk Literature*. M. A. Dissertation. University Of
Philippine. Diliman, Manila.

Zainal Abidin Ahmad (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III Edisi Baharu*.
Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Zurinah Hasan (2012). *Puisi Melayu Tradisional-Pantun, Syair, Gurindam dan
Seloka*. Pekan Ilmu. Kuala Lumpur.

**TARI MAPPADENDANG SEBAGAI UNGKAPAN KASIH SAYANG ANTAR SESAMA
MASYARAKAT BUGIS DI SULAWESI SELATAN, INDONESIA**

Muhsyanur

Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia
STKIP Puangrimaggalutung Sengkang, Kabupaten Wajo

muhsyanursyahrir@yahoo.co.id

ABSTRAK

Mappadendang merupakan salah satu tarian adat yang ada di dalam kehidupan masyarakat Bugis. *Mappadendang* berarti mendengdangkan bunyi-bunyian, yaitu perpaduan bunyi tumbukan alu ke lesung yang silih berganti sewaktu menumbuk padi. Bunyi-bunyian tersebut sangat khas bermakna dan memiliki nilai sosial yang tinggi atau nilai kemanusiaan, yaitu untuk mengungkapkan perasaan kasih sayang terhadap sesama manusia. Di dalam makalah ini ditemukan beberapa unsur nilai kemanusiaan yang tersirat pada tarian *mappadendang*, yaitu (1) pentingnya saling berbagi: mengasihi dan memberi, (2) pentingnya menciptakan hidup rukun: menghormati dan toleransi, dan (3) pentingnya saling bekerjasama: gotong royong dan bahu membahu. *Mappadendang* sudah menjadi tradisi yang melekat dalam kehidupan masyarakat Bugis sejak nenek moyang ada dan telah diturunkan dari generasi ke generasi hingga masa sekarang. *Mappadendang* merupakan seni tradisional yang memiliki keunikan tersendiri sehingga dalam pertunjukannya sangat menarik untuk ditonton. Dalam pertunjukannya komponen utamanya, yaitu 6 (enam) perempuan, 3 (tiga) pria, bilik baruga, lesung, alu, dan pakaian tradisional Bugis yaitu baju *Bodo*. Para perempuan yang beraksi dalam bilik baruga disebut *Pakkindona*, sedang pria yang menari dan menabur bagian ujung lesung disebut *Pakkambona*. Bilik baruga terbuat dari bambu, serta memiliki pagar yang terbuat dari anyaman bambu yang disebut *walasoji*.

Kata kunci: *mappadendang*, Bugis, bilik baruga, lesung, alu, baju *Bodo*

**PRINSIP 'SIRI' DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT
BUGIS DI JAMBI INDONESIA**

**MAKMUR HAJI HARUN
MUHAMMAD YAHYA SIBE
BUCHARI KATUTU**

**Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)
35900, TANJONG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN**

2015

**PRINSIP 'SIRI' DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT
BUGIS DI JAMBI INDONESIA**

0

31

Makmur Haji Harun, Muhammad Yahya Sibe & Buchari Katutu
Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Email: makmur@fbk.upsi.edu.my, Telefon: +6016 365 6350.

Abstrak

Prinsip hidup masyarakat Bugis dimana pun mereka berada sama termasuk di Jambi iaitu memiliki satu falsafah teguh dalam kehidupan mereka sehari-hari dikenal sebagai 'siri, pesse dan ade' diwariskan turun-temurun sebagai prinsip hidup. Prinsip ini berdampak kepada agama, sosial, budaya, masyarakat dan pelbagai aspek lainnya termasuk dalam perkahwinan. Majelis kenduri kahwin bagi orang Bugis memilih pelbagai cara, adat dan tradisi tertentu yang perlu terus dijaga sebagai falsafah "siri". Metodologi kajian ini menggunakan kajian lapangan dalam masyarakat Bugis di Provinsi Jambi Indonesia. Objektif kajian pula ingin memperdalam prinsip Bugis mengikut adat istiadat, pemali, pantangan, tolak ansur dan persaudaraan Islam sebagai keyakinan hidup mereka. Dapatan kajian berdampak kepada adat, budaya dan tradisi serta kebiasaan seharian. Selain berpengaruh kepada aksara, sastera, lagu, jiwa, seni dan budaya. Melalui tulisan ini, penulis ingin mengungkap prinsip 'siri' dalam masyarakat Bugis sebagai satu falsafah hidup mereka melalui perkahwinan yang khas dan unik di mana sahaja mereka berada termasuk di Jambi. Perbahasan ini diharapkan juga mampu menjadi wacana ilmu untuk mengungkap warisan khazanah budaya perantau Bugis bersama suku etnik pribumi lainnya di tempat kajian.

Kata kunci: Prinsip 'siri', Perkahwinan masyarakat Bugis dan Jambi Indonesia.

UPACARA PERKAWINAN (BARARAK) NEGERI KUANTAN SINGINGI

Oleh hasbullah rifai

(Mahasiswa pada Institut Pemerintahan Dalam Negeri)

E-mail : hasbullah_rifai@yahoo.com

mengambil kainnya,
bungkus burit bungkus kepada,
di atas gading Si Lionong Muda Si;
Si Linong.

(*Diangdangan Tuan Pemagat* 2011:33)

Melalui perwatakan Awang Muda Si Linong yang diberikan ini memperlihatkan bahawa perwatakan watak Awang Muda Si Linong ditonjolkan selepas berlakunya motif percintaan iaitu semuanya berasal daripada nafsu Awang Muda Si Linong yang terlalu berahi mencintai tuan puteri. Ini bermakna motif percintaan juga berperanan untuk menonjolkan, menggambarkan dan mengembangkan perwatakan watak sekaligus memberi makna bahawa motif percintaan merupakan salah satu motif yang penting dalam cerita.

WATAK PENJARAH

Motif percintaan katagori nafsu berahi juga dilakukan oleh watak penjarah dalam *Diangdangan Tuan Pemagat*. Motif percintaan ini selalunya menyebabkan watak penjarah melakukan penculikan dalam cerita Melayu tradisional, baik lisan mahupun tulisan.⁴ Oleh kerana itu Vlandimir Propp (1987) juga meletakkan motif penculikan dilakukan oleh penjarah.⁵ Namun yang penting, motif penculikan dilakukan disebabkan motif berahi watak penjarah kepada wirawati yang akhirnya memberikan fungsi cerita iaitu menyebabkan wira

⁴ Motif penculikan banyak diketengahkan dalam karya lipurlara atau karya-karya hikayat terutama karya pengaruh Hindu seperti *Hikayat Seri Rama*. Hikayat Seri Rama mempunyai pelbagai versi daripada negeri India, Jawa dan Nusantara. Hikayat Seri Rama versi bahasa Melayu dalam bentuk tradisi tulisan ada dua buah versi iaitu Oordavan Eysinga (Naskhah Eysinga dipercayai bertarikh lebih awal daripada naskhah Shellabear. Versi Eysinda dianggap sebagai versi yang tertua dalam Bahasa Melayu dan ceritanya hampir sama dengan Ramayana Valmiki) dan naskhah Shellabear (Naskhah Shellabear milik Archbishop Laud, sejak tahun 1633 Masahi yang tersimpan di Perpustakaan Bodlein di Oxford. Dalam versi Shellabear telah menampak unsur Islam telah disisipkan sehinggakan versi ini jauh menyimpag daripada Ramayana Valmiki). *Hikayat Seri Rama* di Brunei diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka hasil susunan Awang bin Ahmad.

⁵ Vladimir Propp dalam kajian struktur plot meletakkan motif penculikan dalam bahagian plot ke 8A digolongkan dalam fungsi tindakan 'Penjarah Menyebabkan Kesusahan atau Kecederaan Kepada Seorang Ahli Di Dalam Sesebuah Keluarga.

keluar dari istana atau negerinya untuk mencari kekasih/tunang/isteri yang diculik atau benda/alat sakti yang dicuri (V. Propp terj. Noriah Taslim.1987:34).

Dalam *Diangdangan Tuan Pemagat*, berlaku dua peristiwa motif percintaan watak penjarah yang menyebabkan berlaku percubaan penculikan dan perampasan terhadap isteri Tuan Pemagat dalam dua situasi berbeza. Namun kedua-dua penculikan ini berlaku disebabkan watak penjarah berahi kepada wirawati iaitu isteri kepada Tuan Pemagat yang digambarkan kecantikan dan kejelitaannya di dalam diangdangan. Peristiwa pertama, penjarah iaitu Raja Basi menculik isteri Tuan Pemagat iaitu Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Peristiwa kedua, penjarah iaitu Sultan Muda Balah Muka merampas isteri Tuan Pemagat iaitu Puteri Dang Seri Gambar.

Perwatakan Raja Basi dipertunjukkan melalui peristiwa Raja Basi jatuh berahi terhadap Tuan Puteri Dang Seri Gambar ketika hendak mencabar wira iaitu Tuan Pemagat. Oleh kerana Tuan Pemagat tiada kerana ke Negeri Tanbun sedang berperang membantu saudaranya Awang Muda Si Linong menentang Sultan Ka Tujuh., Raja Basi yang telah terpesona dan jatuh berahi kepada isteri Tuan Pemagat pun bertindak untuk menculik Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Tindakan yang dilakukan oleh Raja Basi dalam peristiwa ini menampilkan keperkasaan dan kegagahannya. Selain daripada gagah, Raja Basi juga seorang yang berani dan suka mencabar.

“Dikalau malawan jadi tawanan,
dikalau panakut jadi rampasan,
niscaya tuan puteri akan diambil ini sahari;
hari ini.”

(*Diangdangan Tuan Pemagat* 2011:55)

Raja Basi memiliki kesaktian dan mampu menjelmakan dirinya dalam pelbagai bentuk. Raja Basi melakukan kesaktiannya ketika menculik isteri Tuan Pemagat. Tuan Puteri Dang Seri Gambar tidak rela mengikuti Raja Basi sebaliknya mengambil keputusan untuk memerangnya. Raja Basi melakukan kesaktian-kesaktiannya melalui perbuatan beriyang-iyang yang boleh memohon apa sahaja kesaktian yang dimahukannya. Raja Basi memohon gunung berapi, tali pengikat dan mengubah dirinya menjelma menjadi pelbagai bentuk seperti petikan berikut;

maiang-iang Si Raja Basi,
“Iang-iang ku sidawata,
bukan ku Si Pugut Si Bandan lata,

asal ku anak raja mambalah bumi di angkasa,
turunkan apa gunung api,
sudah turun alamani di a;
ni di alaman.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:64)

maiang-iang Si Raja Basi,
"Iang-iang ku sidawata,
bukan ku Si Pugut Si Bandan lata,
aku asal anak raja mambalah bumi angkasa dari ang;
dari angkasa.
Turunkan apa kalat ku sakti,
mamayuk kepada tuan puteri alamani di a;
ni di alaman."

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:65)

Garam ati Si Raja Basi:
"Dayang malai dayang bungangku.
baik katani baparang di awan selama di dalam;
di dalam awan.
Aku manjadi Burung konon Itam Alang;
ni Alang Itam."
Raja Basi menjadikan Burung Alang Itam,
tuan puteri manjadikan Burung Alap Si Alap;
Si Alap-Alap.
Alang Itam tari-tari,
di dalam awan konon awan dalam;
di dalam awan.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:67)

Namun begitu, kesaktian Raja Basi tidaklah sehebat tindakannya yang berani mencabar Tuan Pemagat. Percubaan menculik Tuan Puteri Dang Seri Gambar dengan maksud mencabar Tuan Pemagat adalah bukan tindakan yang secocok dengan kegagahannya. Setiap kesaktian yang diiyang-iyangkan oleh Raja Basi berjaya dipatahkan oleh Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Mereka berperang di daratan, di lautan dan di udara dengan menjelmakan diri mereka dalam pelbagai bentuk. Namun kesemua kesaktian Raja Basi berjaya ditentang oleh Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Ini menandakan bahawa kekuasaan Raja Basi tidaklah setinggi tindakannya. Tindakannya mencabar Tuan Pemagat sebenarnya tindakan yang mengikut perasaan dan boleh membinasakan dirinya sendiri seandainya Tuan Pemagat benar-benar menentang dan memeranginya.

Sultan Muda Balah Muka merupakan salah seorang watak penjarah yang terpesona dan jatuh berahi kepada isteri Tuan Pemagat iaitu Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Melalui motif percintaan ini, berlakulah motif-motif yang lainnya seperti motif perampasan, motif peperangan, motif kesaktian dan lain-lain lagi. Peristiwa ini terjadi adalah akibat daripada sikap ayahanda Tuan Puteri Dang Seri Gambar yang beranggapan bahawa Tuan Pemagat telah tewas dan mati di Negeri Bandar Tanbun ketika bertempur dengan Sultan Ka Tujuh. Hakikatnya, Tuan Pemagat telah pergi ke Negeri Kainrahan untuk mengambil isterinya semula sebelum sempat berkahwin dengan Sultan Muda Balah Muka.

Dalam peristiwa ini, Sultan Muda Balah Muka telah berperang dengan Tuan Pemagat. Perkelahian diantara kedua-dua pihak ini akhirnya menyebabkan Tuan Puteri Dang Seri Gambar menjadi mangsa. Tuan Puteri Dang Seri Gambar telah dibelah dua oleh Tuan Pemagat untuk mencabar kesaktian Sultan Muda Balah Muka namun Sultan Muda Balah Muka gagal menyatukan semula badan Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Akhirnya badan Tuan Puteri Dang Seri Gambar berjaya disatukan semula oleh Tuan Pemagat.

Barkata Tuan Pemagat:

“Ya kau Sultan Balah Muka,
pun sudah kau mengakun ampunyai bini,
aku jua mengakun ampunya bini,
baik ku tampik tuan tuan puteri,
dari bumbunan bumbunan dari bum;
dari bumbunan.”

Ditampiknya tuan puteri dari bumbunan,
tarus ka bawah puteri si tuan;
si tuan puteri.

Bakata Tuan Pemagat:

“Ya kau Sultan Balah Muka,
dikalau kau ampunya bini,
cuba tah tamukan puteri si tuan;
si tuan puteri.”

Dipuja ulih Sultan Balah Muka,
tiada batamu Puteri Gambar silama Dang Sari;
Sari Gambar.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:107)

Peristiwa ini memperlihatkan bahawa kekuasaan atau kesaktian Sultan Muda Balah Muka tidak sehebat atau tidak setanding dengan Tuan Pemagat. Malah akhirnya Sultan Muda Balah Muka dihumban ke luar halaman istana dan dibunuh oleh Awang Muda Si Linong.

Garam ati Tuan Pemagat,

diangkatnya Sultan Balah Muka,
ditabakkannya di tabuk rancangan,
manuju alaman silamani di a;
ni di alaman,
disambut ulih Muda Si Linong Sultan Balah Muka,
langsung dipancungnya Muka Si Balah;
Si Balah Muka,
putus dua arapanyamat,
di alaman alamani dia;
di alaman

(*Diangdangan Tuan Pemagat* 2011:108)

Kedua-dua watak penjarah yang diceritakan iaitu watak Raja Jin dan watak Sultan Muda Balah Muka adalah merupakan watak penjarah yang menggerakkan motif percintaan. Motif percintaan ini disebabkan kerana kedua-dua watak penjarah ini terpesona dan berahi kepada Tuan Puteri Dang Seri Gambar sehingga melakukan penculikan atau perampasan. Persitiwa ini juga secara tidak langsung memperlihatkan kehebatan watak penjarah dan watak wira. Disamping itu, melalui motif percintaan juga memperlihatkan tindakan atau aksi watak wira dan watak pembantu yang lainnya dan tidak secara langsung memperlihatkan perwatakan dan tingkah laku watak.

WATAK WIRA

Dalam *Diangdangan Tuan Pemagat* ini, motif percintaan dilakukan oleh Tuan Pemagat menunjukkan dua bahagian motif percintaan yang lain iaitu motif kasih sayang dan motif rindu. Oleh kerana kasih sayangnya kepada adiknya Awang Muda Si Linong yang sedang bertempur dengan Sultan Ka Tujuh, motif kasih sayang ini telah membuatkan wira keluar dari istana untuk menggembara dan membantu adiknya bertempur. Ini menunjukkan motif kasih sayang bukan sahaja menggerakkan watak malah secara tidak langsung menonjolkan perwatakan watak wira dalam pertempuran dengan kesaktian-kesaktian wira. Disamping itu juga memperlihatkan bahawa watak wira merupakan seorang watak yang mengambil berat tentang adiknya Awang Muda Si Linong, mempunyai semangat persaudaraan, setiakawan dan perkasa serta berani menentang sesiapa sahaja yang ingin mencederakan adiknya.

Sesudah mengalahkan Sultan Ka Tujuh, sekali lagi watak wira digerakkan dengan motif percintaan iaitu motif rindu kepada isterinya. Watak wira iaitu Tuan Pemagat yang bertempur di Negeri Tanbun tidak mengetahui bahawa isterinya bertempur dengan Raja Basi

kerana Raja Basi telah terpesona, berahi dan hendak menculik Tuan Puteri Dang Seri Gambar. Oleh kerana terlalu rindu terhadap isterinya, berlakulah pengembaraan wira kali kedua untuk mencari isterinya. Melalui pengembaraan ini diperlihatkan beberapa motif lain seperti motif kesaktian dan motif penjelmaan yang dilakukan oleh watak wira iaitu Tuan Pemagat dan juga watak sampingan iaitu Awang Muda Si Linong. Ketika Awang Muda Si Linong ditimpa masalah, Tuan Pemagat datang membantu, kini giliran Awang Muda Si Liong memberikan bantuan mencari Tuan Puteri yang hilang. Secara tidak langsung menunjukkan perwatakan kedua-dua watak yang saling tolong menolong dan setiakawan.

WANITA DALAM MOTIF PERCINTAAN

Watak wanita merupakan watak dominan yang menjadi sebab kepada motif percintaan. Disebabkan motif percintaan juga, watak wanita selalu menjadi mangsa penculikan. Watak wanita sering diberi gambaran kecantikan paras rupa yang sangat cantik dan menawan. Deskripsi kecantikan watak wanita sering dipertunjukkan secara berlebih-lebihan sehingga membuatkan watak-watak lain dalam cerita terpegun dan terpesona dengan kecantikan watak wanita tersebut sehingga menimbulkan nafsu berahi dan niat untuk memiliki wanita yang menjadi pujaan ramai itu.

Dalam motif penculikan yang dibicarakan ini, kajian lebih tertumpu kepada motif percintaan yang menonjolkan sikap, tingkah laku atau perwatakan watak wanita kesan dari penculikan yang dilakukan terhadap dirinya. Namun begitu, setiap watak wanita ini mempertunjukkan perwatakan mereka dalam perbagai perwatakan. Maka dari itu, watak wanita boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu watak wanita penentang dan watak wanita pemangsa. Dalam *Diangdangan Tuan Pemagat* ini, watak wanita yang menjadi rebutan seolah-olah berani tampil ke hadapan untuk menentang. Watak wanita penentang adalah menggambarkan watak wanita yang berani, gagah dan perkasa kerana tidak berdiam diri ketika hendak diculik sebaliknya bertindak untuk menentang si penculik. Watak wanita penentang dijumpai dalam *Diangdangan Tuan Pemagat* melalui watak Tuan Puteri Dang Seri Gambar dan watak Tuan Puteri Intan Kumala.

Tuan Puteri Dang Seri Gambar merupakan watak yang turut digerakkan oleh motif percintaan yang digambarkan melalui motif kasih sayang kerana taat setia kepada suaminya Tuan Pemagat. Kesetiaannya diperlihatkan dalam diangdangan iaitu ketika peristiwa Raja

Basi cuba untuk menculiknya. Sebagai isteri yang setia kepada suaminya, Tuan Puteri Dang Seri Gambar tidak rela dirinya diambil atau diculik begitu sahaja, sebaliknya dia sendiri tampil ke hadapan untuk menentang Raja Basi memandangkan suaminya sudah keluar dari negeri Nilam Digubah untuk berperang membantu Awang Muda Si Linong di Negeri Tanbun. Kesetiaan dan kehebatan Tuan Puteri Dang Seri Gambar boleh dilihat melalui petikan berikut;

“Aku orang balaki sakarang ini ini sakarang;
sakarang ini,
dikalau aku inda balaki mau ku jua ani aku orang balaki,
mana ku mau diambil ulih Basi Si Raja,
Si Raja Basi.”
Langsung bakata tuan puteri:
“Dui! ayah ja orang ayah,
padahkan tah kepada lasgar panglima,
ini banar panglima laskar pang;
panglima.
Aku daulu bacuba barmain parang,
jangan Sultan Raja Basi,
dikalau aku sintir baparang,
baruku balaki Basi Si Raja;
Si Raja Basi.”

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:56)

Peristiwa ini juga memperlihatkan bahawa Tuan Puteri Seri Gambar seorang watak wanita yang mempunyai kesaktian dan boleh menyamar dalam pelbagai rupa. Kesaktian Tuan Puteri Seri gambar dipertunjukkan ketika memerangi Raja Basi. Peperangan tersebut telah berlangsung di daratan, lautan dan udara dengan menjelma kepada pelbagai bentuk binatang. Namun semua kesaktian Raja Basi dapat ditentang oleh Tuan Puteri Seri Gambar.

Manatak Raja Basi,
manatak banar-banar manatak basirga-sirga,
seperti ayam padi mamatuk;
mamatuk pafi.
Tuan Puteri Sari Gambar tahat membuang manangkis tahat ma;
tahat manangkis,
lakat lagi tuan puteri,
takidum-kidum luring tatawa;
tatawa luring:

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011: 63)

Tuan puteri manjadi akan,
Iyu Kuning laut di dalam;
di dalam laut,

mananang Iyu Kuning dibubut ulih,
Ikan Parangan laut di dalam;
dalam laut.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011: 63)

Tuan puteri manjadi Burung Alang Itam,
tuan puteri manjadikan Burung Alap Si Alap;
Si Alap-Alap.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011: 67)

Tuan Puteri Seri Gambar digambarkan sebagai seorang yang gagah dan perkasa bukan sahaja daripada kesaktiannya, tetapi dari ketabahan hatinya kerana memerangi Raja Basi walaupun ketika itu sedang sarat mengandung. Ini memperlihatkan kesetiaan, kehebatan dan kepahlawanan watak Tuan Puteri Seri Gambar yang tidak rela dirinya diculik tanpa memberi tentangan kepada penculik.

Tuan Puteri pun sudah,
hampir hari awan ni dalam;
ni dalam awan,
tajam tuan puteri akan baranak konon awan di dalam;
di dalam awan.
Sambil manakan parutnya sambil tarabang,
di dalam awan konon awan di dalam;
di dalam awan,
baranak di dalam awan,
anaknya tagugur di dalam danau danau di dalam;
di dalam danau.
Disambul ulih buaya putih danau di dalam;
di dalam danau,

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011: 68)

Tuan Puteri Dang Seri Gambar bukan sahaja setia kepada suaminya, tetapi dia juga setia kepada ayahndanya. Kesetiaannya ini dapat dilihat dalam peristiwa Tuan Puteri Dang Seri Gambar hendak dikahwinkan dengan Sultan Balah Muka. Kejadian ini terjadi kerana Ayahnda Tuan Puteri Dang Seri Gambar mengatakan bahawa Tuan Pemagat telah mati dalam peperangan. Oleh kerana itu, Tuan Puteri Dang Seri Gambar terpaksa menurut perintah ayahndanya kerana kasih sayang kepada ayahnya.

“Dui! ayah ja oragn ayah,
tiada ku mau balaki kapada Sultan Balah Muka,
karana aku orang balaki,

sakarang ini nyanta ayah ja orang;
ja orang ayah.
Karana ayahku lain parangai,
lain takana orang orang muda lain parangai,
lain sakarang muda ja orang;
ja orang muda.
Dikalau ayahku mananggung bahaya,
orang muda,
baru ku balaki nyanta ayah ja orang;
ja orang ayah.”
Pantas manjawab ayahnya:
“Dayang malai dayang bungangku,
dayang sunting caramin mata,
jangantah dinantilah orang muda,
karana orang muda mati sudah,
di Nargi Tanbun dayang malai dayang bu;
dayang bungangku.”

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011: 63)

Watak wanita penentang yang tergerak oleh motif percintaan juga diperlihatkan melalui watak Tuan Puteri Intan Kumala iaitu tunangan Sultan Ka Tujuh yang dirampas oleh Awang Muda Si Linong. Pada dasarnya, perwatakan Tuan Puteri Intan Kumala sebenarnya adalah seorang yang setia kepada tunangannya tetapi oleh kerana Awang Muda Si Linong telah membacainya maka Tuan Puteri Intan Kumala pun berlembut hati dengan Awang Muda Si Linong.

ditiupnya bandul mahligai tinggi mamburantak,
dari sapanggal babuyah dari sapanggal,
mahligai tinggi silama mahligai;
mahligai tinggi.
Pun lagi orang di dalam mahligai tinggi,
tiada basadar sadikit barang sa;
sadikit,

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:22)

Ini memperlihatkan bahawa pada awalnya, sikap Tuan Puteri Intan Kumala adalah seorang penentang kerana tidak merelakan dirinya iaitu sebagai tunangan orang dirampas oleh Awang Muda Si Linong. Namun oleh kerana Awang Muda Si Linong menyihir Tuan Puteri Intan Kumala, mala Tuan Puteri Intan Kumala pun merelakan dirinya dan jatuh cinta dengan Awang Muda Si Linong.

Pun lagi tuan puteri dibujuknya dibalainya,

tuan puteri di atas gading panggau;
di panggau gading.
Banar tulangnya karas manjadi lambat,
uratnya karau lamah manjadi;
manjadi lamah,
tubuhnya lampuh manjadi kurus,
tuan puteri di atas gading panggau;
di panggau gading.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:22-23)

Oleh sebab sihir itu juga, Tuan Puteri Intan Kumala telah kasih sayang kepada Awang Muda Si Linong dan sanggup melakukan apa sahaja demi Awang Muda Si Linong hinggakan berani menentang Sultan Ka Tujuh. Ini menunjukkan disebabkan motif percintaan, walaupun percintaan dan kasih sayang disebabkan sihir telah menunjukkan perwatakan Tuan Puteri Intan Kumala iaitu seorang watak wanita penentang, malah dia juga seorang yang berani dan perkasa. Perkara ini dapat dilihat melalui perbuatan Tuan Puteri Intan Kumala yang memasang baju perang ketika Awang Muda Si Linong dicabar oleh Sultan Ka Tujuh. Ketika itu, Awang Muda Si Linong yang disangka hebat rupanya tidak bertanggungjawab atas perbuatannya lalu bersembunyi. Ketika Awang Muda Si Linong bersembunyi, Tuan Puteri Intan Kumala telah menyahut cabaran Sultan Ka Tujuh.

Dikalau si muda tiada malawan Sultan Ka Tujuh,
aku malawan muda ja orang;
ja orang muda.”

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:33)

Pun lagi rakyat yang banyak,
maujani bujak dan lambing,
kepada puteri silama tuan;
si tuan puteri.
Pun lagi bujak dan lambing,
tiada singgah manyinggah,
tiada manyagir sadikit barang sa;
barang sadikit.

(Diangdangan Tuan Pemagat 2011:34)

Peristiwa peperangan ini serba sedikit memberi gambaran atau perwatakan Tuan Puteri Intan Kumala yang digerakkan motif percintaan. Ini bermaksud bahawa motif bercintaan juga berfungsi memberikan gambaran watak wanita yang menjadi rebutan di dalam cerita diangdangan.

KESIMPULAN

Motif percintaan mempunyai kepelbagaian fungsi atau peranan dalam sesebuah cerita diangdangan. Motif percintaan bukan sahaja untuk mengembangkan struktur cerita atau plot, namun motif percintaan juga berfungsi untuk menonjolkan atau menggambarkan perwatakan watak-watak dalam sesebuah cerita diangdangan.

Motif percintaan bukan sahaja menggerakkan watak utama, malah motif percintaan juga bertindak untuk menggerakkan watak-watak yang lain dalam cerita seperti watak sampingan atau bantuan, watak penjarah, dan watak wanita sebagai mangsa kepada percintaan yang penuh berahi. Motif percintaan watak penjarah menyebabkan watak penjarah menculik wirawati dan menjadi sebab kepada watak wira untuk mencari kekasih atau isterinya sehingga membuatkan watak wira sebagai watak pencari. Untuk mencari kekasihnya, watak wira akan keluar mengembara serta menonjolkan kehebatan atau kesaktian seperti menjelma, menyamar dan sebagainya. Semua yang dilakukan oleh watak dalam usaha mencari kekasihnya menggambarkan motif percintaan watak wira yang kasih dan setia mencari kekasihnya sehingga berjumpa.

Salah satu tujuan motif percintaan adalah untuk mengembangkan perwatakan watak agar tidak sekaligus digambarkan pada awal plot cerita iaitu di bahagian permulaan cerita. Pemerian watak tidak diberikan sekaligus di dalam bahagian awal plot kerana untuk menarik minat khalayak agar mengikuti perkembangan watak.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ahmad. 1992. *Kajian Motif Cerpen-Cerpen Dewan Siswa 1983-1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alan Dundes. 1965. *The Study of Folklore*. University of California. Berkeley.
- Ampuan Dr Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. 2006. *Fungsi Sastera*, Negara Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
- Ampuan Dr Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. 2010. *Kesusasteraan Brunei Tradisional Pembicaraan Genre dan Tema*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampuan Dr. Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. 2011. *Pembicaraan Sastera Dan Budaya*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Bin Ahmad. 1986. "Sastera Rakyat (Diangdangan) Peranan dan Perkembangannya Dalam Kesusasteraan Melayu Brunei" dalam *Bahana*, Jilid.2 Bil. 6. Mei . Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Bin Ahmad. 1986. "Sastera Rakyat (Diangdangan) Peranan dan Perkembangannya Dalam Kesusasteraan Melayu Brunei" dalam *Bahana*, Jilid.2 Bil. 6. Jun . Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang bin Ahmad. 2000. *Diangdangan Bujang Sigandam*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayangku Hajah Rosenani Pengiran Haji Halus dan Hajah Siti Zainab Haji Hitam (Peny.). 2011. *Diangdangan Sultan Muda Pukul Gelombang Anak Tuan Pemagat*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Donna Rosenberg. 1997, ' *Folklore Myths, and legends A World Perspective*'. NTC Publishing Group, Lincolnwood , Ilinios USA.
- Gira Ujan, 2008. *Pengantar Sejarah Kesusasteraan Klasik Melayu Brunei*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajah Rayah Md Ali. 1996. "Gaya Bahasa Cerita Berirama Brunei Darussalam" dalam kertas kerja Seminar International Tradisi Lisan Nusantara, Kampus Fakultas Sastera Universiti Indonesia, Depok pada 28-30 November 1996.
- Haji Hashim bin Haji Abd Hamid. 2005. *Tamadun Brunei : Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*. Negara Brunei Darussalam.
- Harun Mat Piah. 2003. *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim bin Haji Abd Hamid. 2002. *Bicara Sastera Brunei*. Negara Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim bin Haji Abd. Hamid. 1999, *Cerocok Budaya Brunei*, Negara Brunei Darussalam : Akedemik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Bin Haji Abd. Hamid. 2004. *Campur Langkah Bicara*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Hj Abd. Hamid. 1991. "Bahasa Dan Sastera Tradisional Brunei" dalam *Pertemuan Sastera Nusantara IV*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Magon Haji Ghafar. 1989. "Diangdangan Suatu Kelainan Dari Segi Cerita Penglipur Lara" di dalam *Bahana* Julai. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslin Bin Haji Jukim. 2011. "Diangdangan: Isu Asal Mulanya" di dalam kertas kerja (belum Terbit) Seminar Sejarah Borneo ke-2, Anjuran Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 19-21 Oktober 2011.
- Maslin Bin Haji Jukin. 2006. "Diangdangan: Menyingkap Kembali Asal Usulnya" dalam *Pangsura*, Jan-Jun, Bil 22, Jilid 12. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani (Ketua Penyusun). 2007. *Kamus Dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman (Ed). 1975. *Tradisi Lisan Di Malaysia*. Malaysia : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pusataka.
- Sabtu Ampuan Sapiuddin. 1977. "Diangdangan" dalam *Bahana* Jilid 12, April Jun. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2010. *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Stith Thompson. 1997. *The Folktale*. London, England: University of California Press.
- Zalila Sharif. 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

ROMANTISME DALAM NYANYIAN RAKYAT ETNIK KIMARAGANG, SUNGAI DAN LUNDAYEH DI SABAH

Oleh : Dayangku Mastura

Pengenalan

Sebagai salah satu bentuk kesenian tradisi yang menarik dan diamalkan oleh masyarakat tradisional, nyanyian rakyat diucapkan secara spontan dan konsisten. Dalam konteks sastera, nyanyian rakyat tersenarai sebagai sastera lisan berbentuk bukan cerita; dicipta dalam struktur rangkap berirama, sama ada ia disampaikan oleh seseorang penutur, dengan iringan alat bunyi-bunyian khusus ataupun tidak. Seseorang penutur nyanyian rakyat bertanggungjawab dalam menentukan kesan keindahannya tetap terpelihara. Walaupun tidak semestinya disusun dengan bahasa yang puitis, namun pada setiap rima akhir akan memberikan sebutan bunyi yang sedap dan lunak didengar. Pilihan kata dalam nyanyian rakyat adalah luapan fikiran, perasaan dari hati yang melukiskan rasa kemanisan serta keindahan nilai budaya, yang membawa pendekatan ke arah nilai kekayaan dalam kehidupan sebenar.

Bahasa dan kehidupan telah berlaku serentak dan bersepadu harmoni. Nyanyian rakyat dirumuskan sebagai bentuk pengucapan yang bersifat hiburan dan didaktik, disampaikan secara sindiran, suatu nasihat, dan terdapat juga segelintir lagu atau nyanyian yang bersifat kerohanian, juga keagamaan yang mewakili jiwa masyarakat berkenaan. Pernyataan ini disokong dengan pendapat Aripin Said (1994:103), yang merumuskan bahawa nyanyian rakyat merupakan satu bentuk puisi klasik yang membawakan irama merdu dan menawan, di samping mempunyai nilai-nilai pendidikan.

Sejak awal kehidupan, manusia telah belajar menyediakan diri dengan alam persekitarannya. Manusia telah berevolusi dari kelompok kecil pada awal kehidupan dan kemudiannya berkembang membentuk kelompok yang lebih besar. Perubahan bermasyarakat ini didorong oleh perubahan dan pembentukan pemikiran sesuatu kelompok tersebut. Namun, hakikatnya manusia bergerak berdasarkan naluri dan dayanya, dibatasi oleh kemampuan fizikal ataupun spiritualnya. Dalam kelompok kecil, masyarakat membentuk pola budaya sendiri dan ini mempunyai kesamaan perilaku manusia yang berinteraksi dengan alam persekitarannya.

Dalam pengamalan sistem sosial yang terikat dengan semangat kerjasama dan kolektif atau disebut sebagai masyarakat tradisional yang statik serta tidak berhubung dengan masyarakat luar, nyanyian rakyat ini berkembang dalam konteks tertutup, iaitu hanya berkembang dalam kalangan anggota masyarakatnya sahaja. Kerana itu, karya yang terhasil merupakan hak milik bersama dalam tradisi penggunaan satu bahasa, iaitu dalam bahasa sukuan etnik tersebut sahaja. Nyanyian rakyat

hanya diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan iaitu secara alamiah, hafalan dan kesinambungan tradisi kekeluargaan, sekurang-kurangnya untuk dua generasi tanpa ada rombakan kerana sifat dinamik sastera lisan itu sendiri. Walaupun dengan sifat yang tertutup ia tidaklah bermakna intipati nyanyian rakyat itu mundur, malahan melalui pembicaraan ini didapati nilai pemikiran yang terkandung dalam nyanyian rakyat tersebut adalah bersifat sejagat, sesuai sebagai wahana yang mewakili pemikiran etnik berkenaan.

Pembicaraan ini berdasarkan teks hasil pengumpulan dokumentasi mengenai nyanyian rakyat yang terdapat di negeri Sabah. Penelitian ini agak terbatas, kerana pengkaji yakin masih terlalu sedikit bahan-bahan kajian mengenai genre yang dikaji. Namun, situasi ini tidak menjadi penghalang, malahan menjadi dorongan kepada pengkaji untuk berusaha secara berterusan, meneroka dengan lebih mendalam lagi akan keistimewaan nyanyian rakyat tersebut. Ini secara tidak langsung akan memberi gagasan tentang sejauhmana sumbangan masyarakat berkenaan dalam membina seni bangsanya sendiri, sebagai bangsa yang telah bertamadun.

Teks yang digunakan ini berlatarbelakangkan puisi tradisional dalam bentuk nyanyian rakyat dari suku etnik Kimaragang, Sungai dan Lundayeh di negeri Sabah berjudul '*Sindait: Irama Bawah Bayu*', terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2007) yang diselenggarakan oleh Abdul Nassir Said bersama Clif Akid Kamijan Abdullah. Naskhah setebal 355 muka surat ini mengandungi 95 buah nyanyian rakyat, iaitu sumber daripada antara 17 suku etnik yang terdapat di Sabah. Bagi tujuan pembicaraan ini, nyanyian rakyat dari suku etnik Kimaragang, Sungai serta Lundayeh menjadi pilihan. Dalam teks berkenaan, terdapat 8 buah nyanyian rakyat suku etnik Kimaragang, 15 buah nyanyian rakyat etnik Sungai Paitan dan sebanyak 32 buah nyanyian rakyat dari suku etnik Lundayeh. Walau bagaimanapun, untuk tujuan pembicaraan ini, sebanyak 8 buah nyanyian rakyat dari etnik Kimaragang, 7 buah nyanyian rakyat dari etnik Sungai dan 8 buah nyanyian rakyat dari etnik Lundayeh yang akan diperkatakan. Kesemua nyanyian rakyat berkenaan adalah asalnya terhasil dalam bahasa sukuan etnik-etnik tersebut. Namun, melalui usaha pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, keseluruhan teks tersebut telah ditranskripsi ke bahasa Melayu. Dalam konteks ini, bagi memudahkan usaha-usaha pembicaraan dilakukan maka transkripsi tersebut telah diguna pakai, sekaligus bagi menyelaraskan kefahaman khalayak.

Latar Belakang Etnik Kimaragang, Sungai dan Lundayeh

Negeri Sabah, Negeri di Bawah Bayu mempunyai penduduk pribumi yang terdiri daripada lebih 32 etnik. Keistimewaan ini telah menjadikan Sabah sebuah negeri yang kaya dengan budaya tradisinya, termasuklah keindahan serta keunikan tradisi nyanyian rakyat etniknya, yang sewajarnya dipuliharakan demi menyemai semangat kecintaan terhadap seni warisan bangsa.

Kadazandusun merupakan etnik terbesar yang terdapat di negeri Sabah. Di bawah etnik terbesar ini telah terbahagi kepada beberapa susur-galur sub-etnik, antaranya adalah etnik Kadazandusun Penampang, Kadazandusun Papar, Kadazandusun Lotud Tuaran, Kadazandusun Tatana Kuala Penyu, Dusun Subpan, Bisaya dan beberapa lagi sub-etnik yang hanya terpisah oleh pembahagian daerah.

Kimaragang

Kimaragang ialah antara sub-etnik asli pecahan dari etnik Kadazandusun yang disebut di atas. Etnik ini merupakan penduduk majoriti di daerah Kota Marudu (Bandau), Kudat, dan Pitas. Pitas menjadi pusat utama tumpuan etnik Kadazandusun Kimaragang. Suku etnik ini menggunakan bahasa Dusunik dan masih menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan pembalakan.

Sungai

Etnik Sungai juga merupakan salah satu etnik asli di Sabah yang digolongkan ke dalam kelompok suku kaum Kadazandusun, disebabkan mempunyai adat resam dan bahasa yang hampir serupa. Etnik Sungai merupakan pribumi Sabah yang paling ramai terdapat di Pantai Timur Sabah. Mereka kebanyakannya menetap di kawasan Sandakan, iaitu meliputi daerah Kinabatangan (Bukit Garam, Sukau, Suan Lamba, Bilit, hingga ke Paris Satu), Beluran, Paitan, Kinabatangan Kuamut, Segaliud, Sugut (Ranau), Labuk (Telupid), Segama & Sepagaya (Lahad Datu), Madai, Tongod, Pinangah, Sapi-Nangoh, Pamol, dan juga terdapat di Beaufort dan Kota Marudu, serta Pitas. Terdapat pelbagai pecahan sub-etnik Sungai itu sendiri, iaitu dinilai melalui penggunaan bahasa sukuannya yang berbeza mengikut daerah masing-masing. Kebanyakan etnik Sungai menganut agama Islam, tetapi terdapat juga sebahagian daripada mereka yang beragama Kristian dan menganut kepercayaan animisme, khususnya di Tongod, Pinangah, Lahad Datu, dan Paitan.

Lundayeh

Manakala, etnik Lundayeh adalah salah satu kumpulan etnik kecil di Sabah, yang tinggal di bahagian pedalaman Sabah iaitu di Daerah Tenom dan Daerah Sipitang, terutamanya di Long Pasia, iaitu sebuah perkampungan dalam Daerah Sipitang. Etnik Lundayeh mempunyai sejarah, budaya, hubungan kekeluargaan dan legenda yang sama dengan masyarakat Lundayeh, yang tinggal di dataran tanah tinggi Krayan-Kelabit di Kalimantan Timur, Indonesia, di Daerah Temburong, utara Brunei Darussalam, dan di Daerah Lawas, Sarawak. Garisan sempadan wilayah politik masing-masing telah mengwujudkan perbezaan klasifikasi iaitu di Sarawak dikenali dengan nama 'Lun Bawang', 'Lun Dayeh'; di Kalimantan dan di Brunei dinamakan 'Murut'. Walaupun terpisah oleh geopolitik, mereka

sentiasa mengakui mempunyai banyak persamaan ciri kebudayaan serta legenda mengenai asal usul nenek moyang daripada akar yang sama.

Pada awal catatan sejarah, etnik ini mempunyai persamaan seperti etnik Rungus iaitu mempunyai tempat tinggal dalam bentuk seni bina rumah panjang. Mereka mendirikan dan membinanya berhampiran dengan hutan serta sungai sebagai sumber air dan makanan. Kehidupan mereka dikuasai oleh sistem kepercayaan menghubungi dewa-dewa dan roh melalui binatang seperti ular, burung dan lain-lain. Komuniti ini bergantung pada hasil hutan sebagai sumber makanan seperti binatang buruan, buah-buahan, ubat-ubatan tradisional, kayu api dan sebagainya. Etnik Lundayeh bekerja di ladang getah dan koko, iaitu ketika mereka mengamalkan cara hidup nomad, sehingga akhirnya menetap di penempatan khas dan melibatkan diri dalam bidang pertanian seperti padi dan getah. Selain bercucuk-tanam, kaum wanita Lundayeh juga berkemahiran dalam kerja-kerja kraftangan seperti menenun, membuat perhiasan diri daripada manik, menganyam bakul dan membuat pakaian tradisi mereka.

Kesimpulannya, ketiga-tiga etnik ini mempunyai perhubungan erat dengan alam kerana kepercayaan animisme yang diwarisi sejak datuk moyang mereka terdahulu lagi yang masih dipertahankan oleh segelintir kelompok, walaupun selepas adanya pengaruh kedatangan dan kepercayaan beragama seperti Islam dan Kristian yang tersebar meluas di kalangan kelompok mereka.

Zubir Ali (2006:267) mengambil pendapat Robert Redfiel, mengenai ciri-ciri budaya rakyat tradisional yang ideal, termasuklah sesebuah nyanyian rakyat iaitu didukung oleh masyarakat kecil yang terpencil, berlakunya komunikasi dan hubungan mesra dalam jangka masa yang panjang di samping pelakuan anggota masyarakat dikawal oleh undang-undang yang dipersetujui bersama. Komunikasi lisan lebih diutamakan walaupun ada tradisi tulisan. Oleh itu kesedaran sejarah menjadi kurang jelas, sehingga masyarakat mengalami perubahan secara perlahan-lahan dan hidup bekerjasama secara komunal.

Dalam konteks pembicaraan ini, budaya atau tradisi mendendangkan nyanyian rakyat seperti mendodoikan anak, atau ketika majlis keramaian seperti pesta perkahwinan adalah satu keperluan dan hiburan yang berpengaruh, membentuk sosial budaya suku etnik berkenaan iaitu menepati ciri-ciri budaya rakyat tradisional yang ideal dan berpadanan dengan aliran romantisme yang dipelopori Barat yang sebenarnya telah dimiliki awal oleh masyarakat tradisional ini.

Nyanyian Rakyat dan Romantisme

Nyanyian rakyat adalah salah satu daripada bentuk puisi klasik yang membawa irama merdu dan mengasyikkan, melalui lontaran suara yang diperdengarkan oleh penuturnya. Nyanyian rakyat

menjadi 'pembawa' pengalaman hidup manusia yang mempunyai pancarindera, perasaan dan fikiran. Cara merasa dan berfikir, sikap dan pandangan terhadap masyarakat dan alam raya diungkapkan dalam bait-bait kata dalam setiap rangkainya. Secara dasarnya keseluruhan kandungan nyanyian rakyat mengangkat persoalan yang mengandungi nada romantisme yang berkait dengan kepercayaan dan budaya hidup, menyentuh soal moral atau masyarakat serta kegiatan kehidupan seperti; kematian dan percintaan, pesta keramaian, kasih sayang serta pendidikan. Dalam pembicaraan ini, setelah meneliti keseluruhan kandungan nyanyian rakyat berkenaan, terdapat beberapa nada beraliran romantisme yang bermotifkan rasa dan emosi, merupakan realiti kehidupan ketiga-tiga etnik tersebut. Lingkungan masyarakat telah menjadi penyumbang dan inspirasi yang dizahirkan dalam nyanyian rakyat sebagai cermin masyarakatnya.

Romantisme merupakan salah satu aliran sastera dan seni yang muncul di Eropah pada hujung abad ke-18 hingga awal abad ke-19. Romantisme dirumuskan sebagai mengutarakan perasaan tentang keindahan dan kebebasan dalam melahirkan perasaan dan isi hati individu. Ia lebih akrab dengan unsur keindahan dan kemesraan dalam alam percintaan yang memperlihatkan suasana yang penuh kasih sayang dan mengasyikkan. Namun, hakikatnya romantisme itu berkait dengan mainan emosi dan fikiran yang menzahirkan sesuatu perbuatan atau aksi. Contohnya, perasaan rindu, kasih sayang dan cinta telah mengakibatkan perbuatan seperti sayang-menyayangi, rindu-merindui, cinta-menyintai dan sebagainya dalam diri individu yang terlibat.

Mana Sikana (1986:247) memetik pendapat A.K. Hadimadja mengenai aliran yang bermaksud pegangan, keyakinan, isme atau fahaman yang menjadi dasar penciptaan atau kritikan bagi seseorang pengkarya atau sesuatu golongan. Aliran dalam sesuatu karya banyak dipengaruhi oleh sikap dan aspirasi penulis, zaman dan falsafah yang dianuti oleh penciptaan sastera. Kandungan isi dalam sesuatu karya akan menentukan aliran melalui ungkapan pemilihan kata-kata yang kemudiannya mencetuskan sesuatu nada yang dikesani dalam sesuatu karya sastera tersebut .

Sesuai dengan lingkungan nyanyian rakyat yang bermula dari rumpun masyarakat tradisional, maka dalam pembicaraan ini cuba merungkai unsur romantisme dalam nyanyian rakyat yang disampaikan dengan pelbagai gaya dan nada sebagai usaha menyelongkar nilai kasih sayang dan percintaan sesama manusia, menyokong unsur romantisme dalam nyanyian rakyat etnik Sabah yang terencil dari arus perdana.

Romantisme dalam Nyanyian Rakyat

Menurut Muhammad Haji Salleh (2005:62), hiburan dalam puisi bukan sahaja terhasil daripada penikmatan bunyi bahasa yang indah, tetapi juga daripada persoalan yang menimbulkan dalam diri

kita, suatu pengalaman yang membijaksanakan, iaitu bermula dengan hiburan, keseronokan dan berakhir dengan kebijaksanaan. Beliau turut memetik kata-kata Robert Frost yang melihat proses puisi sebagai "*It begins in delight and ends in wisdom*".

Rasa kasih dan kepercayaan pada sesuatu anutan yang menjadi pegangan hidup telah melahirkan elemen romantisme yang disampaikan dalam rayuan dan rintihan puja. Melalui medium ini, secara langsung etnik Kimaragang telah menzahirkan kecintaan, keyakinan dan rasa kebergantungan terhadap kepercayaan yang dianuti mereka. Perhatikan rangkap nyanyian rakyat '*Loyop Longkobungan*', transkripsi ke bahasa Melayu yang bererti, '*Rayuan Pujian*' dari etnik Kimaragang, dalam bentuk mantera yang dibaca semasa acara penyembahan dewa, bertujuan memohon pertolongan menyembuhkan penyakit pesakit :

Rintihanku kepada dewa

Kepada dewa

Kami anak-anak yang kerdil

Rintihanku kepada dewa

Kepada dewa

Berderai air mataku. (*NR Kimaragang: *Loyop Longkobungan*, 314)

Kasih sayang sesama insan adalah tuntutan nurani semulajadi yang dimiliki setiap manusia tanpa mengira batas usia dan bangsa. Dalam nyanyian rakyat, perasaan kasih sayang terhadap pasangan kekasih, mahupun suami-isteri, serta kasih sayang kepada ibu bapa dan anak telah dizahirkan dalam nada teruja, gembira, sedih, jenaka dan sebagainya melalui pemilihan kata-kata yang senada, sama ada disampaikan secara solo, mahupun berbalas suara. Perhatikan rangkap berikut tentang nilai kasih sayang ibu kepada anaknya yang disampaikan dalam bentuk dodoian ketika menidurkan si anak. Kasih sayang ibu tiada ruang batasnya, dan sentiasa mendoakan kesejahteraan anaknya serta sanggup berkorban jiwa dan tenaga seperti yang terungkap dalam rangkap di bawah :

Aduhai sayang tidur, tidurlah...

Aku sudah mengayun...

Aku ayun dengan penuh kasih sayang...

Jangan kau menangis...

Jangan kau membuat risau...

Aku memohon doa untuk kau...

Semoga kau selamat...

(*NR Sungai: *Mengendong*, 17)

Ooo anak jangan nangis

Emak kau pergi tumbuk padi

Tumbuk padi dengan cepat

Untuk bubur kamu berdua

Untuk nasi kamu nanti

Buat kau cepat besar

(*NR Lundayeh: *Uyu' Naso Anak*, 238)

Masyarakat tradisional mempunyai hubungan rapat serta mesra dengan alam, yang banyak mendidik dan membentuk minda serta corak kehidupan tradisional mereka. Adab menghormati orang tua dan menghargai adat budaya masih menebal dalam kalangan masyarakat tradisional, malahan nilai tersebut bergerak selaras dan dizahirkan dalam nyanyian rakyat yang berfungsi sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam lingkungan masyarakat tradisional. Pada baris rangkap nyanyian rakyat berikut, nada romantisme itu dikesan melalui luapan perasaan kecintaan terhadap warisan budaya, di samping memberi penekanan kepentingan, mengekalkan kehidupan bermasyarakat seperti nasihat-menasihati, menghormati tetamu, dan adat serta amalan budaya gotong-royong, sebagai teras mewujudkan kehidupan harmoni yang berterusan.

1. Adab menghormati dengan meraikan tetamu, sekali gus mengekalkan adat budaya yang diwarisi sejak zaman terdahulu;

main musik sepanjang rumah
tempat semua orang ketawa
beri makan kepada tetamu
pelihara orang sepenuh rumah

bagus betul begitu
ikut adat kita Lundayeh
ikut kata buku besar
sesungguhnya begitu.

(*NR Lundayeh: *Uyu' Naso Anak*, 238-240)

2. Adab serta tata tertib menyediakan makanan sebagai sumber tenaga juga dititikberatkan, malahan menjadi kepercayaan tentang keperluan menghargai rezeki yang diperolehi, Dalam nyanyian rakyat berikut, nilai adab diasolisasikan dengan kesantunan seorang gadis sunti.

tiba seorang gadis memakai seraung
terus memungut padi yang dijemur
ditumbuk dalam yung bulat lubang
ditumbuk dengan aluh daripada kayu nyatoh
ditumbuk dalam yung bulat lubang

ditumbuk dengan aluh daripada kayu belahan
dimasak dalam periuk besar
dikaut ke atas daun kain putih
dikaut dengan senduk besi

(*NR Lundayeh: *Bening iUkung Fulu'*, 172)

3. Amalan budaya gotong-royong yang masih diamalkan oleh masyarakat tradisional telah menyuburkan hubungan sesama manusia dalam suasana gembira dan harmoni.

Mari ku angkat beban yang berat
Sehingga tiba di hulu Metalun

Beristi-rehat di lembah Biadung

Supaya anak di sana bersorak-surai

(*NR Lundayeh: *Benging iUkung Fulu*, 172)

Dalam penelitian lanjut, penulis mendapati ada beberapa persamaan nada yang ketara mengandungi unsur romantisme, walaupun nyanyian rakyat berkenaan dimiliki oleh tiga etnik yang berlainan dan mempunyai latar persekitaran budaya yang berbeza. Perhatikan pada baris rangkap-rangkap yang dimaksudkan; membawa nada yang berlainan tetapi makna yang sama;

a) Nada Kasih Sayang dalam Hubungan Cinta.

1. *Oh, oh*

Jika tubuh ini terkulai

Kita berdua sedia bersama

Alahai

Oh, oh

Walau jasad kita mati

Roh kita tetap bertemu

Alahai

(*NR Kimaragang: *Hidup Mati Kita Bersama*, 319)

2. *Aduhai sayang senang aku melihat-lihat tau...*

Aduhai sayang kita akan berpisah...

Aduhai sayang dan kau kesunyian...

Dan aku kesunyian...

Kalau kita berpisah...

(*NR Sungai: *Gelas Mencari Kawan*, 7)

3. *Pabila malam tiba*

mulalah aku menangis

menangis kepada mu kekasih

kerana engkau kekasih ku.

(*NR Lundayeh: *Tulu Lun Fawaa*, 243)

b) Nada Gurauan/Sindiran dan Usikan dalam Hubungan Cinta.

4. *Tujuh gadis berdiri*

Aku amat-amati

Mana yang berkenan

Itulah pilihanku.

Milik siapa perempuan itu

Kelihatan cantik di seberang

Apabila aku renung betul-betul

Perempuan itu berwajah hodoh.

(*NR Kimaragang: *Bo'or*, 325)

c) Nada Merajuk dan Pujuk Rayu dalam Hubungan Cinta.

5. *Adi... sayang mari dulu kau sekejap*

Aduhai sayang jaga dulu sekejap...

Aduhai sayang belai dulu kita aduhai sayang...

Aduhai sayang jangan kau pergi ke sana...

(*NR Sungai: Berkasih Sayang, 31)

6. Lelaki : *Aduhai sayang jangan kau merajuk...*

Aduhai sayang kalau aku tidak dapat ikut...

Aduhai sayang mari dulu kau sekejap...

Aduhai sayang ada yang aku cakap...

Perempuan : *Kenapalah mati itu sayang...*

Aku tidak peduli...

Aku dipermain-mainkan ala manja...

Aku begitu sedih...

Lelaki : *Aduhai sayang jangan kau begitu...*

Aku akan memujukmu...

Aduhai sayang maafkan aku...

Aduhai sayang aku terlanjur berkata...

(*NR Sungai: Kekasih, 54)

7. *Ku mau memburu dekat gua harimau*

Ku mau memburu di Abpa' Matang

Kalau kau mahu jadi isteri ku

Aku akan ambil salai sedulang

Akan kan bawa ikan sebakul besar

(*NR Lundayeh: Benging Ret Pa'Adang, 182)

d) Nada Rindu dalam Hubungan Cinta.

8. *Kita sudah berjumpa*

Tamu di pangkalan

Aku sangat merindui si Runggini

Kerinduanku bukan lagi tubuh badan

Pada tempat tapak sirih

Dapat kutatap pun, jadilah.

(*NR Kimaragang: Gadung, 327)

9. *Lilang... lilang itu begitulah bulan mengembang...*

Lilang... lilang begitulah kalau ada hikmat...

Lilang... syukur sahaja berjumpa...

Lilang... lilang syukur saja datang...

Lilang... lilang datang melihat kamu...

Lilang... lilang senang hati

Lilang... lilang kasihan pula...

Kasih aku sungguh kasihan

Lilang... lilang kau kutinggalkan...

Ala... lila walaupun mati kedatangan kiamat

Berjumpa... kita tetap berjumpa

(*NR Sungai: Sompoton Kasih Abadi, 48)

10. *Kalau aku tidur malam*

wajah mu sentiasa terbayang

kalau aku tidur siang

engkau menjadi igauan

*Kalau aku hendak makan
nama mu dalam sebutan
kalau aku turun ke ladang
suara mu kedengaran*

(*NR Lundayeh: *Tuluu Lun Fawa*, 243)

e) Nada Syahdu dalam Hubungan Cinta.

11. *Alahai, manja*
Kematian tidak sakit
Jika takdir sudah tiba
Alahai, manja
Cinta kita suci
Sebening embun di dedaun pisang
Alahai, manja
Jika kita bertemu kelak
Usahlah engkau menangis
Alahai.

(*NR Kimaragang: *Aku Pasrah i*, 321)

f) Nada Ghairah dalam Hubungan Cinta.

12. *Goyang-goyang pokok tampoi*
pacar aku anak muda.
pelukannya amat ketat
Suara bisikannya amat nyaring
Air liurnya manis

(*NR Lundayeh: *Buek Batang Fugi'*, 215)

13. *Kalau engkau nasi bungkus*
Aku makan kau cepat-cepat
Kalau engkau buah timun
Aku makan kau semua

(*NR Lundayeh: *Tuluu Lun Fawaa*, 243)

14. *Mari ku buat benging di waktu hujan*
Hujan jatuh di atap rumah
ingat pacar tempat bercumbu
pacar dipeluk di tengah hari
Dalam terang bulan hujan gerimis

Mari ku buat benging di hujan hari
Hujan gerimis jatuh di halaman
ingat pacar tempat bercumbu
pacar dipeluk di siling rumah

(*NR Lundayeh: *Bening Udan Feruu-Feruu*, 192)

g) Nada Romantis dalam Hubungan Cinta.

15. *Sayang isteri yang dimanja*
Kasihani yang menemani dia
Kaulah yang ku ingati sayang
Tempat ku bermanja
Kau yang sentiasa diingati (*NR Lundayeh: *Tido Ada'*, 146)

16. *Sewaktu engkau pergi*
Aku langsung tak makan
Aku ingat kau tinggalkan aku
Ingat engkau jauh berjalan. (*NR Lundayeh: *Tuluu Lun Fawaa*, 243)

17. *Biar ditembak dengan peluru*
Aku akan bermanja aduhai sayang
Waktu sedang bermanja dalam pelukan...
Kalau kau tidak ada di sisiku
Aku tidak senang makan
Kalau tidak bersamamu (*NR Sungai: *Keteguhan Kasih*, 4)

18. *Oh, Si baju merah*
Walau kiamat meragut nyawa
Walau kiamat
Kusambut jasadmu. (*NR Kimaragang: *Aku Pasrah ii*, 323)

h) Nada Ratapan/Sedih/Pilu dalam Hubungan Cinta.

19. *Dundang jangan kau menangis...*
Aku ini akan pulang...
Bawa kainku ini...
Ganti untuk badanku... (*NR Sungai: *Tanda Mata*, 59)

20. *Mengapa harus ku ingat pada mu*
merenung mu
Kenapa harus ku ingat pada mu
ingat pada mu
sepanjang hayat ku
tinggal di dunia ini
Aduh sedihnya. (*NR Lundayeh: *Tido Awan*, 155)

*NR - nyanyian rakyat

KEISTIMEWAAN, CABARAN DAN CADANGAN PEMULIHARAAN NYANYIAN RAKYAT

Dalam pengenalan telah diperjelaskan nyanyian rakyat adalah hasil kesenian yang diamalkan oleh masyarakat tradisional, maka tidak dapat dipastikan siapa penciptanya, ia bersifat kolektif dan dinyanyikan oleh rakyat sama ada mengikut etnik ataupun kawasannya. Lagunya memiliki irama dan rentak tersendiri dan amat kuat dipengaruhi oleh unsur tradisional. Manakala, falsafah dan pemikiran yang digarap dalam sesebuah nyanyian rakyat itu ialah jalinan seluruh pengalaman hidup yang dialami oleh individu dan masyarakat tersebut.

Lazimnya, kepakaran untuk menyampaikan/menyanyikan nyanyian rakyat hanya dimiliki oleh suatu masyarakat dan bersifat tempatan, yakni tidak tersebar secara meluas dan hanya diketahui oleh masyarakat pemiliknya. Malahan kebiasaannya, nyanyian rakyat itu juga disampaikan dalam bahasa sukuan masyarakat pemilik itu sahaja.

Keistimewaan Nyanyian Rakyat

Sebagai gubahan masyarakat dan dinyanyikan untuk memenuhi sesuatu tujuan, maka keistimewaan nyanyian rakyat terserlah melalui bagaimana medium tersebut berfungsi. Fungsi utama yang sering diperkatakan adalah melalui nilai falsafah dan pemikiran pendidikan yang terdapat dalam nyanyian rakyat itu sendiri.

Kebijaksanaan dalam penyusunan kata-kata yang berlatarkan alam dan pemikiran telah membuktikan nyanyian rakyat sebagai penyumbang kelangsungan hidup bermasyarakat. Contohnya dodoian '*Uyu' Naso Anak*' dari etnik Lundayeh. Ketika tempoh hendak tidur bagi seseorang anak itu adalah masa minda mereka mula berehat, maka tempoh ini adalah waktu yang sesuai menerapkan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, adab menghormati kedua-dua orang tua, dan amalan mengenal adat budaya, diserapkan secara tidak formal.

Cabaran Nyanyian Rakyat

Antara cabaran utama adalah mengenai masa depan nyanyian rakyat yang semakin kelim ialah hilangnya para penutur yang tidak mempunyai generasi pewaris. Penutur nyanyian rakyat semakin berusia, sedangkan mereka yang tinggal dan mengemari nyanyian rakyat ini hanyalah golongan yang telah berusia.

Kebiasaan nyanyian rakyat disampaikan dengan menggunakan bahasa 'purba' yang berkemungkinan besar menyebabkan kesukaran untuk difahami dan dikuasai oleh generasi muda. Hal ini juga menjadi penyebab generasi muda hilang minat dan hanya menjadi seorang pendengar pasif. Justeru, cabaran sebenar ialah bagaimana hendak memupuk minat luhur belia terhadap nyanyian rakyat mereka, kerana jika generasi muda tidak berminat dan tidak mahu belajar menguasai dan membudayakannya, sudah tentu tanpa disedari nyanyian rakyat tersebut akan lenyap begitu sahaja.

Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana nyanyian rakyat sebagai alat pembentuk minda masyarakat dan alat kawalan sosial kepada masyarakat masa lalu, kerana sifatnya yang mudah difahami serta diminati oleh khalayaknya, maka sudah sewajarnya tradisi tersebut dapat diteruskan selari dengan perubahan zaman yang berlaku dengan pantas.

Menurut Zubir Ali (2006:270) selepas kemerdekaan dicapai, lagu rakyat tidak lagi tergolong dalam kategori lagu rakyat tradisional disebabkan terdapat 'lagu rakyat bentuk baru yang akan menjadi tradisional' pada masa depan, lantaran pengaruh perkembangan muzik tanah air. Hal ini juga menjadi satu fenomena yang berkemungkinan menyebabkan jika nyanyian rakyat tidak 'terkubur' sekalipun, tetapi mungkin dibiarkan 'hidup' mengikut acuan pemodenan hingga mengorbankan identiti nyanyian rakyat yang sebenar.

Cadangan Pemuliharaan Nyanyian Rakyat

Nyanyian rakyat etnik Kimaragang, Sungai dan Lundayeh adalah suatu khazanah budaya yang membentuk hati budi masyarakat, tetapi sayangnya tidak merentas perkembangan tamadun dunia kerana sifat medium tersebut yang tertutup, dan ditambah lagi dengan ketiadaan usaha untuk mengetengahkan nyanyian rakyat tersebut ke arus perdana.

Badan-badan kerajaan seperti Arkib Negara, Muzium Negeri dan semua jabatan muzik di universiti tempatan, perlu mengadakan serta memperbanyakkan usaha kajian dan pendokumentasian nyanyian rakyat tersebut, sama ada dalam bentuk tulisan atau bahan audio video. Penerbitan dalam bentuk pendokumentasian seperti rakaman audio dan video cereka padat, wajar diberi perhatian serius. Justeru, perancangan serta dana khas untuk menjayakannya adalah wajar diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Selain itu, tokoh-tokoh ataupun para penutur nyanyian rakyat perlu didedahkan kepada umum melalui media cetak dan penyiaran, demi perkembangan kebudayaan semasa. Pertubuhan ataupun perseorangan yang aktif memperjuangkan nyanyian rakyat juga harus diberi perhatian serta sokongan berterusan dari segi moral serta material seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Lembaga Pelancongan dan lain-lain badan berkanun.

Bagi kelangsungan nyanyian rakyat, sebuah badan yang mengelolakan program memajukan nyanyian rakyat ini harus menyediakan ruang dan peluang kepada generasi muda untuk mengenali dan mewarisi nyanyian rakyat adalah wajar dan relevan ditubuhkan. Sekolah Seni yang sedia wujud sekarang ini patut ditambah jumlah pembinaannya dan nyanyian rakyat dijadikan salah satu subjek pelajaran wajib dipelajari.

Dari aspek ekonomi, etnik Kimaragang, Sungai dan Lundayeh ini wajar diketengahkan sebagai produk pelancongan, sekali gus akan merencanakan pembangunan infrastruktur desa dan pedalaman, yang menjadi tumpuan para pelancong tempatan dan luar negara. Bagi pelancong tempatan, nilai perpaduan dapat dipupuk apabila sesuatu bangsa itu mengenali budaya bangsa lain, dan ini selaras dengan saranan kerajaan dalam melestarikan cogan kata 'Satu Malaysia'. Bagi para pelancong luar negara pula, kehadiran mereka ke Malaysia bukan kerana hendak melihat bangunan pencakar langit, tetapi disebabkan keunikan seni budaya masyarakat majmuk yang wujud di negara ini. Maka, usaha-usaha membawa nyanyian rakyat ke taraf nasional adalah rasional dalam arus masyarakat bertamadun.

Penutup

Melalui pembicaraan ini, elemen romantisme yang terdapat dalam nyanyian rakyat Kimaragang, Sungai dan Lundayeh, dapat dirumuskan berteraskan pada matlamat yang sama iaitu ke arah mempertahankan serta mengekalkan ketinggian budi, kasih sayang serta kebijaksanaan dalam amalan gaya hidup etnik tersebut. Pengucapan tentang nilai kasih sayang yang diucapkan secara konsisten dalam nyanyian rakyat ini, secara tidak langsung memberikan pandangan mengenai kesungguhan etnik ini mewarisi sosial budaya masing-masing, melalui rakaman pengucapan nyanyian rakyat yang diwarisi sejak berzaman terdahulu.

Adat budaya berkasih sayang yang dijunjung tinggi kerana peranannya sebagai wahana kesatuan perpaduan telah dirakamkan dalam nyanyian rakyat. Ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa komuniti ini telah lama menyedari perihal kepentingan medium tersebut sebagai perakam agenda yang membantu pengukuhan perpaduan, kerukunan dan kelangsungan hidup.

Adalah menjadi harapan pembicaraan ini telah mengangkat serta mengetengahkan nyanyian rakyat bagi ketiga-tiga etnik tersebut dengan memberikan input bermanfaat kepada khalayak pembaca dan pengkaji, serta dapat menjadi bahan rujukan kepada generasi masa depan dalam mengenali budaya bangsa yang agak terpinggir. Sekali gus menjadi harapan agar pembicaraan ini dapat menambah koleksi bahan kajian penyelidikan yang bermutu dan baharu dalam memperlihatkan keunikan nyanyian rakyat ketiga-tiga kaum etnik yang diperkatakan.

Walaupun teks kajian yang digunapakai berupa transkripsi, tetapi elemen romantisme dapat dikesani melalui pemilihan perkataan yang telah menyokong aspek-aspek keindahan dan membuktikan bahawa, keindahan nyanyian rakyat itu terletak juga pada unsur-unsur gaya bahasa, selain disokong penuh oleh struktur lain seperti latar sosial budaya yang turut menyumbang pada keindahan yang menyerlahkan keistimewaan nyanyian rakyat berkenaan.

Kepentingan nyanyian rakyat tidak wajar dipertikaikan, kerana di zaman teknologi maklumat yang terlalu mementingkan kecekapan pencapaian hasil kerja, nilai-nilai kelembutan jiwa semakin berkurangan, sedangkan melalui medium ini tersimpan nilai-nilai asuhan budi kepada khalayak. Ternyata elemen-elemen romantisme telah wujud dalam nyanyian rakyat tetapi kekal mengikut bentuk acuan budaya tempatan yang terkawal kerana keistimewaan norma-norma budaya timur. Adalah satu kerugian dalam era ini jika sumbangan nyanyian rakyat terhadap pembangunan pemikiran bangsa diperlekehkan. Sedangkan pandangan hidup dan pemikiran yang digarapkan ke dalam tema dan persoalan dalam keseluruhan nyanyian rakyat ialah jalinan seluruh pengalaman hidup yang dialami oleh individu dan masyarakat sebagai fenomena pengulangan kehidupan.

Ringkasnya, masyarakat yang mempunyai pertimbangan diri yang tinggi dan bertoleransi dalam komunikasi akan memberi kejayaan kepada komunitinya. Namun realitinya, gandingan tenaga dari pelbagai lapisan masyarakat luar bagi memastikan kelangsungan setiap kejayaan adalah perlu. Justeru, menjadi tugas dan tanggungjawab bersama untuk menggembelng sepenuh tenaga dan menggunakan kecanggihan teknologi yang ada untuk meneruskan kelestarian nyanyian rakyat agar dapat dinikmati serta dihargai oleh segenap masyarakat, sebelum kita kehilangan sesuatu yang lebih berharga daripada longgokan emas yang hanya bersifat sementara sahaja.

Bibliografi:

Buku Ilmiah

Abdul Nassir Said & Clif Akid Kamijan Andullah (Penyelenggara), 2007. *Sendait Irama Bawah Bayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Aripin Said, 1994. *Puisi Warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Kntayy a Mariappan & Paul Porodong (Penyunting), 2012. *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Kuala Lumpur.

Mana Sikana, 1986. *Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Muhammad Haji Salleh, 2005. *Pengalaman Puisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Yusri Shamdin, 2007. *Busana Tradisional Etnik Sabah*. Jabatan Kebudayaan, Kesenian & Warisan Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Esei

Zubir Ali, 2006. Masa Depan Lagu Rakyat di Malaysia. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Penyelenggara) *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Halaman 267-275. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ASAL USUL *JAYAU* (UBAT GUNA-GUNA) IBAN DARI SEMPADAN *SEBAYAN* (DUNIA ROH) DAN DUNIA MANUSIA DI BUKIT MANDAI KALIMANTAN BARAT

Rosline Sandai (Ph.D)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
roslinesandai@gmail.com

Abstrak

Orang Iban percaya bahawa *Jayau* (Ubat Guna-guna) *Tapang Bekumbai* (Pokok Tapang Sakti), *Tanah Palai* (Tanah Pulai) dan *Buluh Pengerindu* berasal dari Sempadan *Sebayan* (Dunia Roh) dan Dunia Manusia di Bukit Mandai, Kalimantan Barat. Percintaan larangan di antara seorang ibu dan anak di sebuah perkampungan Dayak Memaloh yang berdekatan dengan Bukit Mandai mewujudkan ubat guna-guna tersebut apabila mereka dihukum mati. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti asal usul ubat guna-guna tersebut melalui kisah perjanjian kunjung mengunjung di sempadan dua dunia yang ditandakan dengan pokok belian di Bukit Mandai. Perjanjian tersebut kemudian di musnahkan oleh ketua Dayak Memaloh, Apai Penutop yang telah menebang pokok belian kerana dia kurang senang dengan pergaulan bebas di antara roh *sebayan* dan manusia. Percintaan larangan di antara anak Apai Penutop iaitu Bangi dengan anaknya Abu Nasip telah mewujudkan ubat guna-guna tersebut di tempat mereka dihukum mati kerana alam semula jadi sangat mengasihani mereka. Rahsia ubat guna-guna ini diberitahu oleh Raja *Sebayan*, Kemping Padi iaitu seorang keturunan Iban kepada seorang teruna Dayak Memaloh, Kelimin yang hodoh, dalam mimpinya untuk mendapatkan gadis idamannya. Ubat guna-guna tersebut disimpan dalam minyak dan minyak disapu pada badan sipengguna. Sehingga kini, penggunaan ubat guna-guna tersebut masih diamalkan oleh orang Iban bukan sahaja untuk mencari jodoh, malah untuk mencapai pelbagai hajat dalam memenuhi kesejahteraan hidup.

Kata kunci: Asal usul, Ubat guna-guna, Perjanjian, Percintaan larangan, Bukit Mandai, Iban, Dayak Memaloh

Pengenalan

Folklor merupakan salah satu sumber utama untuk kita mengetahui beberapa aspek budaya sesuatu komuniti, yang memberi gambaran penglihatan dunia (world-view) dan memahami kaedah mereka memberi makna kepada hidup mereka. Dalam folklor Iban, asmara di dalam kalangan orang Iban tidak ditonjolkan dengan ungkapan ataupun perbuatan yang romantis, tetapi ditunjukkan melalui proses kesungguhan pihak lelaki atau perempuan berusaha untuk memenangi hati pasangan masing-masing. Salah satu daripada usaha tersebut ialah dengan mencari ubat guna-guna atau *jayau* supaya mereka berjaya mendapat pasangan yang diidam. Ubat guna-guan atau *jayau* juga di gunakan dalam lima bahagian alam dalam kosmos Iban iaitu:

- (i) Dunia di atas langit (Dunya di atas langit)
- (ii) Tepi langit (Tisau langit)
- (iii) Dunia d bawah langit (Dunya di baruh langit)
- (iv) Dunia di Bumi/Dunia Manusia (Dunya Mensia)
- (v) Alam/Dunia Roh (Menua Sebayan)

Di antara *jayau* yang paling sering dicari dan digunakan oleh orang Iban ialah *Tapang Bekumbai* (Tapang Sakti) dan *Buluh Pengerindu* (Buluh Pengerindu). Kedua-dua jenis ubat guna-guna ini boleh digunakan secara berasingan ataupun dicampurkan. Dalam masyarakat Iban moden, *jayau* juga di gunakan untuk mendapatkan sesuatu untuk kesejahteraan hidup seperti sebagai pelaris semasa berniaga, penyeri wajah lelaki ataupun perempuan dan lebih pentingnya untuk menarik perhatian semasa mencari pasangan hidup.

Kertas ini maka bertujuan untuk mengenal pasti asal usul ubat guna-guna atau *jayau Tapang Bekumbai* (Tapang Sakti), *Tanah Palai* (Tanah Pulai) dan *Buluh Pengerindu* (Buluh Pengerindu) yang dipercayai berasal dari Sempadan *Sebayan* (Dunia Roh) dan Dunia Manusia di Bukit Mandai, Kalimantan Barat.



Rajah 1. Kedudukan Bukit Mandai di Kalimantan Barat

Kaum Iban dipercayai berhijrah dari Kapuas di Kalimantan Barat (Benedict Sandin, 1994) ke bahagian utara Borneo ataupun masa kini dikenali sebagai Sarawak. Oleh yang demikian, folklor Iban ada yang bertindih dengan folklor di Kalimantan barat. Contohnya, kisah perjanjian kunjung mengunjung di sempadan dua dunia oleh orang Iban dan roh dari *Dunia Sebayan* atau Dunia Roh yang ditandakan dengan pokok belian di Bukit Mandai, Kalimantan Barat. Perjanjian tersebut kemudian di musnahkan oleh ketua Dayak Memaloh, Apai Penutop yang tinggal di kaki Bukit Mandai.

Percintaan larangan di antara anak Apai Penutup iaitu Bangi dengan anaknya Abu Nasip telah mewujudkan ubat guna-guna tersebut di tempat mereka dihukum mati kerana alam semula jadi sangat simpati dengan mereka. Pokok Tapang dan tanah rata tempat mereka dihukum mati masih wujud sehingga ke hari ini. Buluh Pengerindu juga masih berbunyi seakan-akan bunyi panggilan Abu Nasip dan Bangi. Rahsia ubat guna-guna ini diberitahu oleh *Kemping Padi* iaitu seorang keturunan Iban kepada seorang pemuda Dayak Memaloh, *Kelimin* yang hodoh, dalam mimpinya untuk mendapatkan gadis idamannya.

Pokok Perjanjian Antara Orang Iban dengan Dunia *Sebayan* (Dunia Roh)

Sebuah cerita rakyat (Teni Anak Geboh, 1975) mengisahkan bahawa keturunan orang Iban pernah membuat perjanjian mengadakan perjumpaan di antara orang Iban dari Dunia Manusia dengan si mati dari Dunia *Sebayan* atau Dunia Roh. Kisah ini bermula dengan kematian *Kemping Madi Belimbing Besi Sempa Jawa Sitangga Tali*, iaitu abang kepada *Keling*, seorang wira yang terkenal dengan keberanian dan paras rupanya yang kacak, dari dunia atas langit atau *Panggau Libau*. Mereka yang berasal dari dunia atas langit biasanya tidak kuatir dengan kematian kerana mereka ialah makhluk luar biasa yang boleh hidup semula. Walau bagaimanapun mereka tidak juga boleh hidup semula sekiranya mereka lupa akan nama nenek moyang mereka semasa berada di Dunia *Sebayan*. Oleh kerana yakin bahawa *Kemping Padi* boleh hidup semula, maka ibu bapanya lalai dan tidak mengingati adat pengkembumian yang si mati perlu membawa sebatang besi. Besi tersebut boleh dalam bentuk pisau, parang atau benda-benda lain yang diperbuat daripada besi.

Pada masa *Kemping Padi* dikebumikan, seorang wanita dari dunia atas langit *Gelong* yang bernama *Kumang Reging Bungai Api* juga meninggal dunia. *Kumang Reging* ialah adik kepada wirawati *Kumang* yang terkenal dengan kecantikan dan kepandaiannya menenun kain untuk upacara ritual atau *Pua Kumbu*. *Kumang Reging* dikebumikan di sebelah kubur *Kemping Padi* dan *Kumang Reging* juga tidak membawa sebatang besi. Roh mereka serentak sampai di dunia *Sebayan* atau dunia roh yang dijaga oleh *Raja Runyam*. Bila sampai di Dunia *Sebayan*, mereka pergi ke rumah *Raja Runyam* untuk meminta izin balik ke Dunia Manusia. *Raja Runyam* memberitahu bahawa mereka tidak boleh kembali ke Dunia Manusia kerana pengkembumian mereka tidak mengikut adat yang si mati harus sebatang besi, bijiran (*jawa*), dan benih padi (benih *Padi Bangan*). *Raja Runyam* kemudian mencadangkan mereka berkahwin dan ditabalkan sebagai Raja dan Permaisuri Dunia *Sebayan*. Nama *Kumang Reging* juga ditukar kepada *Kumang Lemping Sebayan*.

Setelah menegetahui yang mereka tidak boleh kembali ke Dunia Manusia, maka *Kemping Padi* dengan *Kumang Lemping Sebayan* pun merayu kepada *Raja Runyam* supaya mereka boleh melawat saudara mara di Dunia Manusia dari masa ke masa. *Raja Runyam* pun mengizinkan dengan syarat

mereka membuat perjanjian dengan Dunia Manusia supaya mereka dari kedua-dua dunia ini boleh saling melawati saudara mara dan sahabat handai. Perjanjian tersebut ditandakan dengan pokok belian yang ditanam di puncak Bukit Mandai. Semasa *Kemping Padi* menanam anak pokok belian tersebut, *Raja Runyam* mengucapkan mentara seperti berikut:

“Nyadi nuan tu kayu tebelian ditanam Bujang Kemping Padi Raja Berani ba atas tuchung Bukit Mandai tu. Nuan tu mih benama Tebelian Semaya”

Penterjemahan: Kamu ialah pokok belian yang ditanam oleh Bujang Kemping Padi yang berani di atas puncak Bukit Mandai. Nama kamu ialah Belian Perjanjian.

Pokok Belian Perjanjian pun semakin membesar sehingga bila daunnya terbuka, seluruh puncak Bukit Mandai menjadi redup, dan bila daunnya tertutup, pucuknya pun bergulung seperti bentuk dahan dan batangnya. Bila dipandang dari jauh tidak ubah seperti kepala seekor ular. Bentuknya sentiasa betukar mengikut keadaan daunnya. Pokok Belian Perjanjian inilah tanda sempadan Dunia *Sebayan* dengan Dunia Manusia dimana manusia dan roh orang Iban saling kunjung mengunjung sepanjang zaman sehingga perjanjian tersebut di musnahkan oleh ketua kaum Memaloh.



Rajah 2. Sebatang pokok belian dari Kalimantan

Perkampungan Kaum Memaloh di Kaki Bukit Mandai

Di sekitar kaki Bukit Mandai didiami oleh kaum Memaloh yang juga tinggal di rumah panjang seperti orang Iban. Rumah panjang Memaloh ini sering dilalui roh yang turun dari puncak Bukit Mandai dan orang Iban yang naik ke atas bukit untuk mengunjungi saudara mara dan sahabat handai mereka. Kaum Memaloh di kaki bukit tersebut di ketuai oleh *Apai Penutup* yang juga merupakan seorang wira kaum tersebut. *Apai Penutup* sungguh kurang senang dengan penziarahan di antara roh dan orang Iban kerana beliau kuatir yang manusia akan terus tinggal di Dunia *Sebayan* sekiranya dunia itu lebih indah dari Dunia Manusia. *Apai Penutup* pun bercadang untuk menebang pokok Belian Perjanjian supaya perhubungan di antara Dunia Roh dan Manusia diputuskan.

Apai Penutup naik ke Bukit Mandai dan membawa sebilah beliung. Daun pokok Balian Perjanjian semasa itu sedang membalut batangnya. Ianya berdiri lurus seakan-akan tiada dahan dan pucuk nya seperti kepala ular. *Apai Penutup* pun menebang pokok belian dengan tidak berhenti-henti sepanjang hari. Dia merasa keletihan dan menanggalkan cawatnya dan meletakkan cawat tersebut di atas dahan pokok. Bunyi beliung *Apai Penutup* menebang pokok belian didengar oleh *Kumang Lemping Sebayan* dan enam orang rakannya yang pada masa itu sedang mengutip terung di Dunia *Sebayan*. Mereka pun keluar ke Dunia Manusia dan menegur *Apai Penutup* yang berbogel sambil menebang pokok. *Apai Penutup* segera memakai cawatnya sementara *Kumang Lemping Sebayan* dengan rakan-rakannya menghampiri *Apai Penutup*. *Kumang Lemping Sebayan* pun menerangkan kepada *Apai Penutup* yang mereka dari dua dunia tidak boleh lagi kunjung mengunjungi kerana pokok Belian Perjanjian itu telah ditebang. Sebaik sahaja pokok Belian Perjanjian itu jatuh menyentuh bumi, batangnya pun patah dua. Batang dan dahan dari bahagian atas pokok tersebut betukar menjadi seekor ular yang sangat besar. Ular itu menyusur turun ke bawah Bukit Mandai. Bahagian yang separuh lagi betukar menjadi naga. Naga itu bergerak ke arah barat dan terus menyusur ke bawah bukit. Selepas itu terdengar bunyi pukulan gong "Git gong, git gong" dan seekor harimau pun keluar dari tunggul Belian Perjanjian. *Kumang Lemping Sebayan* memberitahu bahawa Bukit Mandai ialah tempat kelahiran ular, naga dan harimau.

Sebaik sahaja semua jelmaan batang pokok Belian Perjanjian hilang dari pandangan, *Kumang Lemping Sebayan* pun mengambil sebatang anak buluh dan ditanamnya di tepi tunggul Belian Perjanjian. Dia memberitahu *Apai Penutup* bahawa yang ditanamnya itu ialah Buluh Pengerindu. Sedikit sahaja bahagian buluh Pengerindu dan tunggul Belian Perjanjian itu dicampur boleh dijadikan ubat guna-guna ataupun *Jayau*. Ubat guna-guna tersebut boleh digunakan oleh lelaki atau perempuan dengan menyapukannya di badan atau dimakan. Miang buluh pengerindu boleh

masuk dalam urat mengikut pengaliran darah manusia. Selepas itu, *Kumang Lemping Sebyan* dan rakan-rakannya pun lesap. *Apai Penutop* juga terus balik ke rumah panjangnya dan menceritakan pengalamannya semasa dan selepas menebang pokok Belian Perjanjian kepada orang kampung.

Percintaan Larangan di Antara Seorang Ibu dan Anak

Apai Penutop mempunyai seorang anak perempuan yang sangat cantik bernama *Bangi* dan anaknya itu telah dikahwinkan dengan *Tajak*, seorang pemuda Memaloh yang kacak. *Bangi* dan *Tajak* saling mencintai tetapi perkahwinan mereka tidak kekal lama kerana *Tajak* meninggal duina semasa *Bangi* melahirkan seorang anak lelaki.

Sebulan selepas kematian suaminya, *Bangi* mula bertenun dan tidak menghiraukan orang lain termasuklah anaknya. Bayi itu pula asyik menangis siang dan malam, dan *Bangi* dengan tidak sengaja telah mengetuk kepala anaknya dengan sebatang kayu yang digunakan untuk menenun *pua kumbu*. Kepala anaknya terluka dan berdarah. Bayi itu semakin kuat menangis sehingga didengar oleh Lawai, seorang suadagar yang menjual pasu. Lawai berjumpa dengan *Bangi* dan mohon anak itu diberikan kepada nya. *Bangi* masih sayangkan anaknya dan tidak sampai hati memberikan anak lelakinya kepada Lawai. Bayi itu makin kuat menangis dan Lawai sekali lagi datang meminta anak itu untuk dipeliharanya. Akhirnya *Bangi* bersetuju memberikan anaknya kepada Lawai.

Lawai sangat gembira membawa anak itu pulang dan sampai sahaja di rumah, anak itu berhenti menangis. Lawai dan isterinya menamakan anak mereka Abu Nasip. Anak kecil itu membesar dengan cepat dan menjadi seorang pemuda yang sangat kacak. Abu Nasip menyambung pekerjaan bapanya sebagai saudagar menjual pasu.

Pada suatu hari, Abu Nasip pergi berdagang ke sebuah rumah panjang Memaloh. Dia terpandang seorang wanita cantik yang sedang menenun, dan dia terus jatuh cinta pada pandang pertama. Wanita tersebut juga ternampak Abu Nasip dan dia juga jatuh hati dengan pemuda kacak itu. Mereka kemudian berjumpa pada waktu malam dan kedua-duanya bersetuju untuk berkahwin. Mereka saling mencintai dan hidup dengan bahagia. Pada suatu hari, isteri Abu Nasip mempelawa untuk mencari kutu di kepalanya. Tiba-tiba isterinya ternampak bekas luka di kepalanya dan dia bertanya bagaimana dia mendapat luka itu. Abu Nasip pun menceritakan yang luka itu kesan ketukan ibunya kerana dia tidak berhenti menangis semasa dia masih kecil. Isterinya pun terus menangis kerana dia menyedari bahawa suaminya ialah anaknya sendiri. *Bangi* juga memberitahu Abu Nasip yang dia juga ialah ibunya. *Bangi* tidak berubah rupa nya dan wajahnya masih kekal seperti dia masih anak dara. Mereka berdakapan sambil menangis. Penghuni rumah panjang datang menjenguk mereka apabila mendengar tangisan mereka. Setelah diketahui bahawa mereka adalah ibu dan anak,

orang kampung pun mengambil keputusan untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka kerana sumbang mahram adalah dilarang dalam masyarakat Memaloh. Mereka tidak boleh dibunuh dengan parang atau pun buluh tetapi harus dihantar jauh dari kampung mereka supaya tidak mendatangkan malang bencana kepada orang kampung.

Bangi dan Abu Nasip dipikul oleh orang kampung menuju ke Bukit Mandai setelah kaki dan tangan mereka diikat. Bila sampai di Bukit Mandai, Abu Nasip diikat kepada sebatang pokok Tapang dan Bangi dibawa ke sebelah barat di tempat tanah rata. Bangi juga diikat kepada sebatang pokok Pulau atau 'Palai'. Mereka ditinggalkan di tempat masing-masing untuk mati disana. Jarak di antara tempat mereka berada tidak jauh dan mereka masih boleh mendengar suara masing-masing. Kedengaran suara Abu Nasip memanggil "O ibuku isteriku, kau masih hidup?", dan Bangi menjawab "Saya masih hidup anaku suamiku!". Panggilan mereka berlarutan siang dan malam, dan suara mereka semakin hari semakin sayu sehingga semua mahluk hidup di sekeliling kawasan itu merasa sedih. Daun Buluh Pengerindu di tepi tunggul Belian Perjanjian juga menangis kesedihan dan ini menyebabkan semua rumput di sekelilingnya menjadi layu. Seminggu kemudian, suara Abu Nasip dan Bangi tidak kedengaran lagi. Mereka meninggal dunia pada masa yang sama. Semua binatang dan burung yang pernah mendengar suara mereka juga mati bersama mereka kerana kesedihan.

Walaupun mereka sudah lama meninggal, pokok Tapang dan tanah rata tempat mereka dihukum mati masih wujud sehingga ke hari ini di Bukit Mandai. Buluh Pengerindu juga masih berbunyi seakan-akan suara panggilan Abu Nasip dan Bangi. Sekeliling mahluk hidup yang lalu di tempat-tempat tersebut pasti akan berhenti dan akan mati disana kerana kesedihan. Terdapat banyak tulang-tulang ular dan binatang yang lain di sekeliling kawasan pokok Tapang, tanah rata ataupun dikenali sebagai Tanah Palai dan Buluh Pengerindu.



Rajah 3. Tanah rata atau Tanah Palai di Bukit Mandai

Kelimin Mendapat Pertunjuk Dalam Mimpi

Kelimin ialah seorang pemuda keturunan Memaloh yang tinggal di sebuah kampung tidak jauh dari rumah panjang *Apai Penutop*. Dia seorang pemuda yang kacak tetapi malangnya dia agak lembap dan tidak pandai bergaul dengan orang lain. Apabila dia mencapai usia yang cukup matang untuk berumah tangga, ibu bapanya sering mencari jodoh untuk anak mereka tetapi tiada seorang gadis pun yang sanggup berkahwin dengan *Kelimin*. Malah gadis-gadis selalu mencaci ibu bapanya dan mengatakan bahawa mereka lebih rela berkahwin dengan binatang ataupun hantu daripada berkahwin dengan *Kelimin*.

Pada suatu malam, *Kelimin* mencuba nasibnya 'ngayap' ataupun melawat secara senyap-senyap seorang gadis cantik pujaannya yang bernama *Sayan*. *Kelimin* terus dimaki dan dipukul oleh *Sayan* sebaik sahaja dia membuka kelambu *Sayan*. Malah *Sayan* berkata bahawa dia lebih rela mati dari berkahwin dengan *Kelimin*. Peristiwa itu sangat menyanyat hati *Kelimin*, lebih-lebih lagi bila dia teringat kata-kata gadis-gadis yang pernah mencaci ibu bapanya.

Kelimin memberitahu ibu bapanya pasal penghinaan *Sayan* terhadapnya apabila dia sampai di rumah. Mereka tiga orang anak beranak menangis kerana merasa sedih dan malu dengan kata-kata semua gadis yang pernah dilamar untuk *Kelimin*. Dengan hati yang sangat sedih, *Kelimin* masuk ke dalam tempat menyimpan padi. Dia kemudian tertidur dan bermimpi. Dalam mimpinya, *Kelimin* merasakan dirinya sedang berada dalam sebuah hutan dan kemudian ternampak sebuah rumah panjang. Dia naik anak tangga rumah panjang itu sambil memanggil tuan rumah.

Sepasang suami isteri keluar dari bilik mereka dan mempersilakan Kelimin naik ke rumah panjang. Mereka memperkenalkan diri sebagai *Kemping Padi Belimbing Besi* dan *Kumang Lemping Sebayan*. Mereka juga memberitahu yang tempat itu ialah tempat bersemadi roh orang Iban yang telah meninggal dan dengan itu Kelimin tidak boleh tinggal lama di situ. Kelimin kemudian menceritakan kisah pinangan dan cintanya yang telah ditolak oleh ramai gadis, dan dia mohon pertolongan daripada *Kemping Padi* dan *Kumang Lemping Sebayan*.

Setelah mendengar cerita Kelimin yang menyedihkan, *Kemping Padi* pun memberitahu Kelimin rahsia ubat guna-guna ataupun *jayau* yang dapat diperolehi dari Bukit Mandai. *Jayau* tersebut terdiri daripada campuran sedikit tanah dari tanah rata tempat Bangi di hukum mati, sedikit kulit kayu pokok Tapang dimana Abu Nasip diikat, dan sedikit daun ataupun batang buluh Pengerindu yang ditanam berdekatan dengan tunggul Belian Perjanjian. Campuran tersebut kemudian dimasukkan ke dalam sebiji botol kecil dan di campur dengan minyak. Cara menggunakan *jayau* tersebut ialah dengan menyapu minyak kepada badan Kelimin supaya gadis yang disukainya akan jatuh cinta dengannya. *Kemping Padi* juga menasihatkan Kelimin untuk membawa tujuh persembahan santaian ataupun *Piring tujuh* yang bermaksud jumlah santaian yang dipersembahkan mesti tujuh, termasuk tujuh ekor kinzir dan tujuh ekor ayam. Selepas itu, Kelimin pun terjaga dari tidurnya.

Pada hari keesokkannya, Kelimin menyuruh ibunya menyediakan *piring tujuh* sementara dia menangkap tujuh ekor kinzir dan tujuh ekor ayam. Semua persediaan tadi di simpan dalam bakul yang besar dan dipikul di belakangnya. Perjalanan ke puncak Bukit Mandai sangat jauh dan dia terpaksa mendaki batu yang licin dan melalui hutan rimba yang tebal. Bila Kelimin sampai di puncak bukit, dia nampak tanah rata dan dia pun berehat di situ. Kemudian, dia ternampak sebatang pokok tapang yang sangat besar dan juga serumpun buluh yang batang-batangnya sangat rapat jaraknya. Hatinya sangat pilu bila memandangi pokok buluh tersebut. Semakin lama dia melihat pokok tapang dan buluh itu, hatinya semakin pilu dan merasa sangat letih dan mengantuk. Kelimin merasakan dirinya semakin lemah dan air matanya jatuh bercucuran. Dia sedar yang dia akan mati di situ kalau dia tidak bangun dengan segera. Kelimin pun bangun dan mengeluarkan bahan-bahan untuk persembahan santaian dan binatang-binatang yang dibawanya. Dia pun mengadakan upacara *Miring* atau upacara memuja dengan membaca mentera seperti yang diajar oleh *Kemping Padi*. Selepas upacara tersebut, Kelimin pun mengambil sedikit kulit kayu pokok Tapang, Tanah Palai dan daun Buluh Pengerindu. Dia pun segera turun dari puncak bukit dan bila sampai di kaki bukit, dia pun menjerit kegembiraan.

Bila Kelimin sampai di rumah, dia terus bersedia untuk 'ngayap' atau melawat Sayan sekali lagi pada malam itu. Bila dia sampai di kelambu Sayan, gadis itu pun menjemputnya masuk dan mereka berbual sepanjang malam. Pada hari keesokkannya, ibu bapa Kelimin pergi berjumpa dengan ibu bapa Sayan dan pinangan mereka diterima Sayan dan keluarganya dengan baik. Semenjak itu, ilmu guna-guna *Tapang Bekumbai*, *Tanah Palai* dan *Buluh Pengerindu* diturunkan oleh Kelimin kepada kaum Memaloh dan orang Iban.

Penggunaan Jayau Dalam Masyarakat Moden Iban

Kehidupan masyarakat moden Iban dalam abad ke 21 sudah banyak berubah terutamanya dari aspek sosial budaya kalau dibandingkan dengan zaman sebelum mereka menganut agama luar seperti Kristian. Amalan seperti ritual untuk perubatan tradisional dan penggunaan ubat guna-guna adalah dianggap sebagai kepercayaan animisme dan tidak lagi dibenarkan dalam kalangan penganut agama Kristian. Gambar pengelihatan dunia masyarakat moden Iban telah berubah mengikut arus perkembangan dunia. Walau bagaimanapun, masih ada sekelintir orang Iban yang mengamalkan ubat guna-guna untuk memikat pasangan hidup dan mencapai hajat dalam kehidupan mereka.

Orang Iban percaya bahawa ubat guna-guna *Tapang Bekumbai* dan *Buluh Pengerindu* boleh digunakan sebagai pelaris untuk memajukan perniagaan terutamanya dalam memikat pelanggan. Ubat guna-guna tersebut yang disimpan dalam botol kecil boleh digantung di pintu atau dibawa dalam dompet atau bag tangan.

Bagi mereka yang ingin menaikkan seri di muka, minyak *Tapang Bekumbai* dan *Buluh Pengerindu* boleh disapu di bulu kening. Ada juga yang menyapu minyak tersebut di tepi bibir supaya suara menjadi merdu dan memukau hati si pendengar.

Daya tarikan *Tapang Bekumbai* dan *Buluh Pengerindu* ialah kelebihan ubat guna-guna ini untuk menarik perhatian calon pasangan hidup. Orang Iban sangat mementingkan usaha dalam mencari pasangan hidup. Penggunaan *jayau* adalah salah satu cara untuk berusaha menarik minat calon pasangan yang diidam. Kemujaraban ubat guna-guna juga dilihat sebagai petunjuk untuk penemuan jodoh dalam kalangan orang Iban.

Penutup

Ketenteraman hidup dalam masyarakat tradisional Iban di sesebuah rumah panjang sangat bergantung kepada kebahagiaan suami isteri dalam unit keluarga atau *bilik*. Oleh yang demikian, usaha perlu ditingkatkan dalam pencarian jodoh di kalangan teruna dan dara. Penggunaan ubat guna-guna untuk

tujuan tersebut dilihat sebagai suatu cara untuk beriktir mencari calon suami atau isteri yang dipercayai telah ditentukan oleh takdir yang kadang-kadang dimaklumkan dalam mimpi. Penggunaan ubat guna-guna atau *jayau Tapang Bekumbai, Tanah Palai* dan *Buluh Pengerindu* masih diamalkan dalam kalangan orang Iban sehingga hari ini. Orang Iban juga masih mempercayai bahawa asal usul *jayau* tersebut ialah dari Bukit Mandai, Kalimantan Barat.

Rujukan

Sandin, B. (1994). *Early Iban Migrations*. The Sarawak Museum Journal, 67, 79-146.

Teni Anak Geboh.(1975). *Batang Mandai*. enseraenggauchertaiban.blogspot.my/2012/05/batang-mandai.html.

**“Belum Terminum Rasa Berahi”: Satu Perbicaraan Unsur Berahi dalam Pantun Kasih
Sayang Melayu Brunei di Sabah**

*Anuman gunung sekaki,
Pasir menjungkar alam menari;
Datang minuman dari Dang Siti,
Belum terminum rasa berahi.*

Low Kok On
Unit Penyelidikan Warisan Borneo
Universiti Malaysia Sabah
lowkokon@ums.edu.my

Abstrak


Suku kaum Melayu Brunei telah menetap di sepanjang persisiran pantai barat Sabah sejak dari zaman awal Kesultanan Melayu Brunei lagi. Seperti juga dengan suku kaum Melayu di Nusantara lain, berpantun adalah sebahagian daripada budaya mereka yang istimewa sejak dari dahulu hingga sekarang. Dalam kerja lapangan yang telah dijalankan di beberapa buah kampung Melayu Brunei di sekitar pantai barat Sabah, sejumlah pantun yang bertemakan cinta dan kasih sayang telah dikumpul. Pantun ini telah dituturkan dalam loghat Melayu Brunei oleh beberapa orang informan warga emas. Pantun kasih yang terkumpul ini, antaranya menonjolkan rasa rindu, jatuh hati, naik berahi dan hajat di hati untuk merisik dan meminang. Selain mendokumentasikan sejumlah pantun yang bertemakan cinta dan sayang, tumpuan kupasan dalam kertas kerja ini adalah terhadap unsur berahi yang terbayang dalam pantun kasih sayang orang Melayu Brunei. Perbandingan antara pantun cinta Melayu Brunei di Sabah dengan beberapa rangkap pantun cinta Melayu dan Peranakan Tionghua terpilih juga akan dilakukan. Menerusi kupasan sedemikian, keistimewaan perasaan berahi dalam budaya suku kaum Melayu Brunei di Sabah akan tertonjol kepada umum.

Kata kunci: Melayu Brunei Sabah, pantun cinta, rasa rindu, jatuh hati, naik berahi

Pengenalan

Berdasarkan catatan sejarah, orang Melayu Brunei yang berasal dari Negara Brunei Darulsalam telah berada di Sabah sejak dari kurun yang ke-16 Masihi (Muzium Sabah, 1992: 7). Di Sabah, kebanyakan antara mereka menetap di daerah Papar, Beaufort dan Sipitang (Peta daerah Sabah). Menurut catatan Muzium Sabah (1992: 7), pada masa dahulu Sabah ialah sebahagian daripada empayar Kesultanan Melayu Brunei. Oleh hal yang demikian, banyak orang Melayu Brunei telah datang berniaga dan bercucuk tanam di sekitar pantai

barat Sabah. Lama kelamaan, sesetengah daripada mereka memilih untuk menetap di sekitar Sabah sehingga ke hari ini.



Peta daerah Sabah: Daerah Papar, Beaufort dan Sipitang (warna kuning)

Budaya, kepercayaan dan bahasa orang Melayu Brunei di Sabah tidak jauh berbeza daripada budaya, kepercayaan dan bahasa orang Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam. Suku kaum Melayu Brunei di Sabah juga beragama Islam dan menuturkan bahasa Melayu Brunei. Atas sebab sudah sekian lama tinggal di Sabah, bahasa pertuturan mereka bercampur aduk dengan gaya pertuturan kumpulan etnik peribumi Sabah lain. Orang Kaya-kaya Haji Maidin (pemberi maklumat) ketika ditemu bual memberitahu bahawa sebab sudah lama menetap di Sabah, pertuturan orang Melayu Brunei sudah bercampur dengan pertuturan Melayu loghat Sabah. Berbanding dengan orang Melayu di Brunei, pertuturan orang Melayu Brunei di Sabah adalah lebih laju sedikit. Seperti dengan orang Melayu di tempat lain, berpantun ialah satu daripada budaya turun-temurun orang Melayu Brunei. Dalam kerja lapangan yang dijalankan di beberapa buah kampung Melayu Brunei yang

terletak di Daerah Papar dan Daerah Beaufort, sejumlah pantun yang bertemakan kasih sayang telah dikumpul. Pantun kasih sayang yang terkumpul ini, antaranya menonjolkan rasa berahi, rindu, jatuh hati dan hajat di hati untuk merisik dan memining. Dalam kertas kerja ini, hal-hal yang berkait dengan perasaan berahi sahaja sebagaimana yang terakam dalam pantun kasih sayang Melayu Brunei akan diberikan tumpuan. Selain menganalisis pantun Melayu Brunei yang bertemakan berahi, perbandingan antara pantun yang berunsurkan berahi orang Melayu Brunei di Sabah dengan beberapa rangkap pantun cinta Melayu dan Peranakan Tionghua terpilih juga akan dilakukan. Tujuannya adalah untuk menonjolkan perasaan berahi dalam budaya suku kaum Melayu Brunei di Sabah yang terakam dalam pantun mereka.

Pantun Kasih Sayang dalam Budaya Melayu

Pantun memainkan peranan yang signifikan dalam budaya Melayu sejak dari dahulu hingga sekarang. Muhammad Haji Salleh (2009: xix) semasa membicarakan tentang puisi tradisional Melayu mencatatkan:

Malay Poetry is the playground of the Malay local genius. While the early incantatory were magical in their connotations and practical uses, the pantuns, the four-line verse, is the most important. No other verse form has been so intertwined with the life of the society, as it has been – it is used by mother for lullabies, by children at play, by youths for courting, by adults for proverbs and traditional customary laws.

Atas sebab terdapat terlalu banyak pantun dalam budaya Melayu, dalam *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (2002) sahaja telah dikumpulkan sejumlah 5653 rangkap pantun dari seluruh Malaysia. Oleh hal yang demikian, pengkategorian pantun menurut kategori yang tepat dan secara menyeluruh adalah satu perkara yang sukar dilakukan. Pengkaji awal seperti Van Ophusyen telah mengkategorikan pantun menurut peringkat umur, aktiviti kehidupan dan fungsi seperti berikut (Jadual 1).

Jadual 1: Kategori pantun Van Ophusyen (Sumber: Harun Mat Piah, 1989: 161; Dailie, 1990: 62)

Bil.	Kategori	Catatan
1	Pantun orang tua	<i>to get acquainted, for courtship</i>
2	Pantun orang muda	<i>for those who love each other</i>
3	Pantun dagang	<i>for those who part from each other</i>
4	Pantun nasihat	<i>of broken heart</i>

Pengkategorian pantun awal yang dilakukan oleh Van Ophusyen ini ternyata tidak menyeluruh dan berasaskan kriteria yang tidak sama. Dari segi peringkat umur manusia, terdapat sejumlah pantun yang dikhususkan untuk kanak-kanak namun pantun kanak-kanak tidak muncul dalam kategori yang dilakukan oleh Van Ophusyen. Dalam konteks ini, Mohamad Azmi (2010: 125) menyatakan bahawa pengkategorian pantun dari sudut khalayak secara umumnya boleh dibahagikan kepada pantun kanak-kanak, pantun orang dewasa dan pantun orang tua. Dari segi aktiviti kehidupan orang Melayu pula, selain pantun yang bertemakan dagang, terdapat pantun yang bertemakan aktiviti lain seperti bertani, memburu dan berlayar sebagai contoh tidak dikategorikannya. Dalam empat kategori pantun di atas, pantun kasih sayang tergolong dalam kategori pantun orang muda manakala pantun agama dan nasihat tergolong dalam kategori pantun orang tua. Sehubungan itu, Harun Mat Piah (1989: 162) memberikan komen bahawa bukan semestinya orang muda sahaja yang menggunakan pantun kasih sayang atau cinta dan orang tua pula menggunakan pantun agama dan nasihat. Hampir semua aktiviti kesenian tradisional orang Melayu seperti bongai, lotah, rodan, dondang sayang dan banyak lagi melibatkan orang tua-tua dan hampir semua pantun yang dipungut daripada aktiviti ini didapati ialah pantun cinta, berahi dan kasih sayang (Harun Mat Piah, 1989: 162).

Berasaskan maksud atau isi pantun, terdapat bermacam-macam jenis pantun dalam budaya Melayu. Antaranya seperti pantun yang bertemakan nasihat, sindiran, kasih sayang, adat resam, agama dan banyak lagi. Kembali kepada pantun kasih sayang, pantun orang muda yang dikategorikan oleh Van Ophusyen (1920)¹ ini berpusat kepada orang muda yang jatuh cinta (*young man in love*). Pantun dalam kategori ini dianggap sebagai pusat kepada segala pantun (Daillie, 1990: 65). Catatan Daillie (1990) seperti ini menunjukkan betapa signifikannya pantun yang bertemakan kasih sayang dalam kalangan orang Melayu. Harun Mat Piah (1989: 167) melaporkan bahawa daripada 3,000 rangkap pantun yang diperiksa tema dan isinya, didapati 60% daripadanya berkait rapat dengan kehidupan bercinta antara pasangan kekasih. Mohamad Azmi (2010: 126) semasa membicarakan topik simbolisme dalam pantun percintaan Melayu melaorkan bahawa pantun yang bertemakan cinta lebih banyak dicipta oleh orang Melayu daripada tema-tema lain. Hal ini disebabkan sentuhan cinta merupakan pengalaman yang berbekas dalam jiwa pencipta pantun. Boleh dikatakan jiwa seseorang, tidak kira sama ada lelaki atau perempuan banyak terusik dengan hal-hal percintaan dalam hidup masing-masing. Jika diamati, pantun kasih sayang turut membayangkan banyak sekali unsur percintaan. Antaranya seperti berkenalan, berahi, berkasih sayang, rindu, cemburu, kesetiaan cinta, perpisahan, janji dan banyak lagi. Dalam tulisan ini, fokus perbincangannya ialah pantun percintaan orang Melayu Brunei di Sabah yang membayangkan unsur "berahi" sahaja. Sebelum analisis terhadap pantun kasih sayang orang Melayu Brunei dilakukan, ada baiknya istilah cinta, kasih sayang dan unsur berahi diperjelaskan terlebih dahulu.

Cinta, Kasih Sayang dan Berahi: Satu Penjelasan

Sebagai satu istilah, kata cinta, kasih sayang dan berahi mempunyai pelbagai maksud yang luas. Maksud ketiga-tiga kata, iaitu cinta, kasih sayang dan berahi yang dicatatkan dalam *Kamus Dewan* harus diteliti terlebih dahulu. Umumnya, kata “cinta” merujuk kepada perasaan sayang kepada negara, orang tua, kebebasan, perasaan berahi (asyik, kasih, sayang) antara lelaki dan perempuan serta perasaan ingin akan sesuatu atau rindu (*Kamus Dewan*, 2005: 280). Kata “kasih” pula diberikan maksud perasaan sayang terhadap seseorang atau sesuatu, cinta serta berasa sayang akan sesuatu atau berasa cinta akan sesuatu (*Kamus Dewan*, 2005: 682). Kata “sayang” pula diberikan erti sebagai mengasihi, mencintai, berasa belas akan sesuatu, kasih, cinta, kekasih, jantung hati dan terasa kesal (*Kamus Dewan*, 2005: 1400). Seterusnya, kata berahi pula dibertikan tiga erti, yakni i) kasih (cinta) yang amat sangat, ii) rasa suka akan seseorang (dengan bernafsu) dan iii) sangat suka (*Kamus Dewan*, 2005: 166). Berdasarkan maksud yang diberikan terhadap kata cinta, kasih, sayang dan berahi dalam *Kamus Dewan* (2005), jelas bahawa ketiga-tiga istilah ini berkait rapat anantara satu sama lain dan mempunyai perbezaan dari segi konteks penggunaannya.

Pantun yang bertemakan berahi tergolong sebagai pantun kasih sayang jua. Sehubungan pantun kasih sayang, Harun Mat Piah (1989: 167) mencatatkan bahawa seluruh pantun kasih sayang membayangkan perasaan, harapan, pengalaman dan pergolakan jiwa antara lelaki dan perempuan yang sedang bercinta. Jika diperluaskan maksudnya, mana-mana pantun yang isinya menyatakan perasaan rasa suka antara lelaki dan perempuan, jatuh hati, berahi, rindu dan banyak lagi tergolong sebagai pantun kasih sayang. Selain itu, perasaan benci kerana cinta tidak kesampaian, cemburu atas sebab adanya cinta, menanggung seksa kerana cinta turut tergolong dalam pantun kasih sayang. Dengan kata lain, pantun-pantun cinta atau kasih sayang yang

dimaksudkan ini membayangkan cetusan emosi yang berkait dengan perasaan cinta, asyik, berahi, kasih sayang, rindu, benci, cemburu dan banyak lagi perasaan yang bersabit dengan cinta seseorang. Atas sebab pantun kasih sayang adalah begitu luas dan banyak jumlahnya maka tumpuan perbincangan tulisan ini adalah terhadap pantun yang isinya merujuk kepada unsur berahi, yakni perasaan kasih yang amat sangat atau rasa suka akan seseorang antara si lelaki dan si perempuan.

Pantun Kasih Sayang Orang Meayu Brunei

Salah satu soalan yang timbul apabila membicarakan pantun kasih sayang ialah dari mana hendak memulakannya? Jika diamati, dalam dunia percintaan boleh ditemui beberapa peringkat menurut kronologi. Terdapat pengkaji yang membahagikan pantun kasih sayang antara lelaki dan perempuan menurut empat peringkat cinta sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Pantun cinta menurut peringkat.

Bil.	Kategori	Catatan
1	Pantun berkenalan	<i>to get acquainted, for courtship</i>
2	Pantun berkasih-kasih	<i>for those who love each other</i>
3	Pantun berceraian	<i>for those who part from each other</i>
4	Pantun berhiba hati	<i>of broken heart</i>

(Dailie, 1990: 65)

Pengkategorian pantun yang bersabit dengan orang muda jatuh cinta di atas kelihatan agak munasabah kerana berasaskan peringkat cinta dan kasih sayang dalam kalangan orang yang bercinta. Jika kita lihat kronologi peringkat cinta antara lelaki dan perempuan, pembahagian berdasarkan faktor umur sebagaimana yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dianggap kurang tepat. Perasaan cinta antara lelaki dan perempuan sebagai contoh tidak semestinya terhad kepada muda-mudi sahaja. Umum

ketahui bahawa perasaan cinta terhadap seks lawan boleh mula seawal-awal dalam lingkungan umur sebelas atau dua belas tahun. Lebih-lebih lagi terdapat orang tua yang mungkin ada perasaan cinta atau jatuh cinta, tidak kira sama ada lelaki atau perempuan.

Secara logiknya, cinta bermula apabila seseorang lelaki atau perempuan mula tertarik, terpicat atau suka akan satu sama lain. Dengan kata lain, perasaan suka akan seseorang antara lelaki dan perempuan berhubung dengan istilah “berahi” (*Kamus Dewan*, 2005: 166). Situasi ini mungkin boleh berlaku pada pertemuan buat kali pertama atau ketika berkenalan. Dalam konteks ini, orang Melayu Brunei menggambarkan perasaan berahi dengan indah melalui pantun Melayu Brunei berikut:

Pantun Melayu Brunei	Penjelasan
<i>Anuman gunung sekaki, Pasir menjungkar alam manari; Datang minuman dari Dang Siti, Belum tarminum rasa berahi.</i>	“Anuman” merujuk kepada Hanuman dalam mitos Hindu. “Gunung sekaki” bermaksud gunung yang rendah. “Pasir menjungkar” bermaksud pasir di pantai yang memanjang ke hadapan.

Pantun di atas menggambarkan perasaan seorang lelaki yang berahi akan seorang perempuan. Terdapat banyak kemungkinan situasi berahi dalam pantun di atas akan berlaku dalam konteks kehidupan sehari-hari orang Melayu Brunei. Hal ini mungkin berlaku ketika seorang lelaki mengunjung ke rumah si perempuan. Ketika si perempuan membawa minuman untuk tetamu keluarganya, si tetamu lelaki jatuh hati kepadanya secara tiba-tiba. Pantun ini turut membayangkan tarikan yang ada pada seorang perempuan yang menyebabkan seorang lelaki berahi terhadapnya. Pantun yang menonjolkan tema berahi turut ditemui dalam budaya orang Melayu sebagaimana yang terbayang dalam pantun di bawah.

Belayar masuk Kuala Kedah,
Patah tiang timpa kemudi;
Sekuntum bunga terlalu indah,
Sekalian kumbang asyik berahi
(*Kumpulan Pantun Melayu*: 1754)

Pantun yang bertemakan berahi di atas membayangkan seorang perempuan yang cantik akan menyebabkan banyak lelaki berahi terhadapnya. Kecantikan perempuan yang menyebabkan timbulnya perasaan berahi seseorang lelaki terhadapnya boleh dianggap sebagai sesuatu kejadian lumrah yang berlaku dalam diri manusia. Dalam pantun Melayu Brunei, "Dang Siti" ialah lambang perempuan yang cantik seperti juga "sekuntum bunga" dalam pantun Melayu. Kita boleh katakan bahawa kedua-dua pantun ini telah menggambarkan perasaan berahi lelaki dengan indah dan tidak bersahaja. Orang Melayu gemar mencipta pantun yang menggunakan kumbang sebagai lambang lelaki. Berikut ialah sebuah lagi pantun percintaan Melayu yang dimaksudkan.

Tebang gelam tebang kenanga,
Kenangan tumbang menimpa gedung;
Kumbang mengidam nak seri bunga,
Bunga kembang di puncak gunung.
(Rahman Shaari, 1993: 68)

Frasa "Kumbang mengidam nak seri bunga" bagi pantun di atas sekali lagi menonjolkan rasa berahi seorang lelaki terhadap seorang perempuan. Seperkara yang ingin dijelaskan di sini adalah dalam kedua-dua pantun berahi di atas, kumbang tidak semestinya melambangkan lelaki yang merosakkan kesucian perempuan. Umum beranggapan kumbang diberikan lambang lelaki yang jahat sebagaimana yang terbayang dalam sekadar dua contoh pantun di bawah.

Zaman berperang Raja Berma,
Peluru sampai di pucuk kayu;
Seekor kumbang menyeri bunga,
Kumbang terbang bunga pun layu.

Nasi dingin bersayur mumbang,
Sayur dimasak dalam belangga;
Kami tak ingin melihat kumbang,
Kalau kumbang merosak bunga.
(Mohamad Azmi, 2010: 131)

Pantun yang bertemakan rasa berahi atau suka akan seseorang boleh dikenal pasti berdasarkan beberapa situasi lain selain pantun yang menggunakan kata berahi secara terus terang. Perhatikan pantun Melayu berikut untuk perbincangan seterusnya.

Jalan-jalan sepanjang jalan,
Singgah menyinggah di pagar orang;
Pura-pura mencari ayam,
Ekor mata di anak orang.
(Dailie, 1990: 56)

Dalam pantun ini, perbuatan seorang lelaki pura-pura mencari ayam sedangkan niatnya ialah untuk menengok anak perempuan orang lain ternyata ialah prasaan berahi yang ada pada seorang lelaki terhadap seorang perempuan. Jika diteliti, pantun yang bertemakan berahi tidak terhad kepada pencipta pantun Melayu sahaja. Orang Tionghua Peranakan di Indonesia sebagai contoh turut menghasilkan pantun yang membayangkan perasaan berahi dengan menarik sebagaimana yang terdapat dalam pantun Peranakan Tionghua seperti berikut.

Pantun Peranakan Tionghua Indonesia	Terjemahan
Di Soerabaja besar moearanja, Pisang setandan baroe dipotong; Baroe saja denger soewaranja, Rasanja badan mati sepotong. (Sumber: L., 1922:33)	Di Surabaya besar muaranya, Pisang setandan baru dipotong; Baru saya dengar suaranya, Rasanya badan mati sepotong.

Jika dibandingkan, maksud frasa pantun Peranakan Tionghua "Baru saya dengar suaranya, Rasanya badan mati sepotong" agak mirip kepada maksud pantun Melayu Brunei "Datang minuman dari Dang Siti, Belum terminum rasa berahi". Kedua-dua pantun ini menyatakan perasaan berahi yang merujuk kepada perasaan menaruh kasih yang amat sangat bagi seorang lelaki terhadap seorang perempuan. Perasaan berahi sedemikian dilihat lebih kepada situasi jatuh cinta seseorang daripada berahi yang bernafsu semata-mata. Dalam kerja lapangan yang dilakukan, pantun berahi yang sedemikian banyak dihasilkan oleh orang

Melayu Brunei. Beberapa rangkap lagi pantun Melayu Brunei (PMB) berikut menonjolkan tema berahi yang dimaksudkan ini.

PMB 1	Penjelasan
Bedakku bedak kemboja, (1) Ku sandarkan di matahari; Bedakku bukan sebentar muda, (2) Barang mamandang gila berahi.	(1) Bedak tradisional yang diperbuat daripada beras. (2) Bedak ini apabila disapukan di muka akan membuat seseorang gadis kelihatan cantik.
PMB 2	Penjelasan
Isap <i>sigup</i> tembakau Cina,(1) Ada asap berbunga-bunga; Bolehkah saya tumpang bertanya, Si gadis itu siapa yang punya?	(1) <i>Sigup</i> ialah kata tempatan Sabah yang merujuk kepada rokok yang diperbuat daripada daun kirai.
PMB 3	Penjelasan
Naik kapal tengah lautan, Dari Embun ke Surabaya; Adinda manis sudah kelihatan, Terbayang-bayang di bulu mata.	-
PMB 4	Penjelasan
Sudah lama <i>inda</i> ke Paris, (1) Banyak rumah berbaris-baris; Relaku mati di hujung keris, Asalkan dapat si hitam manis.	(1) <i>Inda</i> bererti tidak.
PMB 5	Penjelasan
Kalau bukan padi di rumah, <i>Indalah</i> aku datang ke mari; Kalau bukan pasal si Limah, <i>Indalah</i> aku datang ke mari.	(1) <i>Indalah</i> bererti tidaklah.

Kelima-lima rangkap pantun Melayu Brunei (PMB) di atas membayangkan tema berahi belaka. Istilah berahi dalam konteks perbincangan kelima-lima rangkap PMB yang berikut merujuk kepada “perasaan suka akan”, “terpikat” atau “tertarik” kepada seks lawan.

Dalam kelima-lima rangkap PMB di atas, perasaan berahi sedemikian menjurus kepada si lelaki yang mempunyai “perasaan suka akan”, “terpikat” atau “jatuh cinta” kepada si perempuan belaka.

Menurut informan yang ditemu bual, PMB 1 membayangkan rasa berahi yang ada pada seseorang lelaki terhadap seorang perempuan yang kelihatan cantik setelah ia menghiasi diri dengan bedak tradisional yang diperbuat daripada beras. Apabila seorang gadis kelihatan cantik, maka banyakkah lelaki yang akan berahi terhadapnya. Menurut informan lagi, lelaki yang berahi biasanya akan dalam keadaan siang terbayang-bayang malam termimpi-mimpi terhadap gadis yang disukainya. Demikianlah istimewanya perasaan berahi yang ada pada seorang lelaki terhadap seorang gadis yang terakam dalam pantun Melayu Brunei. Dalam *Kurik Kundi Merah Saga* (2002: 673), ditemui sebuah pantun Melayu dari Sabah yang turut menonjolkan tema berahi seperti berikut:

Bukan bukit saja meruntuh,
Bamban serai meruntuh juga;
Bukan penyakit saja membunuh,
Gila berahi membunuh juga.

Sebagai perbandingan, kedua-dua pencipta pantun ini menggunakan kata “gila berahi” untuk menyatakan betapa kuatnya kuasa yang ada pada berahi. Jika PMB 1 membayangkan betapa kuatnya kuasa yang ada pada seorang gadis cantik yang menyebabkan seorang lelaki “gila berahi” terhadapnya; pantun ini pula membayangkan seseorang yang “gila berahi” bagaikan orang yang menghadapi penyakit. Dengan kata lain, perasaan berahi ada kalanya boleh menjadi sejenis penyakit yang menyeksakan jiwa seseorang. Hanya orang yang pernah mengalaminya memahami betapa seriusnya gejala “gila berahi” ini.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, pantun yang bertemakan berahi tidak semestinya menggunakan kata berahi. Orang Melayu Brunei di Sabah telah mencipta banyak lagi pantun yang bertemakan berahi tanpa penggunaan kata berahi secara nyata. PMB 2

sebagai contoh telah membayangkan perasaan seorang pemuda yang suka akan seorang gadis lalu bertanya orang sama ada si gadis itu kepunyaan siapa. Hal ini lumrah berlaku dalam masyarakat kita. Dalam konteks PMB 2 boleh ditafsir dengan dua maksud yang berbeza. Pertama, lelaki yang jatuh hati kepada seorang gadis yang buat kali pertama bertemu dengannya ingin tahu sama ada si gadis berkenaan sudah berkahwin atau belum. Kedua, si lelaki yang jatuh hati itu ingin tahu siapakah ibu bapa si gadis itu. Pertanyaan sedemikian timbul semata-mata disebabkan perasaan berahi yang ada pada seorang lelaki terhadap seorang perempuan. Perhatikan serangkap pantun Melayu Sabah dalam *Kurik Kundi Merah Saga* (2002: 685) di bawah yang maksudnya mirip kepada PMB 2.

Hisap sigup tembakau Cina,
Keluar asap berbunga-bunga;
Jangan marah abang bertanya,
Bunga di taman siapa punya?

PMB 3 membayangkan perasaan berahi seorang lelaki terhadap seorang perempuan yang dipandangnya manis justeru wajahnya sering terbayang-bayang dalam benaknya. Penggunaan frasa “terbayang-bayang di bulu mata” didapati ada kaitan dengan wajah gadis manis yang dipandang oleh si lelaki yang berahi akannya. Dalam pantun ini kita boleh katakan apabila seorang lelaki berahi akan seorang gadis, maka gadis berkenaan kelihatan cantik dalam pandangannya. PMB 4 pula membayangkan betapa besarnya kuasa berahi hinggakan seorang lelaki rela mati asalkan ia dapat gadis hitam manis kesukaannya. Dalam pantun Melayu Brunei ini, gadis hitam manis melambangkan gadis Melayu Brunei yang cantik. Hal ini turut dibayangkan dalam sebuah lagi pantun Melayu Brunei yang dirakam di Brunei oleh Hashim Abdul Hamid (2003: 198) seperti berikut:

Sayang tertirip tiram bergantung,
Limau manis bernila-nila;
Apa ditilik sebarang kampung,
Hitam manis memberi gila.

Dalam pantun Melayu Brunei di atas, frasa “memberi gila” mirip kepada frasa “gila berahi” yang ditemui dalam PMB 1. Hal ini menunjukkan betapa besarnya tarikan yang ada pada seorang perempuan hinggakan ia membuat si lelaki “gila berahi”. Berbalik kepada unsur kulit hitam yang melambangkan perempuan Melayu yang cantik turut ditemui dalam satu lagi pantun Melayu yang dirakam di Sabah seperti berikut.

Maritam berjunung kandis,
Karamuning lebat bunganya;
Tubuhlah hitam dipandang manis,
Putihlah kuning banyak gunanya.
(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2002: 701)

Pantun Melayu Sabah di atas menggunakan lambang warna hitam manis dan putih kuning. Mohamad Azmi (2010: 135) dalam kajian perlambangan yang ditemui dalam pantun Melayu melaporkan bahawa dari segi warna, warna putih kuning dan hitam manis banyak dikesan penggunaannya dalam pantun percintaan Melayu. Warna putih kuning ialah lambang kecantikan perempuan (gadis) yang ingin dimiliki atau dirindui lelaki (jejaka). Menurut Mohamad Azmi (2010: 136) lagi, putih kuning melambangkan gadis yang menawan hati lelaki. Pantun berikut dapat menjelaskan makna ini.

Sirih kuning pinangnya kelat,
Dimakan orang pagi hari;
Putih kuning gigi berkilat;
Hilang di mana abang nak cari?

Wilkinson dan Winstedt (1961: 19) di satu pihak yang lain turut menghimpunkan sebuah pantun percintaan yang menonjolkan lambang putih kuning. Koleksi mereka ini menunjukkan betapa signifikannya kulit putih kuning ini yang memiliki kuasa menimbulkan rasa berahi dalam diri si lelaki. Pantun koleksi Wilkinson dan Winstedt (1961: 19) berikut membayangkan maksud ini.

Sirih kuning pinangnya kelat,
Buruh perindu tidak berdahan;
Putih kuning marilah dekat,
Hati rindu tidak tertahan.

Jika diteliti, warna putih kuning yang dijadikan kulit si gadis yang menawan bukan hanya terhad kepada orang Melayu sahaja. Orang Peranakan Tionghua di Indonesia turut memandang kulit putih kuning seseorang gadis menawan hati si jejaka. Pantun Peranakan Tionghua Indonesia di bawah membayangkan maksud ini.

Pantun Peranakan Tionghua	Terjemahan
Siri sasoesoen satengah ikat, Baek digantoeng di roemah Tjina, Poeti koening dipandang tjakep, Sayang sedikit ada jang poenja. (Y.K.H, 1922:4)	Sirih sesusun setengah ikat, Baik digantung di rumah Cina; Putih kuning dipandang cekap, Sayang sedikit ada yang punya.

Selain putih kuning, hitam manis turut melambangkan warna kulit tarikan si gadis Melayu Brunei. Selain itu, warna hitam manis juga melambangkan tarikan si gadis Melayu lain. Tarikan hitam manis yang sedemikian dibayangkan dalam kedua-dua rangkap pantun Melayu di bawah.

Adas manis jintan di Jawa,
Rempahan anak burung merpati;
Hitam manis timbangan nyawa,
Adik terikat dalam hati.
(Dipetik Mohamad Azmi, 2010: 137)

Teritip tiram tergantung,
Limau manis banyak bijinya;
Pilih-pilih muda sekampung,
Hitam manis baik budinya.
(Dipetik Mohamad Azmi, 2010: 137)

Pantun yang kedua di atas ternyata membayangkan bahawa selain kulit hitam manis yang dapat menawan hati si lelaki budi pekerti yang turut dalam menawan hati lelaki sekampung. Dalam konteks ini kita boleh katakan kecantikan si gadis bersama budi pekertinya yang baik akan membuat si lelaki berahi terhadapnya.

Dalam khazanah pantun Melayu, terdapat sejenis lagi pantun bertemaka berahi yang menonjolkan unsur nafsu si lelaki terhadap si perempuan. Daillie (1990: 4) menggunakan istilah *sensual* (berunsur seks) sebagaimana yang terbayang dalam contoh pantun berikut.

Tanam padi di bukit Jeram,
Tanam keduduk atas batu;
Macam mana hati tak geram,
Menengok tetek menolak baju?

Sayang sekali, kerja lapangan yang dilakukan setakat ini belum dibekalkan oleh mana-mana pemberi maklumat pantun yang berunsurkan berahi yang dimaksudkan ini. Namun hal ini tidak bermakna dalam kalangan orang Melayu Brunei tidak diciptanya pantun unsur berahi yang sedemikian rupa. Berikut diturunkan satu contoh pantun berunsurkan berahi seks dari Sabah yang ditemui dalam antologi *Kurik Kuri Merah Saga* (2002: 715):

Sayang-sayang buah kepayang,
Makan isi kulit melayang;
Kalau terpandang aurat si Dayang,
Punggung berbegar jantung bergoyang.

Kesimpulan

Berasaskan perbincangan di atas, jelas bahawa unsur berahi amat signifikan dalam pantun kasih sayang Melayu Brunei. Dalam membiracakan pantun kasih sayang, tulisan ini antaranya menonjolkan unsur berahi sama ada membawa makna “sangat suka akan” atau “rasa suka akan seseorang (dengan bernafsu)” mendapat tempat yang penting dalam kalangan pencipta pantun Melayu Brunei. Selain itu, unsur berahi turut memperoleh tempat yang istimewa dalam kalangan pencipta pantun Melayu serta pencipta pantun Peranakan Tionghua. Akhir sekali, tulisan ini telah membicarakan pelbagai pantun berunsurkan berahi yang dicipta oleh orang Melayu Brunei yang menetap di Sabah. Antaranya ialah pantun berunsurkan berahi yang menggunakan kata “berahi” secara terus terang dan sesetengah pantun berunsurkan berahi yang dinyatakan secara tersirat tanpa menggunakan kata berahi. Hal ini

menunjukkan bahawa unsur berahi adalah antara unsur yang penting dalam dunia percintaan antara si lelaki dan si perempuan dalam budaya orang Melayu Brunei.

Penghargaan:

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada cik Shazwani binti Mahmad yang telah membantu penulis menjalankan kerja lapangan merakam pantu daripada pemberi maklumat Melayu Brunei di Papar dan Bongawan, Sabah antara Disember 2012 hingga awal 2013.

Senarai Pemberi Maklumat Melayu Brunei

Bil.	Nama	Umur	Tempat
1.	Duraman bin Maidin	81	Kampung Padang, Bongawan
2.	Dayang Hajah Lipah binti Awang Mahmin	92	Kampung Benoni Darat, Papar
3.	Dayang Hajah Fatimah binti Awang	62	Kampung Benoni Darat, Papar
4.	Hajah Amas binti Ampuan Salleh	79	Kampung Benoni, Papar
5.	OKK Tuan Haji Maidin bin Budin	(Tidak diperolehi)	Papar
6.	Pangeran Haji Abdul Rahman bin Pangeran Ali	(Tidak diperolehi)	Kampung Padang, Bongawan

Bibliografi

Daillie, F-R. 1990. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kumpulan Pantun Melayu. 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

L. 1922. *Pantoen Bagoes Atawa Sindir-Sindiran Boeat Orang Moeda*. Batavia: Toko dan Drukkerij Lie Tek Long.

Mohamad Azmi Ab. Rahman. 2010. Symbolisme dalam Pantun Percintaan Melayu. Dalam *Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional*: 124-141. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Haji Salleh. 2009. *An Introduction to the Malay Literature*. Kuala Lumpur: Institute Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Muzium Sabah. 1992. *Warisan Sabah: Pengenalan Ringkas Sejarah dan Warisan Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.

Rahman Shaari. 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wilkinson, R.J. dan Winstedt, R.O. 1961. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.

Wisntedt, R.O. 1960. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Y.K.H. 1922. *Sair dan Pantoen Nona Manis Boengah Seronih*. Batavia: Toko dan Drukkerij Lie Tek Long.

ⁱ Kajian Van Ophuysen banyak dicatat dalam *Pantun Melayu* yang diterbitkan oleh Balai Pustaka buat kali pertamanya pada tahun 1920.

METAFORA EMOSI DALAM BAHASA PANTUN MELAYU

Oleh : Dr. Shafwan Hadi Umry, M.Hum dan
Prof. T. Silvana Sinar, M.A. PhD.
(Dosen Prodi Linguistik, FIB USU Medan)

Abstrak

Zaman awal sastra Melayu, khalayak tidak dituntut untuk mengenal huruf, malah hampir seluruh sastra lisan ini dikarang dan disusun untuk didengarkan dan disaksikan. Apa yang dilihat melalui pengalaman visual akan dicoba 'didengarkan' dalam bentuk syair dan pantun. William Marsden (2008) tidak dapat menyembunyikan kekaguman terhadap orang Melayu Sumatera. "Harus diakui", demikian kata Marsden, "bahwa kadang sulit untuk melacak hubungan antara makna figuratif dan makna literalnya. Isi komposisi sebuah pantun atau untuk yang lebih panjang disebut dandang sebagai ritual dan metafora yang merupakan jiwa kehidupan puisi". Daya tarik pantun Melayu terletak pada kerukunan ucapan sebagaimana dikatakan Malinosvki (1997). Sama halnya dengan dunia yang menantang di dalam sastra yakni bagaimana karya ini bisa memperhatikan kita, mengherankan kita, dan menarik kita (Barthes, 2001). Pantun sebagai jenis sastra memiliki ketepatan kata, ketepatan penempatannya dalam susunan yang teratur (rukun) baik dalam kata atau punbunyi. Ada 5 unsur yang menentukan genre pantun (a) Keindahan berdasarkan pada konsep sastra, yakni mengajar dan membimbing khalayak, (b) Unsur yang muncul adalah dunia pengalaman (kesedihan dan kepiluan), (c) Sifat ceria yang episodik memuat adegan yang berdiri sendiri, (d) Unsur dramatik pantun memiliki pergeseran diksi/kata yang tidak membosankan dan sesuai dengan konteks sosial pembacanya, (e) Sifat sopan-santun orang Melayu "menjaga muka orang lain" dengan cara "berdiplomasi". Makalah ini membahas tentang metafora emosi dalam pantun Melayu. Pengertian metafora ialah pemahaman kata atau kelompok kata bukan dengan arti yang sebenarnya, melainkan sebagai lukisan berdasarkan persamaan atau perbandingan (Kamus Besar bahasa Indonesia, 1990:580). Teori yang dipakai adalah teori deskriptif analisis Beardsley (2002: 103) yang menyatakan metafora adalah sebuah puisi miniatur dengan begitu hubungan makna literal dan makna figuratif dalam metafora seperti versi penjembutan dalam kalimat tunggal dari signifikansi yang kompleks dan memberikan karakter pada karya literer sebagai keutuhan. Kemudian (Saragih, 2005) menyatakan metafora dalam linguistik adalah sebuah tindak bahasa ketika suatu benda menyatakan kesifatannya (ajektif) dan cara mengodekan pengalaman. Dalam pengertian bahasa Indonesia metafora adalah salah satu majas yang mengungkapkan sesuatu maksud secara langsung. Metafora emosi dilatarbelakangi bahwa dalam budaya Indonesia tidak mengenal emosi, melainkan mengaktualisasikan emosi dengan pikiran. Sering dikatakan dalam pembicaraan, 'saya pikir', 'saya rasa', atau 'menurut perasaan saya'. Kedua ungkapan itu silih berganti digunakan oleh pemakai bahasa. Dalam KBBI (199:228), emosi diartikan (1) Luapan perasaan yang berkembang dan surut dalam waktu singkat. (2) Keadaan dan reaksi psikologis dan fisiologis (misalnya kegembiraan, kesedihan, keharuan, kecintaan,

dan keberanian) yang bersifat subjektif. Kebudayaan andalam masyarakat Melayu / Indonesia telah mengenal konsep berpikir di perut sebagai pusat pemikiran dan perasaan. Secara hierarki konsep emosi (marah) berawal dari perut, naik ke dada, dan terus ke kepala. Misalnya, 'meremas jantung', 'gelap mata'(panik), 'darahnya naik'(marah), dan'marahnya meledak-ledak'. Matsuki dalam Siregar,(2009) membagi tipe tentang'marah' yakni: 1.Peristiwa menyinggung, 2. Kemarahan: isi pert, 3. Upaya pengendalian, 4. Kemarahan meningkat ke dada, 5. Memancing rasa mual, 6. Kehilangan kendali, dan 7. Tindakan pembalasan. Dalam makalah ini akan dikaji tujuh aspek emosi (ketakutan, kebahagiaan, kesedihan, kecintaan, kebanggaan, nafsu, dan malu) yang terdapat dalam bahasa pantun Melayu.

Kata-kata kunci: pantun, metafora emosi, dan,epistemik pemantun

Latar Belakang

Orang Melayu adalah salah satu suku bangsa dari sejumlah bangsa di Indonesia. Orang Melayu sesuai dengan alam lingkungan dan kemampuan manusia (cipta, rasa dan karsa) telah mewariskan kebudayaan Melayu yang merupakan salah satu puncak dari kebudayaan nasional Indonesia.

Salah satu manifestasi alam pemikiran Melayu adalah penggunaan bahasa. Manusia Melayu sebagai ciptaan Tuhan berkewajiban mengabdikan kepadaNya. Manusia yang taat itu akan menjadi manusia yang mampu mengendalikan diri dengan akal dan pikirannya.

Orang Melayu dikenal sebagai penganut agama Islam, beradat istiadat Melayu, dan berbahasa Melayu. Oleh karena itu orang Melayu dengan ciri-ciri tersebut terkenal dengan pandangan hidup yang meyakini bahwa manusia adalah makhluk Allah dan berbagai sumber tertulis dan lisan terungkap nilai-nilai pandangan, pikiran dan perasaan dalam bentuk syair, gurindam, peribahasa, hikayat dan pantun.

Yusuf (2005: 45) menulis bangsa Melayu sangat terikat dengan alam yang memberi pencanderaan cerdas bagi Melayu, yang ujung-ujungnya melakukan kepiawaian kosmologis yang tertuang dalam bidal, pantun, talibun, gurindam, pepatah-petitih.

Pantun merupakan salah satu genre sastra lisan yang banyak digunakan dan digemari masyarakat dalam sejarah kesusasteraan Melayu, karena susunannya

yang indah dan isinya yang mengandung nasehat, parodi, kritik dan gambaran perasaan pemantun.

Masa itu melalui pantun, anak-anak bermain-main sesamanya, orang muda menyampaikan isi hati kepada lawan berpantun (pepatun), dan orangtua memberi nasihat dalam acara adat. Jadilah pantun sebagai alat komunikasi yang paling populer yang digunakan oleh setiap golongan dan lapisan masyarakat mulai dari raja sampai kepada rakyat.

Gambaran umum kehidupan budaya lisan Melayu dan bahasa ialah dialog manusia dengan alam sekitarnya (Bakhtiar: 1987). Manusia Melayu hidup dalam suatu lingkungan alam yang khusus. Sebagai penghuni alam yang amat setia ini, dia jug telah membuktikan dirinya sebagai pemerhati yang tekun dan teliti. (Saleh, 2000: 240).

Puluhan dan ratusan pantun dikutip dari pembayaran yang diambil dari dunia kosmologi Melayu. Ridwan (2005) menyebutkan bahwa kosmologi Melayu terdiri atas (a) alam semesta, (b) pencipta alam semesta, dan (c) manusia, zaman, hidup dan kehidupan.

Alam Melayu yang kaya dengan sungai, hutan, persawahan, perburuan dan lain-lain. Ratusan tanjung, teluk dan sungai dibentangkan dalam pembayang pantun. Oleh karena inilah dunia yang menjadi latar untuk segala yang dirasakan, dikerjakan dan dialami.

1. Pantun Sebagai Alat Berkomunikasi

Sampai sekarang pantun masih merupakan alat berkomunikasi dalam acara-acara tertentu. Setiap acara formal yang bernuansa 'adat' beberapa pantun muncul dalam ruang pertemuan. Hal ini menunjukkan begitu akrabnya manusia Melayu dengan bahasa pantun. Seperti kata pantun Melayu, *kalaulah belalang pulang ke purun/padikan ranap dilanggar ular, kalaulah hilang si tukang pantun/sunyi senyaplah bandar yang besar* (Arrasyid, 2008).

Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988 : 647) dan ensiklopedia Indonesia (Jidli III, hal 1043) dituliskan bahwa pantun terdiri atas 4 baris yang bersajak (ab/ab), tiap larik biasanya berjumlah empat kata; baris pertama dan baris

kedua biasanya untuk tumpuan (lampiran) saja, dan baris ketiga dan keempat merupekan isi.

Di dalam pantun ada 4 unsur yang menandai keindahan genre pantun. Pertama, kemudahan berdasar pada konsep sastra yakni mengajar dan membimbing khalayak.

Kedua, unsur yang muncul adalah dunia pengalaman manusia (kesedihan, kegembiraan, kesakitan, kebanggaan, kecintaan dan lain-lain. Ketiga, sifat cerita yang episodik, memuatkan adegan dapat berdiri sendiri. Keempat, unsur dramatik yaitu pantun memilih penggunaan pilihan kata yang tidak membosankan.

Hal yang akan diteliti dalam tulisan ini adalah (a) Bagaimanakah konteks dunia pengalaman manusia yang terdapat dalam isi teks pantun Melayu. (b) Apakah terdapat metafora emosi dalam teks pantun Melayu

Penelitian ini bertujuan untuk menemukan

- 1) Aspek metafora emosi dalam isi teks Pantun Melayu
- 2) Mendeskripsikan metafora emosi dan pantun Melayu berkaitan dengan:
 - (a) Kebahagiaan (b) Kesedihan (c) Kecintaan (d) Kebanggaan
 - (e) Ketakutan (f) Malu (g) Segan (h)Nafsu

Penelitian ini adalah penelitian deskriptif analisis yaitu suatu penelitian yang memaparkan contoh yang ada dalam teks untuk selanjutnya dianalisis sesuai dengan landasan teori dan kajian kepustakaan yang ditetapkan.

Muhammad Abd. Rauf memberi tiga pembagian pemikiran yaitu:

1. Wilayah Kognitif: kemampuan mengatakan sesuatu, memakan, mengingat dan berperasaan was-was (khawatir) dan sebagainya.
2. Sikap respons emosional: perasaan gembira, duka, takut, tersiksa, kasih (cinta), cemburu dan sebagainya.
3. Volisionil: kemauan, cita-cita, harapan, tindakan, niat dst.
(Hussen, 2004: 75)

Demikian beberapa pendapat berkaitan dengan psikologi orang Melayu.

2. Bahasa dan Kebudayaan

Hubungan bahasa dan kebudayaan adalah bahasa merupakan refleksi kebudayaan. Dalam penggunaan bahasa misalnya pemakai bahasa melakukan tindak ujaran yang merefleksikan nilai dan keyakinan dalam kebudayaannya. Pandangan dan versi lunak linguistik relativitas yang mendasari kerangka teori penelitian ini (Lih. Umar, 2009 : 5).

Bahasa mempunyai unsur leksikal tertentu untuk mengungkapkan emosi dalam bahasa Indonesia misalnya selain kata marah ditemukan sejumlah unsur leksikal untuk menyatakan konsep marah, beberapa metafora dan metonomi marah diantaranya adalah darahnya mendidik, meremas jantung, memuntahkan kemarahan, membangkitkan marah. Marah adalah: (a) Cairan panas dalam tabung, (b) Marah adalah ledakan, (c) Marah adalah gejala alam.

Matsuki (1995) dalam Umar (2009) membagi tahapan skenario prototipikal tentang **marah**. (1) Peristiwa menyinggung, (2) Kemarahan : Isi perut, (3) Upaya pengendalian, (4) Kemarahan meningkat ke dada, (5) Upaya pengendalian kemarahan, memancing rasa mual, (6) Kehilangan kendali dan (7) Tindakan pembalasan.

Pada penelitian ini dipilih bahasa Melayu yang digunakan masyarakat daerah Sumatera Timur dalam pantun Melayu.

3. Pengertian Metafora

Metafora ialah pemahaman kata atau kelompok kata bukan dengan arti yang sebenarnya, melainkan sebagai lukisan berdasarkan persamaan atau perbandingan (KBBI, 1990, 580).

Beardsley (2002 : 103) menyatakan metafora adalah sebuah puisi miniatur. Dengan begitu hubungan antara makna literal dan makna figmatif dalam metafora seperti versi penjembutan dalam kalimat tunggal dari signifikansi yang kompleks yang memberikan karakter pada karya literer sebagai keutuhan.

Dalam retorika tradisional, metafora digolongkan sebagai kiasan. Metafora milik permainan bahasa yang merata penamaan sesuatu. Metafora juga memicu catatan pinggir berkenaan dengan penggunaan atau komparatif yang ditandai

secara eksplisit oleh kata "seperti". Secara sederhana dapat dikatakan metafora sebuah komparasi yang menjembatani.

Oleh karena, ia tidak mempresentasikan sebuah inovasi semantik, metafora tidak memhawa informasi baru tentang inovasi. Ia dapat diperhitungkan sebagai salah satu fungsi emostif wacana.

Metafora dalam linguistik adalah suatu tindak bahasa ketika suatu benda menyatakan kesifatannya (ajektif) dan cara mengodekan pengalaman (Saragih, 2005). Metafora adalah salah satu majas, dalam Bahasa Indonesia dan juga berbagai bahasa lainnya. Majas yang mengungkapkan ungkapan secara langsung.

Contoh : Engkau belahan jantungku

 Johan adalah bintang kelas dua

Metafora ialah pemakaian kata atau kelompok kata bukan dengan arti yang sebenarnya, melainkan sebagai lukisan yang berdasarkan persamaan atau perbandingan.

Misal: Pemuda tulang punggung negara.

4. Semantik Kognitif

Pengertian semantik kognitif sebagai suatu gejala umum dalam penggunaan bahasa. Ia memusatkaa perkataan terhadap (a) peristiwa, (b) alam dan (c) abstrak. Penggunaan dan penentuan konseptual dalam metafora yakni A sebagai B, dan A adalah B.

Misal: - Dia itu buaya

 Pemuda tulang punggung negara

 Mukanya merah padam

 Matanya panas membara

5. Metafora dan Motonomi

Pada pantun Melayu banyak aktifitas manusia yang berhubungan dengan tingkah laku dan sikap perasaan maupun pikiran disampaikan menggunakan bahasa. Dunia pengalaman manusia Melayu yang berhubungan dengan emosi akan diteliti dalam pembicaraan ini.

6. Metafora Emosi dalam Bahasa Melayu

Kebudayaan Indonesia tidak mengenal budaya emosi, melainkan mengaktualisasikan emosi dengan pikiran. Sering dikatakan dalam pembicaraan 'saya pikir', 'saya rasa', atau 'menurut perasaan saya'. Kedua ungkapan tersebut silih berganti digunakan oleh pemakai bahasa.

Dalam KBBI (1990 : 228), emosi diartikan (1) Luapan perasaan yang berkembang dan surut di waktu singkat. (2) Keadaan dan reaksi psikologis dan fisiologis (seperti kegembiraan, kesedihan, keharuan, kecintaan, keberanian) yang bersifat subjektif. Emosi diartikan juga sebagai getaran jiwa yang menyebabkan manusia berlaku serba religi.

Kebudayaan dalam masyarakat Indonesia telah mengenal konsep berpikir di perut sebagai pusat pemikiran dan perasaan. Secara hierarki konsep emosi (marah) berawal dari perut, naik ke dada dan terus ke kepala. Misalnya, meremas jantung (sakit hati), gelap mata (panik), darahnya naik (merah), dan marahnya meledak-ledak.

7. Konsep Malu Orang Melayu

Pengkajian khusus tentang umur psikologi di kalangan orang Melayu belum banyak dibuat. Padahal ada beberapa ciri psikologi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terlalu unik sifatnya (Abdullah, 2005)

Misalnya psikologi orang Melayu tentang latah, amuk, mengumpat, dan merajuk. Orang Melayu tidak rela mengkaji psikologi bangsanya sendiri. Namun, perubahan kehidupan manusia hari ini telah mengubah cara pemikiran bangsa Melayu itu sendiri.

Oleh karena tiada bahan kajian yang telah dibukukan, maka pengkaji merasakan aspek psikologi orang Melayu yang hanya dapat dibaca pada sejumlah pantun Melayu.

8. Aspek Metafora Emosi dalam Pantun

Pada pengkajian ini dibicarakan tujuh aspek emosi dalam teks pantun Melayu: Ketakutan, Kebahagiaan, Kesedihan, Kecintaan, Kebanggaan, Nafsu, Malu.

9. Aspek Metafora Emosi

Pantun sebagai bentuk puisi Melayu tradisional tergolong ke dalam jenis puisi kata sebagai puisi kata (Piah, 1989 : 14) unit terkecil yang menjadi tumpuan ialah kata atau perkataan.

Bahasa yang digunakan dalam pantun Melayu memiliki aspek yang tersurat, tersirat dan praktikal. Unsur konotatif sebenarnya memasukkan juga makna denotatif (merujuk makna kamus). Namun kepuasan pemantun akan lebih terjadi dalam mencari makna konotatif.

Teks-teks pantun digunakan seperti merujuk kepada epistemik pemantun dan dilatarbelakangi sosiobudaya masyarakatnya. Pengkaji membatasi pengkajian ini dengan membicarakan metafora emosi yang terdapat dalam teks pantun Melayu.

a. Metafora Emosi Ketakutan

Asam kandis asam gelugur
Ketiga asam si riang-riang
Menangis mayat dipintu kubur
Tahu badan tidak sembahyang

1. **Metafora Emosi Kebahagiaan**
Tutuh nangka tinggi-tinggi
Rotan mana di tengah huma
Lama sudah abang mencari
Dapatlah intan di tengah bunga

2. **Metafora Emosi Kesedihan**
a. Lama tuan tidak ke ladang
Habis padi dililit kangkung
Lama tuan tidak dipandang
Rasa putus mahligai jantung

b. Maninjau berpadi masak
Batas kapas bertimbal jalan
Hati risau dibawa gelak
Bagai panas mengandug hujan

c. Pasir putih di pulau Redang
Tampak dari pulau Langkawi
Lapik putih bantal berniang
Racun bermain di dalam hati

3. Metafora Emosi Kecintaan

a. Jikalau ada pakis di Daik
Belanga baru saya jerangkan
Jikalau ada budi yang baik
Menjadi abu saya kenangkan

b. Cik Daud berkesan padi
Sambil memetik bunga kamboja
Tuan pergi ke laut api
Biar hangus kuturut juga

c. Masak pisang, pisang barangan
Ditebang anak di Pelembayan
Seluas langit sedalam lautan
Begitulah kasih abang tumpahkan

d. Satu hari tidak ke ladang
Habis kangkung dililit padi
Satu hari tidak berpandang
Habis Jantung diremuk hati

e. Ambil gendang di Kampung Kandis
Bunga melati tiada berbeda
Makin dipandang makin manis
Dalam hati menyala cinta

4. Metafora Emosi Kebanggaan

a. Seribu buluh ditebang orang
Apakah lagi buluh sebatang
Seribu musuh ditantang orang
Apakah lagi musuh seorang

b. Kalau ada peria pahit
Belanga baru jerang udang
Kalau ada budi terkait
Jadi abu dikenang orang

5 Metafora Emosi Nafsu

- a. Jika kail lagi tersangkut
Tidak dapat seekor belut
Pedas lada hingga ke mulut
Pedas kata menjemput maut
- b. Putih pasir ulur telemu
Singgah bertemu di pantai Wali
Saya tak mabuk karena ibu
Mabuk saya karena janji
- c. Jangan suka mematah parang
Tangan luka gagangnya rusak
Jangan suka menyusahkan orang
Tuhan murka orangpun muak

6. Metafora Emosi Malu

- a. Apa tanda pohon durian
Batangnya besar daun panjang
Apa tanda Melayu beriman
Malu membuka aib teman
- b. Nasi dikukus dihari siang
Mari diambil sibuah labu
Hangus ladang di tengah padang
Hangus hati menanggung malu

10. Deskripsi Metafora Emosi dalam Pantun

Berikut ini dideskripsikan posisi emosi secara hierarki dalam badan / tubuh manusia yang berkaitan dengan kalimat dalam pantun.

1. Tabel I Metafora Emosi Ketakutan

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1.	<u>Menangis mayat</u> di pintu kubur	Kepala	Air
2	<u>Penuh</u> berharap kekasih orang	Dada	Air
3	Macam mana hati <u>dihantui</u> iba, entah bertemu entah tidak	Dada	Hantu

Tabel II Metafora Emosi Kebahagiaan

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1.	Buah <u>hati</u> marilah dekat	Dada	-
2	Bukan kandalaksana waw melawan <u>angin</u>		Angin
3	Kering lautan kita nanti	-	Air

2. Tabel III Metafora emosi kesedihan

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1.	Rasa putus <u>mahligai</u> jantung
2.	Bagai <u>panas</u> mengandung hujan		Api
3.	<u>Racun</u> bermain di dalam hati		Air

3. Tabel IV Metafora Emosi Kecintaan

No.	Teks/Kalimat	Posisi Emosi	Unsur
1.	Menjadi abu saya kenangkan	Kepala	Api
2.	Rindu di hati datang melanda	Dada	Air
3.	Tuan pergi ke laut api biar hangus kuturut juga	Dada	Air
4.	<u>Seluas langit sedalam lautan</u> begitulah kasih abang <u>tumpahkan</u>	Dada	Air
5.	Dalam hati menyala cinta	Dada	Api

Tabel V Metafora Emosi Nafsu

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1	Pedas lada hingga ke mulut pedas kata menjepit maut	Kepala	Air (cairan)
2	<u>Mabuk</u> saya.....	Dada	Air
3	Tuhan murka orangpun <u>muak</u>	Dada	Air

4. Tabel VI Metafora Kebanggaan

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1	Kalau ada budi jadi <u>abu</u> dikenang orang	Kepala	Api
2	Keris dipegang <u>bersentuhan darah</u> adat pahlawan membela negara	Dada	Air

5. Tabel VII Metafora Emosi Malu

No.	Teks Pantun	Posisi Emosi	Unsur
1	Apa tanda Melayu beriman / malu membuka aib teman	Dada	-
2	Apa tanda orang beriman malu <u>hati berkata</u>	Dada	Air
3	Hangus padang..... <u>hangus hati</u> menanggung malu	Dada	Air

11. Simpulan

Bahasa pantun sebagai alat berkomunikasi untuk menyampaikan pikiran dan perasaan dan sekaligus memahami dan menyimak pikiran dan perasaan orang lain. Kedua aspek antara kebudayaan dan bahasa langsung memengaruhi dalam berbagai tingkat. Emosi metafora dalam bahasa Melayu dapat dikenal dan diketahui melalui bahasa pantun.

Metafora emosi bahasa pantun Melayu tersebut dapat dijabarkan yaitu: Ketakutan, kebahagiaan, kesedihan, kecintaan, kebangsaan, nafsu dan malu.

Beberapa metafora konseptual emosi (perasaan) bahasa pantun Melayu dapat dibedakan atas:

- (1) Marah adalah cairan panas dalam tabuh
 - Bak panas mengandung hujan
 - Pedas kata menjemput maut
- (2) Emosi adalah gejala alam
 - Laksana waw melawan angin
 - Rindu hati datang melanda
 - Kering lautan kita nanti
- (3) Marah sebagai ledakan
 - Menjadi abu saya kenangkan
 - Biar hangus kuturut juga
 - Dalam hati menyala cinta
 - Jadi abu dikenang orang
 - Hangus hati menanggung malu

Demikian pengajian metafora emosi dan bahasa Melayu yang ditemukan dalam teks pantun Melayu.

Saran

Penelitian metafora emosi dalam bahasa Melayu menarik untuk dikembangkan dan dimanfaatkan untuk menemukan gambaran perasaan para penutur bahasa Melayu itu sendiri.

Penelitian ini dapat juga diperluas pada teks-teks Melayu sebagaimana yang ditemukan pada pribahasa, pepatah dan hikayat-hikayat Melayu lainnya.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah. Mohammad Mansori, 2005, *"Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu dalam "Psikologi Melayu"*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Pustaka.
- Ashoft, Bill, 2003, *Menelanjangi Kuasa Bahasa Teori dan Praktik Sastra Poskolonial*, Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Deraman A. Aziz, 2006, *Kurik Kundi Merah Saga*, Kumpulan Pantun Lisan Melayu edisi Kedua, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jhon Gawa, 2006, *Kebijakan dalam Pantun (Wisdom in 1001 Pantun)*, Jakarta: Penerbit Buku Keempat.
- Masindan, dkk, 1987, *Sastra Lisan Melayu Langkat*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mohd. Yusuf Hasan, 2004, *Pembina Paradigma Pemikiran Peradapan Melayu*. Perak: University Sultan Idris.
- Salleh, Muhammad Hajj, 2000, *Puitika Sastra Melayu*, Kumpulan Pantun Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar, Tengku Luckman, SH, 1997, *Pantun dan Pepatah Melayu*, Medan: Penerbit LPPSBM-MABMI.
- Siregar, Bahren Umar, 2009, *Emosi Kebudayaan dalam Metafora*, Makalah. Jakarta. Unika Atmajaya.

Biodata Penulis:

1. Shafwan Hadi Umry, lahir 27 Januari 1951 di Perbaungan Kabupaten Serdang Bedagai Sumatera Utara Indonesia. Alumnus Prodi Linguistik S-3 Fakultas Ilmu Budaya USU Medan, Dosen Universitas Muslim Nusantara Alwashliyah Medan.
2. Prof. T. Silvana Sinar, M.A., Guru Besar Fakultas Ilmu Budaya USU dan Ketua Program Studi Linguistik pada Sekolah Pascasarjana USU Medan.

**ASPEK METAFORA DALAM PANTUN (SUDAWIL) TRADISIONAL
KADAZANDUSUN DARI KONTEKS PERCINTAAN DAN KASIH SAYANG.**

**Dr. Norjietta Julita Binti Taisin
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim Perak**

tjietta@yahoo.com.my / norjietta@fbk.upsi.edu.my

Abstrak.

Pantun(sudawil) amat terkenal dilagukan oleh masyarakat Kadazandusun pada suatu ketika dahulu, ia akan dilagukan sama ada untuk meluahkan perasaan suka, benci dan menyindir. Yakni, terselit unsur pengajaran seperti nasihat, percintaan dan kasih sayang, hiburan, sindiran dan sebagainya. Ia dicipta dengan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan sebagainya juga mempunyai makna yang tersendiri. Justeru dalam perbincangan ini diusahakan untuk meneliti aspek metafora dalam pantun Kadazandusun dari konteks percintaan dan kasih sayang. Ia lebih menjurus kepada makna konotatif yang lebih abstrak atau imagnatif daripada makna biasa, bersifat kiasan atau lambang. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, rakaman kaset dan kaedah transkripsi dengan berdasarkan rangkuman menyeluruh kerangka Analisis Komponen Makna oleh J.J.Katz (1972) yang antara lainnya berandaian bahawa elemen makna itu membayangkan struktur kognitif dan struktur pengamatan organisasi manusia. Keadaan ini dikenal pasti turut hadir dalam pantun (sudawil) percintaan dan kasih sayang. Hasil kajian mendapati bahawa aspek metafora dalam pantun (sudawil) percintaan dan kasih sayang tersebut terhasil melalui renungan alam dan budaya dalam kehidupan masyarakat penggunaanya. Secara rangkuman menyeluruh penggunaan aspek metafora dalam pantun percintaan dan kasih sayang berdasarkan kepada tiga faktor iaitu: 1. Alam yang dikenal pasti sebagai tanda untuk nasib dan masa depan terutama dalam situasi kekecewaan, kasih sayang, bercinta dan bercerai. 2.lambang perasaan yang turut dikenal pasti daripada pembayang kerana menangkap situasi, dan suasana hati yang dapat dikatakan lambang untuk sesuatu perasaan. 3. Lucu yang dikenal pasti dalam memperlihatkan ironis kehidupan masyarakat penggunaanya, membawa makna peristiwa, situasi dan perasaan yang disimpulkan dalam suasana yang agak bersahaja dan ingin melucukan namun terselitnya perasaan cinta dan kasih sayang.

Kata Kunci : Sudawil, metafora, percintaan dan kasih sayang, Kadazandusun, literal, konotatif, alam dan budaya.

1 | Dibentangkan Dalam Seminar Folklor Nusantara 2015 Anjuran Persatuan Folklor Malaysia (PFM) Di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis Pada 12&13 Oktober 2015

PENGENALAN

Pantun merupakan bahasa berangkap yang mengandungi unsur-unsur keindahan. Ini termasuklah pembayang dan maksud dengan kata-kata indah, asonansi, aliterasi serta padat dan ringkas. Ia tergolong di dalam corak sastera yang berbentuk bukan cerita dan disebarluaskan secara lisan. Menurut Za'ba, (1965:219), pantun adalah kaedah ungkapan yang tertua sejak orang Melayu belum tahu surat-menyurat lagi mereka sudah pun pandai berpantun dan berbalas-balas pantun antara satu sama lain.

Justeru, masyarakat Kadazandusun di Sabah juga tidak terkecuali daripada memiliki genre lisan tersebut yang sebahagiannya menonjol dalam pantun atau (*sudawil*) tradisional. Ia merupakan warisan dan kebanggaan sejak turun temurun dalam masyarakat Kadazandusun kerana di dalamnya terkandung pelbagai mesej yang menjadi teras identiti mereka. Oleh kerana kehidupan masyarakat lama Kadazandusun amat peka kepada alam semula jadi maka banyaklah pantun (*sudawil*) yang dicipta berkait rapat dengan kehidupan persekitaran mereka. Pantun akan dilagukan sama ada untuk meluahkan perasaan suka, benci dan menyindir. Yakni, terselit unsur pengajaran seperti nasihat, percintaan dan kasih sayang, hiburan, sindiran dan sebagainya. Ia dicipta dengan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan sebagainya juga mempunyai maknayang tersendiri dalam menyampaikan mesej khasnya generasi muda masyarakat pendukungnya pada suatu ketika dahulu (Norjietta Julita Taisin, 2014: 1-3).

Tidak dapat dinafikan pantun merupakan puisi lisan yang paling digemari oleh masyarakat Kadazandusun sejak zaman silam lagi kerana ia dapat diungkap dalam apa-apa jua situasi atau keadaan. Penggunaannya hampir menyeluruh dalam kalangan generasi tua-muda, golongan lelaki-perempuan khasnya dalam menyampaikan hasrat hati atau meluahkan perasaan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kebanyakan penulis Barat mengakui bahawa penduduk peribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan dan subkumpulan etnik yang berbeza-beza. Ini jelas melalui perbezaan dialek, adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat pendukungnya. Hal ini dapat dilihat terutamanya pada genre lisan, pakaian tradisi, tarian, muzik, kraftangan, kerana setiap satunya mencerminkan sesuatu suku kaum dengan jelas.

2 | Dibentangkan Dalam Seminar Folklor Nusantara 2015 Anjuran Persatuan Folklor Malaysia (PFM) Di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis Pada 12&13 Oktober 2015

Sementara itu, bahasa Kadazandusun merupakan salah satu bahasa peribumi yang dituturkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Suku kaum Kadazandusun merupakan penduduk majoriti di Sabah. Kebanyakan mereka bertumpu khususnya di daerah Ranau, Tambunan, Penampang, Papar dan Tuaran (Abdul Hamid Ahmad, 1993: 1). Perlembagaan KDCA (2001), menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 40 etnik yang terdapat dalam suku kaum Kadazandusun. Dari aspek bahasa, perbezaan loghat, sebutan dan ejaan banyak dipengaruhi mengikut etnik tertentu. Oleh itu, sebutan dan ejaan suku kaum Kadazandusun dari satu daerah dengan daerah lain di negeri Sabah adalah berlainan, tetapi masih membawa erti dan makna yang sama. Menurut Jacqueline Pugh-Kitingan (1987), masyarakat Kadazandusun mempunyai asas kesamaan dengan suku kaum di Sabah, iaitu dari aspek sistem sosial daripada aspek sejarah lisan, keturunan, kepercayaan, pertanian, bahan-bahan kebudayaan, agama dan amalan adat istiadat adat resam (dalam Norjietta Julita Taisin, 2013: 3).

Menurut Norjietta Julita Taisin (2014:8), pantun (sudawil) mendapat kedudukan yang istimewa dalam kalangan masyarakat lama Kadazandusun. Ia bukan sahaja digunakan dalam pergaulan anak-anak muda, tetapi digunakan juga dalam setiap peristiwa. Misalnya, dalam mencari jodoh anak lelaki yang pada awalnya berkenal-kenalan dengan pihak perempuan, maka pantun (sudawil) sering diselitkan sebagai luahan hati, sindiran, kiasan kepada pihak keluarga perempuan agar 'hasrat' keluarga lelaki diterima seadanya. Adakalanya mereka sahut-menyahut menggunakan *sudawil* walaupun dalam keadaan tidak formal. Misalnya sewaktu keluarga si lelaki melalui kawasan rumah keluarga pihak perempuan maka secara sengaja *sudawil* tersebut diungkapkan dengan harapan pihak keluarga perempuan mendengarnya dan memahami hasrat anak lelaki mereka. Begitu juga ketika mereka sama-sama bekerja di ladang padi, pihak keluarga lelaki akan bersudawil sebagai kiasan untuk meluahkan hajat mereka bagi menjodohkan anak lelakinya. Seperti pantun (*sudawil*) percintaan dan kasih sayang berikut:

Pihak lelaki :

Roun tawawo mapoi-kapoi
Pinsuni ilo kudoma'an
Batos ku kada no olingai
Pitumo'o kito no pikagasan

Daun *tawawo* melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan
Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah dalam ikatan.

Pihak perempuan :

*Lopi-lopi poh bundusan
Lopi do poginipian
Osonong no poh nipi
Yato ii miundusan*

Gulung-gulung daun nipah
Gulung dalam mimpi
Kalau mimpilah baik
Kita tetap sepadan (dijodankan)

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Dengan pemilihan kata-kata yang menarik, pantun (sudawil) mudah melekat dalam ingatan dan merupakan khazanah warisan masyarakat Kadazandusun sejak zaman berzaman. Sebahagian besar daripada *sudawil* yang telah dicipta oleh nenek moyang pada masa lampau masih diwarisi sehingga kini oleh orang tua-tua yang berusia lanjut. Justeru, sebagai khazanah berharga maka ia perlu dipelihara seterusnya dikembangkan agar dapat melalui proses penyesuaian semasa merentas zaman khasnya dari segi penelitian makna.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan generasi muda masyarakat pendukungnya pada masa kini tidak berminat terhadap tradisi lisan kerana mereka lebih tertarik kepada bentuk hiburan baharu yang terdapat di pasaran. Demikian juga dengan aktiviti ber pantun (*sudawil*) dalam menyampaikan pengajaran dengan penggunaan bahasa kiasan tradisional (metafora) adalah jarang-jarang sekali kedengaran pada masa kini. Ianya dianggap lapuk dan tidak relevan untuk diterapkan dalam kehidupan masyarakat kini. Seolah-olah kewujudannya hanya berperanan sebagai penutup majlis dan memeriahkan sesuatu kenduri kahwin sahaja yang telah diubahsuai menjadi menjadi lagu-lagu moden.

Kenyataan tersebut turut disokong oleh Abdul Jamal Abdul Hamid (2006: 177) yang turut menyatakan bahawa generasi muda di zaman ini lebih suka kepada irama muzik dan nyanyian-nyanyian kontemporari. Keadaan seperti ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kepupusan lagu-lagu rakyat tradisional. Selaras itu kajian Janathan Kandok (2011: 8) adalah bertepatan bahawa khazanah genre lisan akan lenyap bersama pemergian generasi lama pada suatu hari kelak kerana generasi muda pada masa kini didapati tidak begitu berminat dengan genre sastera rakyat lagi. Mereka lebih terpengaruh dengan lagu-lagu moden (dalam Norjietta Julita Taisin, 2014: 9-11).

Rosline Sandai (2010) yang membicarakan pantun *sanggai* dari Sarawak bahawa ungkapan metafora yang terdiri daripada perkataan atau frasa juga memerlukan pentafsiran makna. Kajian Mohd. Rasdi Saamah (2011) berkaitan dengan 'Bahasa Kiasan Bahasa Semai' juga bertepatan dengan pernyataan ini bahawa penting untuk memberi pemahaman kepada masyarakat tentang seni berbahasa dalam bahasa serumpun untuk merapatkan jurang sosial dalam kalangan masyarakat dan sebagai landasan untuk kajian-kajian lanjut berkaitan bahasa kiasan sukuan yang terdapat di negara ini yang mempunyai makna tersirat.

Justeru, sebagai rangkuman menyeluruh berdasarkan kekangan tersebut perlunya diberi perhatian dan penelitian berkaitan dengan penggunaan metafora dalam pantun Kadazandusun khasnya dari konteks pantun percintaan dan kasih sayang agar fungsi dan makna pantun tersebut dapat difahami.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti penggunaan metafora pantun kadazandusun dari konteks percintaan dan kasih sayang
2. Mengenal pasti struktur pantun percintaan dan kasih sayang masyarakat Kadazandusun.
3. Mengenal pasti fungsi pantun percintaan dan kasih sayang masyarakat Kadazandusun.

METODOLOGIKAJIAN DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif dan merupakan kerja lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual, rakaman kaset dan kaedah transkripsi dengan berdasarkan rangkuman menyeluruh kerangka Analisis Komponen Makna oleh J.J.Katz (1972) yang antara lainnya berandaian bahawa elemen makna itu membayangkan struktur kognitif dan struktur pengamatan organisasi manusia. Dalam penelitian ini ia berkait rapat dengan penggunaan aspek metafora yang turut hadir dikenal pasti dalam pantun Kadazandusun dijadikan data kajian. Pantun ini hanya terbatas pada pantun empat kerat dan lebih menjurus kepada pantun percintaan dan kasih sayang dan hanya menyentuh berberapa contoh pantun sahaja. Metafora dalam penelitian ini lebih merujuk kepada penggunaan lambang, kiasan, perbandingan atau penyerupaan.

METAFORA DALAM PANTUN MELAYU

Harun Mat Piah (1989 : 133) , dalam kajiannya banyak menggunakan kepentingan dalam pantun Melayu sejajar dengan penggunaan lambang atau metafora dalam kehidupan seharian masyarakat penggunanya. Tambahnya lagi, metafora tidak terhad pada simbol tetapi difahamkan sebagai perbandingan, penyerupaan, kiasan, ibarat dan peribahasa. Beliau membahagikan lambang kepada empat kategori, iaitu:

- a. Lambang yang merupakan objek konkrit
- b. Lambang yang merupakan objek konkrit yang digunakan lambang kepada idea yang abstrak. Contoh : selasih (kekasih)
- c. Lambang yang merupakan objek konkrit tetapi membawa erti yang hampir dengan peribahasa. Contoh: Kelapa mumbang (gadis yang ternoda), bunga dilingkar ular, pungguk rindukan bulan dan sebagainya.
- d. Lambang merupakan sebahagian daripada mitos masyarakat, watak dan sastera lisan atau tempatan. Contohnya seperti 'jentyu menanti hujan' (keresahan seorang gadis).

Berikut merupakan contoh pantun Melayu yang menggunakan metafora.

Pokok terap tumbuh di bukit,
Belat berbanjar panjang ke hulu;
Jangan diharap guruh di langit,
Kilat memancar hujan tak lalu

(Puisi Warisan, 1994 :5)

Menurut Arifin Said (1994 : 5) ,maksud baris pantun *jangan diharap guruh dilangit/Kilat memancar hujan tak lalu* memberi makna atau sindiran bahawa mengharap sesuatu yang masih belum tentu dapat akan membawa implikasi kekecewaan atau kehampaan. Dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu sindiran dengan maksud sedemikian disampaikan secara halus dan berkesan. Jelas sekali bahawa kehidupan masyarakat Melayu dapat dikesan melalui serangkap pantun dengan penggunaan metafora. Keseluruhan pantun ini memberikan satu kesatuan fikiran yang akrab dengan kehidupan.

Sementara itu, Jais Sahok (1989: 234) dalam kajiannya '*Makna Dalam Pantun Melayu*' untuk menganalisis makna dalam pantun Melayu dengan jelas lagi, perlulah diteliti lambang atau penggunaan metafora dan jenis pantun. Ini memandangkan terdapat pelbagai kata yg dijadikan lambang yang didapati daripada unsur alam seperti pokok, nama bunga dan tempat. Contoh:

Burung pekaka di pohon pala,
Hinggap berempat di petang hari;
Jangan suka mencaci mencela,
Sahabat yang rapat merenggang diri.

(Pantun Melayu, 1998: 77)

Walaupun makna pantun di atas jelas terutama makna perkataan "mencaci mencela" tetapi terdapat unsur kiasan pada perkataan "merenggang", "renggang" bermaksud tidak rapat, tidak tertutup rapat, ada selang-selang seperti pintu. Walau bagaimanapun makna "merenggang diri" dalam dunia pantun di atas ialah "menjauhkan diri" atau memencilkan "diri". Keseluruhan pantun ini mengandungi makna nasihat yang mendalam dengan penggunaan metafora.

Jelas bahawa sekiranya pantun mengandungi pelambangan atau metafora dengan maksudnya yang tersirat disebalik sindiran dan kiasan itu; maka pelambangan itu adalah dalam konteks yang difahami malah digunakan oleh masyarakat Melayu. Malah sebagai satu budaya yg menggambarkan kesantunan, kelembutan dan keindahan yang jelas dilihat bukan sahaja pada maknanya tetapi juga pada stuktur luarannya.

PENGGUNAAN METAFORA DALAM PANTUN TRADISIONAL KADAZANDUSUN DARI KONTEKS PERCINTAAN DAN KASIH SAYANG.

Dalam penelitian ini, hanya mengambil beberapa contoh pantun (sudawil) untuk melihat penggunaan unsur metafora. Hanya frasa yang dikenal pasti sebagai metafora sahaja yang diberi makna mengikut konteks, iaitu bukan merujuk kepada makna kamus tetapi merujuk kepada makna konotatif. Seluruh data analisis adalah melalui rujukan primer (responden yang berbeza) telah memberi makna metafora yang dikenal pasti).

Sehubungan itu, Lakoff dan Johnson (1980) menegaskan bahawa metafora wujud dalam kehidupan seharian manusia melalui bahasa, pemikiran dan tindakan manusia. Lakoff (1987) dalam

7 | Dibentangkan Dalam Seminar Folklor Nusantara 2015 Anjuran Persatuan Folklor Malaysia (PFM) Di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis Pada 12&13 Oktober 2015

linguistik kognitif, metafora konsepsi membolehkan kita memahami satu domain konsepsi dalam satu domain konsepsi yang lain. Satu domain konsepsi merupakan satu struktur pengalaman dan pengetahuan yang koheren. Menurut John Lakoff dan Mark Johnson (1987), umumnya metafora dilihat sebagai satu alat yang menggambarkan imaginasi puitis. Kaya dengan aspek retorikal dan biasanya juga dianggap sebagai suatu bentuk bahasa yang luar biasa (dalam Norjietta Julita Taisin, 2014: 243).

Berikut adalah contoh beberapa pantun tradisional Kadazandusun dari konteks percintaan dan kasih sayang. Dalam pantun tersebut terselitnya rangkap pantun perkenalan, kesetiaan berkasih, berpisah dan bercerai serta kecewa yang menjurus kepada pantun percintaan dan kasih sayang.

Pantun percintaan dan kasih sayang;

a. Perkenalan

<i>Osodu panau di yanak wagu</i>	Jauh perjalanan si jejaka
<i>Rumikot do mongimuai</i>	Datang untuk memastikan
<i>Napatai no tanak mato nu</i>	Matilah anak matamu
<i>Nokokito sumandak kisirung lumbagai.</i>	Melihat gadis berseraung lumbagai.

b. Kesetiaan berkasih

<i>Anaru watang Binuang</i>	Pokok kayu melintang panjang
<i>Noompus ku id mokikodop</i>	Kuputik cendawannya hingga ke hujung
<i>Tayon ku id naru sodop</i>	Kuharap malam yang panjang
<i>Lombuson to id mikoruhang.</i>	Bersama kita selamanya

c. Berpisah dan bercerai

<i>Panako no ih kombura '</i>	Hinggaplah sikombura
<i>Id duntu do tombulaung</i>	Di atas pokok tombulaung
<i>Sian piambalangan</i>	Kesiannya hidup suami isteri
<i>Auh no kopibatanggung.</i>	Tidaklah dapat diteruskan

d. Kecewa

<i>Hodi no ma ilo sumandak</i>	Itu lah dia si sumandak
<i>Bangkad dau do milou-kilou</i>	Baju dia berkilau-kilauan
<i>Tihad ku no nakaparak</i>	Tangisku pecahlah berderai
<i>Suai tulun do manansanganu.</i>	Lain orang yang mendapat.

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Pada zaman nenek moyang masyarakat Kadazandusun cuba menjelaskan ungkapan secara abstrak dan bukan berasaskan makna sebenar yang berkait dengan apa yang dialami atau difahami oleh mereka dalam kehidupan seharian. Misalnya kepada lelaki dan perempuan yang ingin menjadi pasangan suami isteri mereka terlebih dahulu menjalinkan percintaan. Maka terciptalah pantun percintaan dan kasih sayang yang berasaskan persekitaran alam dan budaya. Mereka meluahkan rasa jati dalam bentuk yang amat indah iaitu sering menjaga perasaan orang lain. Mereka tidak bercakap sesedap mulut. Contohnya bagi menyatakan perasaan seseorang lelaki yang melihat kecantikan seorang gadis yang dicintainya "*Napatai no tanak mato nu*" (Matilah anak matamu- seolah-olah mata tidak terkedip melihat keayuan seorang gadis).

Pantun perkenalan pada rangkap pertama, Ungkapan *yanak wagu* (jejaka) dan *sumandak* (gadis) merujuk kepada dua insan yang saling memerlukan. Dalam pantun ini, *yanak wagu* (jejaka) sanggup merantau jauh untuk memastikan calon isteri yang dapat mencuri hatinya. Akhirnya, si jejaka telah bertemu seorang gadis yang memakai seraung *lumbagai* sehingga hatinya terpicat dan tergoda sepenuhnya seperti ungkapan *napatai no tanak mata nu, nokokito sumandak kisirung lumbagai* (matilah anak matamu, melihat si gadis berseraung *lumbagai*).

Ungkapan *napatai no tanak mato nu* sebagai metafora atau kiasan kepada diri si jejaka yang terlalu menyintai si gadis tadi. Secara lumrahnya, hati dan perasaan seseorang tidak siapa yang dapat dapat mengawal kerana ia melibatkan naluri seseorang. Naluri si jejaka terhadap si gadis terlalu mendesak sehingga terungkap *napatai no tanak mata nu* (matilah anak matamu).

Kebijaksanaan idea masa silam maka ia membawa makna yang berlapis seperti *napatai no yoduku* (nenek saya sudah meninggal), *napatai no tutok* (otak mati tidak dapat berfikir apa-apa lagi), *napatai no tanak mato* (matilah sudah anak mata yang membawa maksud terlalu mencintai seseorang sewaktu bertemu atau melihat buat pertama kali) dan sebagainya.

Pantun kesetiaan berkasih pada rangkap kedua, wujudnya kata *watang binuang* dikaitkan dengan pengalaman persekitaran masyarakat Kadazandusun yang bergantung penuh kepada hasil pertanian untuk meneruskan hidup. Yakni, mereka mengusahakan ladang untuk menanam padi bukit dan bekerja keras untuk membersihkan kawasan ladang tersebut dengan menebang pokok-pokok dan membakar sebelum meneruskan penanaman padi. Batang pokok kayu yang besar pula sukar untuk hangus sepenuhnya maka kayu tersebut dibiarkan begitu sahaja di kawasan ladang kerana berat untuk mengalih ke tempat lain.

Biasanya, bekas kayu yang melintang panjang dipanggil *watang binuang* kerana ditumbuhi oleh *kodop* (kulat kadap) yang akan diputik untuk dijadikan sayur. Maka terungkaplah pantun dengan menggunakan alam flora berdasarkan ruang lingkup persekitaran sebagai pembayang dan maksud dalam penciptaannya. Yakni, *watang binuang* (batang kayu yang melintang panjang) dianalogikan dengan *naru sodop* (malam yang panjang).

Berdasarkan *sudawil* tersebut, dapat dibayangkan situasi sosial dalam masyarakat mereka yang melahirkan konsep atau makna ungkapan *naru sodop* (malam yang panjang) dan *mikoruhang* (bersama) yang merupakan bahasa kiasan (metafora). Bagi pengungkap pantun tersebut, melihat kejadian yang berlaku melalui pengalaman dan pemerhatiannya. Misalnya, seseorang ingin masa yang lama untuk bersama kekasihnya. Oleh itu dia mencari jalan bagaimana memberitahu orang yang dicintainya supaya sentiasa bersamanya sampai bila-bila demi kesetiannya dalam berkasih tanpa kekecewaan. Cara yang paling sesuai baginya ialah dengan menyampaikan mesej melalui ungkapan tidak langsung dengan menggunakan realiti keadaan alam yang merujuk kepada putaran waktu (siang malam) seperti *naru sodop* (malam yang panjang) sebagai analogi kepada masa, iaitu waktu malam tanpa adanya siang agar dia dapat bersama kekasihnya untuk selama-lamanya. Secara bijaksana dia mengungkapkan mesej secara tidak langsung melalui metafora *naru sodop*. Pemilihannya menggunakan *naru sodop* sebagai analogi amat bersesuaian agar orang yang ditujukan akan tahu bahawa betapa dia mencintai kekasihnya.

Pantun berpisah dan bercerai pada rangkap ketiga, secara harfiah kata *kombura'* dalam bahasa Kadazandusun ialah seekor ayam berbulu putih. Manakala *tombulaung* ialah sejenis pokok yang mempunyai buah panjang seolah-olah sebilah parang panjang. Tetapi dalam pantun ini, *kombura'* dikiasan sebagai seorang wanita yang cantik dan *tombulaung* seorang jejaka yang tangkas. *Kombura'* dan *Tombulaung* adalah pasangan suami isteri yang baru sahaja berkahwin tetapi sungguh sedih kerana kehidupan mereka sebagai suami isteri tidak dapat diteruskan kerana terpaksa berpisah disebabkan kematian (*kombura*) seperti yang terungkap *sian piambalangan* (kesiannya hidup sebagai suami isteri) dan *auh no kopibatanggung* (tidaklah dapat diteruskan).

Berdasarkan pengalaman persekitaran orang tua-tua masyarakat Kadazandusun, *kombura'* (ayam betina berbulu putih) yang hendak bertelur akan berusaha untuk mencari tempat untuk bertelur dan terbang sana sini sambil berbunyi yang akhirnya hinggap di atas pokok *tombulaung*. Pengalaman tersebut telah disesuaikan dalam kehidupan mereka yang akhirnya terungkap dalam pantun. Pokok *tombulaung* yang mempunyai buah panjang-panjang seperti sebilah parang dikiasan kepada seorang

lelaki yang tangkas dengan harapan dapat memperlihatkan tanggungjawabnya sebagai suami kepada isterinya si *Kombura*'.

Pantun kecewa pada rangkap keempat, ungkapan *bangkad* (baju) dan *tihad nakaparak* (tangis pecah berderai) sebagai subjek atau idea yang menggambarkan kekecewaan si lelaki sehingga airmatanya jatuh bercucuran kerana gadis idamannya turut diminati oleh orang lain. Pada suatu ketika dahulu, *Sumandak* (gadis) yang memakai baju berkilau-kilauan diminati ramai oleh pihak lelaki. Oleh yang demikian wujud persaingan untuk mendapatkan gadis tersebut sebagai calon isteri sehingga ada yang kecewa tanpa dapat mengawal airmata yang jatuh bertitisan.

Jelas bahawa hanya kerana si gadis memakai baju yang berkilau-kilau berupaya mempengaruhi keinginan atau perasaan seseorang lelaki untuk mendekatinya. Dapat dikatakan bahawa ungkapan pantun ini pernyataan yang bercorak individu seperti harapan, cinta, kecewa, hasrat, menyindir, marah dan lain-lain.

STRUKTUR PANTUN PERCINTAAN DAN KASIH SAYANG

Pantun(sudawil) mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri. Ciri yang terdapat pada *sudawil* itu sendiri membezakannya dengan puisi tradisional atau genre-genre yang lain seperti baris, bentuk, kuplet dan rima. Sebagai contoh:

Roun tawawo mapoi-kapoi
Poinsuni ilo kudoma'an } Kuplet pembayang
(*mondinduai /monginsomok*)

Batos ku kada no olingai
Pitumoo' kito no pikagasan } Kuplet maksud
(*mongigit komoyon /toonsi*)

Versi bahasa Melayu:

Daun tawawo melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan } Kuplet pembayang

Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah ikatan } Kuplet maksud

Pada kebiasaannya *sudawil* terdiri daripada empat baris, namun terdapat juga *sudawil* enam baris. Pada setiap baris tidak ditentukan jumlah perkataan dan juga jumlah suku kata, hanya yang jelas rima hujung akan bertemu dengan bunyi atau sebaliknya. Contoh:

Roun tawawo mapoi-kapoi
Poinsuni ilo kudoma'an
Batos ku kada no olingai
Pitumoo' kito no pikagasan.

Daun tawawo melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan
Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah ikatan

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Namun demikian tidak semua *sudawil* masyarakat Kadazandusun mempunyai rima (a-b) (a-b), yakni terdapat juga *sudawil* yang rimanya (a-a) (a-b) seperti mana contoh *sudawil* di bawah yang telah dirakam oleh pengkaji dari informan.

Bawang liwotung no ooyom
hilo oku no id koogom
Naamot oku id poogom
Kasalangan no do mitumbuk

Sungailah dalam airnya tenang
Disitulah aku duduk termenung
Sewaktu aku duduk merenung
Barulah nampak air berkocak.

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Perkara menarik dalam serangkap *sudawil* ialah unsur rima yang menimbulkan kesan bunyi yang indah. Berbanding dengan pantun Melayu, skema rima hujung pantun yang tetap adalah (a-b)(a-b), (a-a)(a-b) dan sebagainya. Namun dalam *sudawil*, ia sedikit berbeza kerana tidak mementingkan rima kerana adakalanya rima hujung bertemu atau sebaliknya. Dengan terdapatnya pengulangan beberapa perkataan tertentu khasnya elemen penggunaan *no* menyebabkan *sudawil* seolah-olah seimbang, harmoni, ada kesatuan dan kepelbagaian sehingga dapat menjurus kepada penegasan makna.

FUNGSI PANTUN PANTUN PERCINTAAN DAN KASIH SAYANG

Seperti kebanyakan masyarakat lain, *sudawil* tradisional masyarakat Kadazandusun juga turut mempunyai fungsi tersirat yang mengandungi banyak pengajaran dan teladan. Ia tidak akan dinyanyikan sekiranya tidak bertujuan walaupun sekadar untuk menghiburkan hati. Pada kebiasaannya, mesej yang disampaikan dilatari dengan persekitaran alam dan budaya kehidupan masyarakat Kadazandusun kerana itu *sudawil* cepat mesra dan digemari oleh masyarakat pendukungnya bahkan sebahagiannya dapat bertahan hingga sekarang.

Pantun (*sudawil*) yang dilagukan dalam masyarakat Kadazandusun juga sering kali digunakan untuk memikat kekasih khususnya oleh kaum lelaki. Kaum lelaki akan menyanyikan *sudawil* yang berbau cinta bagi memikat dan menunjukkan isi hati mereka kepada wanita yang disukai. Mereka lazimnya akan menyanyikan dan menunjukan *sudawil* cinta ini ketika majlis keramaian atau masa-masa lapang ketika mereka berkumpul bersama. Di samping memikat, ia secara langsung bertujuan untuk memuji si gadis. Si lelaki pula selalunya menggunakan bait-bait kata yang mengagungkan wanita tersebut dan akhir sekali akan meluahkan perasaannya melalui *sudawil* yang dinyanyikan. Sekiranya si gadis bersetuju maka dia akan membalas *sudawil* tersebut, sekiranya tidak dibalas maka ini bererti bahawa gadis tersebut tidak sudi atau sudah berpunya. Terdapat juga *sudawil* untuk meminta maaf atas ketidaksudian gadis tersebut kepada pihak lelaki. Berikut merupakan contoh *sudawil* yang dilagukan oleh pihak lelaki untuk memikat pihak perempuan.

<i>Hodi bunga no do tosindak</i>	Bunga itu terlalulah cantik
<i>Poinsuni do hilo lintuhun</i>	Tumbuh di luar halaman
<i>Isai ngaran nu umandak</i>	Siapa namamu sigadis cantik?
<i>Tu orohian aku no da mintutun</i>	saya suka untuk berkenalan.

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Jika sekiranya pihak perempuan turut menyukai si jejaka tersebut, *sudawil* berkenaan akan dibalas seperti berikut :

<i>Posurungo dahai o kakanan</i>	Kami hidangkan tajau
<i>Mamarayou' korikatan i tawauwa'</i>	Menyambut kedatangan si jejaka
<i>Nung waro nopo koginawaan</i>	Jika hati sudah berkenan
<i>Sikapon no paatod do topungon</i>	Cepatlah hantar berian.

(Sumber: Kerja Lapangan : Norjietta Julita Binti Taisin, Jun 2011)

Sementara itu, ketika hari perayaan atau majlis keramaian, puisi tradisional ini mempunyai peranan yang amat penting sekali. Pantun akan dilagukan oleh orang ramai bagi memeriahkan suasana perayaan atau majlis. Malah terdapat beberapa pantun (*sudawil*) yang dilagu telah dominan dengan beberapa upacara perayaan atau majlis-majlis tertentu. Terdapat banyak *sudawil* yang telah dilagu dan dicipta khas untuk perayaan-perayaan tertentu seperti tamu besar (pasar), pertandingan Unduk Ngadau dan sebagainya. Perasaan kagum dan kecintaan terhadap keindahan alam dan penghuninya seringkali diluahkan dan diekspresikan oleh masyarakat Kadazandusun dalam bentuk nyanyian yang pada asalnya adalah *sudawil* tradisional. Mereka mempunyai banyak lagu yang

dicipta khas untuk memerikan keindahan alam dan penghuninya. Ia seterusnya membangkitkan semangat cintakan kaum sendiri dan cintakan tanah air.

Secara keseluruhannya pantun(*sudawil*) Kadazandusun berfungsi untuk mendidik, memberi hiburan, sindiran, untuk adat istiadat, menguji fikiran, sebagai tanda penghargaan dan meluahkan rasa kasih sayang. Yakni, pantun (*sudawil*) boleh dibentuk sebagai teka-teki, nasihat, hiburan, jenaka, kiasan, sindiran dan sebagainya untuk menyampaikan mesej.

KESIMPULAN:

Jelaslah pantun tradisional Kadazandusun mempunyai keistimewaan tersendiri. Namun, ia semakin dilupakan oleh generasi hari ini. Jika tiada sebarang langkah diambil untuk memartabatkannya, kemungkinan ia akan hilang ditelan zaman. Walaupun pantun masih lagi digunakan dalam kalangan masyarakat hari ini, tetapi penggunaanya tidaklah sehebat dan menyeluruh seperti zaman silam. Pantun tradisional memainkan peranan yang penting untuk mengembalikan nilai-nilai murni yang semakin tandus kerana masih jelas kelihatan kata-kata yang tidak berlapik dalam kalangan generasi muda pada masa kini.

RUJUKAN

_____ (2008). *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah*. Bahagian Satu. Sabah : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Ahmad (1993). *Fonologi Bahasa Sungai di Sabah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rachman Abror. 2009. *Pantun Melayu Titik Temu Islam dan Budaya Lokal Nusantara*. Yogyakarta : PT.LKS Printing Cemerlang

Asmah Haji Omar (2005). *Budaya dan Bahasa Kiasan*. *Jurnal Peradaban Melayu*. Vol 3. 25 April 2001.

Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman

Colby, A., Kohlberg, L., Speicher, B., Hower, A., Candee, D. Gibbs, J. & Power, C (1987). *The measurement of moral judgment*. (Vol. I, Vol. II). New York: Cambridge University Press.

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Jamilah Hj. Ahmad (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, J. J. 1972. *Semantic Theory*. New York : Harper & Row.
- Kempson, Ruth M (1991) *terjemahan (Zaiton AB. Rahman). Teori Semantik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, V. T. 1993. *The peoples of Borneo*. Oxport & Cambridge: Blackwell.
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. (2nded.). San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd. Rasdi bin Saamah(2011). *Alam dan Budaya Dalam Bahasa Kiasan Bahasa Semai*. Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur. Terengganu : IPG Kampus Sultan Mizan, 10-12 Mei.
- Norjietta Julita Binti Taisin (2014). *Sudawil : Analisis Dari Aspek Makna*. Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Sage Publication
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. 2nded. Thousand Oak, Calif: Sage
- Zaini Bin Mohd. Isa (1969). *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazan dan Murut*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Zainal Abidin Bakar (peny). 1984. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan (2001). *Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan dalam Puisi Melayu Moden*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.

KASIH SAYANG DALAM PENJAGAAN BENIH PADI MELALUI MANTERA PERHUMAAN (*SAMPI UMAI*) KAUM IBAN

Saripah Banseng
Dr. Rosline Sandai
Universiti Pendidikan Sultan Idris
bsaripah@gmail.com

Kewujudan kepercayaan terhadap semangat padi menjadikan kaum Iban sangat cermat dalam penjagaan benih padi. Sehubungan itu, kertas ini bertujuan untuk menganalisis kasih sayang yang ditunjukkan dalam mantera perhumaan (*sampi umai*) masyarakat tradisional Iban ketika menjaga benih padi. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dalam tiga buah mantera iaitu *Sampi Gawai Benih* (Mantera Gawai Benih), *Sampi Besimpan* (Mantera Menyimpan Benih) dan *Sampi Nabur Benih Pun* (Mantera Menabur Benih Sulung). Hasil kajian mendapati pemujaan kepada semangat padi dilakukan semasa *Gawai Benih* untuk memohon baka padi yang baik. Penjagaan padi yang cermat dan baik pasti mendapat keberkatan yang melimpah seperti yang dilafazkan dalam *Sampi Besimpan*. Benih padi yang disimpan dan dijaga dengan baik turut menghasilkan penanaman dan penuaian yang menggalakkan dalam *Sampi Nabur Benih Pun*. Kajian ini penting untuk memberi pemahaman kepada generasi muda tentang pentingnya penjagaan benih padi dalam kalangan masyarakat Iban. Penjagaan benih padi dengan penuh kasih sayang memberi kesan kepada kesuburan padi dan hasil penuaian yang baik.

Kata kunci: mantera, perhumaan, kasih sayang, penjagaan, benih padi

Pengenalan

Penanaman padi bukit atau perhumaan bagi orang Iban berkait rapat dengan kepercayaan, ritual dan struktur sosial. Padi bukan sahaja makanan utama malah ia dipercayai mempunyai semangat (Kedit, 1989:6; Sather, 1980:69). Berdasarkan mitos, padi asalnya diperolehi oleh seorang wira, Simpang- Impang daripada *Bunsu Tikus* atau dewa tikus. Ia diberikan dalam bentuk hadiah oleh *Bunsu Ribut* atau dewa ribut, yang sering kali diseru dalam *sampi* (doa) oleh sebahagian masyarakat Iban ketika menjalankan perhumaan tradisional. Sather (1977:153) menyatakan bahawa terdapat enam peringkat utama dalam perhumaan iaitu membersihkan kawasan (*nebas*), menebang (*nebang*), mebakar (*nunu*), menanam (*nugal*), membersihkan rumput (*mantun*) dan menuai (*ngetau*). Setiap peringkat perhumaan mempunyai invokasi *sampi* tersendiri contohnya seperti *sampi nugal* (doa menanam).

Selain itu, padi turut dikaitkan dengan status sosial yakni semakin banyak padi yang dihasilkan, semakin tinggi status mereka (Mohd. Taib Osman, 1989; Sandin, 1967; Sather, 1980). Tuntutan status tersebut, Sather (1977:157) menjelaskan masyarakat Iban harus *bebasa ke padi* (hormat kepada padi). Padi harus dijaga dengan baik dan cermat untuk mendapatkan status sosial yang tinggi sekaligus menyenangkan hati para dewa dan semangat padi. Padi harus dikasihi seperti sebaik-baik seorang manusia untuk mengelakkan kemarahan semangat padi yang boleh mempengaruhi struktur sosial (Sather, 1977:157). Penjagaan padi bukan sahaja ditunjukkan melalui tingkah laku tetapi juga melalui pengucapan *sampi* atau mantera.

Kasih sayang orang Iban terhadap benih padi dipamerkan kata-kata doa atau mantera dalam upacara ritual samada ketika meraikan benih padi (*Gawai Benih*), menyimpan atau menanam padi. Kasih terhadap padi juga menjadi faktor kejayaan mereka mendapatkan hasil tuaian yang banyak. Ilmu perhumaan orang Iban diwarisi melalui folklor Sera Gunting. Sera Gunting ialah orang Iban pertama yang mempelajari cara menanam padi mengikut sistem auguri dan kihanatan. Ilmu tersebut dipercayai diperoleh melalui tunjuk ajar *Sengalang Burung*, Dewa Perang yang kemudiannya disesuaikan dengan sistem lunar. Dalam folklor tersebut, Sera Gunting turut diajar untuk menjaga benih padi dengan penuh kasih sayang bagi memastikan tiada kelaparan berlaku di bumi.

Orang Iban melafazkan *sampi umai* sebagai tanda terima kasih dan kesyukuran di samping memohon kesuburan hasil tanaman. *Sampi* tersebut turut melambangkan kasih sayang mereka terutamanya semasa menjaga benih padi untuk musim perhumaan seterusnya. Data kajian ini diambil dari buku *Sampi Enggau Biau* susunan Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring (2001). Tiga buah *sampi* iaitu *Sampi Gawai Benih* (Mantera Gawai Benih), *Sampi Besimpan* (Mantera Menyimpan Benih) dan *Sampi Nabur Benih Pun* (Mantera Menabur Benih Sulung) dianalisis. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis kasih sayang terhadap penjagaan benih padi yang diungkapkan masyarakat Iban melalui *sampi umai*.

Folklor Perhumaan

Menurut cerita rakyat Iban, perhumaan orang Iban yang berhasil mempunyai kaitan dengan asal-usul mitologi kihanatan (Sandin, 1980). Berdasarkan folklor tersebut, anak perempuan *Singalang Burung*, *Endu Dara Tinchin Temaga* dari dunia atas langit tersesat di muka bumi selepas suaminya, *Ketupong* pergi memburu kepala atau *ngayau*. Dia disumpit ketika menjelma menjadi seekor burung oleh orang di bumi iaitu Menggin. Namun demikian, Menggin tidak menjumpai burung tersebut melainkan sehelai kain wanita. *Endu Dara Tinchin Temaga* muncul selepas tiga hari dan berkahwin dengan Menggin. Hasil perkahwinan mereka, lahir seorang bayi lelaki yang diberi nama sebagai Sera Gunting.

Selepas beberapa bulan Sera Gunting dilahirkan, *Endu Dara Tinchin Temaga* kembali ke dunia di atas langit, tempat asalnya dan meninggalkan suami serta anak mereka. Menggin menyedari kehilangan isterinya seurus selepas mendengar tangisan Sera Gunting. Untuk meredakan tangisan Sera Gunting, Menggin berusaha mencari isterinya. Akhirnya mereka berdua berjaya menemui *Endu Dara Tinchin Temaga* di dunia atas langit yakni tempat kediaman *Singalang Burung*. Ayah *Endu Dara Tinchin Temaga*, *Sengalang Burung* walau bagaimanapun tidak menganggap Menggin dan Sera Gunting sebagai

dan mengetahui petanda-petanda yang disampaikan oleh burung-burung kihanatan. Di samping itu, dia juga diajar mengenal petanda daripada *Raja Sempulang Gana* atau Dewa Tanah saudara datuknya.

Sebelum kembali ke bumi, Sera Gunting diberi benih padi oleh datuknya agar manusia di bumi tidak lagi kelaparan. Selain itu, Sera Gunting juga dinasihati agar melakukan upacara ritual dengan berdoa (*besampi*) sebelum memulakan aktiviti perhumaan. Dalam *sampi* itu, mereka hendaklah menyeru kepada *Singalang Burung* dan *Raja Sempulang Gana* agar padi mereka diberkati. Daripada cerita rakyat ini, masyarakat Iban percaya dan mengamalkan *sampi* dalam aktiviti berhuma sehingga kini. Mereka juga melihat Bintang Tiga dan Bintang Tujuh sebelum memulakan kerja berhuma seperti menebas, menebang dan membakar.

Kaedah Kajian dan Analisis

Data dalam kajian merupakan *sampi umai* (mantera perhumaan) yang diambil dari buku *Sampi Enggau Biau* susunan Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring (2001) (rujuk Lampiran A) yang telah diterjemahkan. Tiga buah *sampi* yang dianalisis ialah *Sampi Gawai Benih* (Mantera Gawai Benih), *Sampi Besimpan* (Mantera Menyimpan Benih) dan *Sampi Nabur Benih Pun* (Mantera Menabur Benih Sulung). Data akan dianalisis menggunakan analisis dokumen. Tumpuan analisis dalam kajian ini ialah konteks pengucapan *sampi* yang berbaur kasih sayang terhadap penjagaan padi.

Dapatan Kajian

Pemujaan Benih Padi Dalam Sampi

Kasih sayang terhadap penjagaan benih ditunjukkan semasa melakukan pemujaan kepada semangat padi. Pemujaan ini diungkapkan dengan menjemput semangat padi untuk datang semasa meraikan Gawai Benih. Undangan ini dilafazkan seperti berikut:

*“Oh nya baru ngangauka padi entayu tanam di munggu
Bebuahka langgu limau jera
Padi muting tanam di tinting
Bebuahka penchuring pinggai pelangka
Padi burak tanam di lebak
Bebuahka bebendai rantai temaga
Nya tau diambi tau dibai
Tau dipadah tau ditelah
Tau diensung tau dipulung*

Tau dikumbai tau dilambai”

(Terjemahan):

“Oh kita menyeru padi yang ditanam di bukit
Yang berbuahkan limau
Padi yang ditanam di lereng
Yang berbuahkan pinggan
Padi putih yang ditanam di tanah
Yang berbuahkan gong kecil berantaikan tembaga
Itulah yang harus diseru dibawa
Boleh diambil boleh disebut
Boleh disiul boleh dipungut
Boleh dipanggil boleh dilambai.”

Sebagai tanda kasih terhadap benih padi, orang Iban menyeru semangat padi yang terdiri daripada baka yang baik. Benih padi dari baka yang baik diumpamakan seperti limau (*bebuahka langgu limau jera*), gong kecil berantaikan tembaga (*bebuahka bebendai rantai temaga*) dan pinggan (*bebuahka penchuring pinggai pelangka*).

Kasih Sayang Dalam Penjagaan Benih Padi

Benih padi yang telah diraikan disimpan dalam tempat simpanan khas samada di *sadau* (tingkat atas) atau di bilik. Kemudian persembahan santapan dilaksanakan agar semangat padi memberkati benih padi yang hendak disimpan. Berkat dalam penjagaan benih padi kemudian dilafazkan dalam *sampi besimpan* seperti berikut:

*“Nya alai orang ke ngibun padi ngibun puli
Udah dibiau enggau selinggau ijau manuk banda
Gayangka orang belalang babi menua
Nya alai semua padi orang nya bengat mayuh penuh sadau
Penuh kubau
Penuh bilik penuh penaik
Penuh tibang penuh penampang”*

(Terjemahan):

“Oleh itu orang yang menjaga padi
Sudah diberkati dengan ayam
Diikuti dengan korbanan khinzir
Padi orang ini akan memenuhi ruang tingkat atas
Memenuhi ruang bilik rumah
Memenuhi bekas simpanan.”

Seterusnya, benih padi yang telah dijaga dengan baik sedia untuk ditanam apabila musim menanam padi tiba. Orang Iban terlebih dahulu melafazkan *sampi nabur benih pun* (mantera menabur benih sulung) untuk mendapatkan hasil padi yang lumayan setelah dijaga dengan penuh kasih dan teliti. Dalam *sampi* tersebut, orang Iban mengharapkan hasil tuaian seperti berikut:

*“Udah baka nya ila
Lalu nyadi padi ari tisi punggung tembung
Galak padi remak pia ku regu ragai entupak
Diau di lebak belakang durung
Udahnya padi nya nyadi dipegai Sempulang Gana Raja Sua
Ragai entepung lalu nyadung ubat sintak ubat belalang
Ubat ulat ubat pampat
Ubat empangau ubat alau
Ubat chit ubat pipit
Ditabur diau di umai diau di mudai
Endur padi endur puli
Awakka utai nadai ngimbai
Awakka buah lalu badas baka mas intan silung
Awakka ila diketau nyempedai diau di bidai papan tekalung
Badas baka mas ulih dikurung”*

(Terjemahan):

Selepas ini menjadilah padi yang ditanam
Akan bertumbuh subur kata *regu ragai entupak*
Di tanah huma belakang pondok penyimpanan benih
Kemudian padi menjadi dipegang oleh *Sempulang Gana Raja Sua*
Ragai entepung lalu membahagikan ubat kumbang ubat belalang

Ubat ulat ubat pijat
Ubat tikus ubat pipit
Ditabur di huma di sawah
Tempat padi ditanam
Agar tiada yang dekat
Agar buah padi menjadi elok seperti gong kecil berantaikan emas tembaga
Agar dituai kelak elok diletak di tikar rotan
Menarik seperti emas dikurung.”

Ungkapan *sampi* tersebut menunjukkan kawasan huma dan tempat penyimpanan padi telah diberkati oleh para dewa dengan menabur tangkal (*ditabur diau di umai diau di mudai*). Hasil padi yang telah diberkati tumbuh subur dan diumpamakan seperti rantai emas tembaga (*buah lalu badas baka mas intan silung*). Manakala hasil tuaian pula, orang Iban mengumpamakan benih padi menarik seperti emas dikurung (*badas baka mas ulih dikurung*) sewaktu dihamparkan di atas tikar rotan.

Perbincangan

Kajian mendapati dalam mantera perhumaan, pemujaan bukan sahaja turut dilakukan kepada *Sengalang Burung* (Dewa Perang) dan *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah) malah semangat padi yang terdiri dari baka yang baik turut dilakukan. Kepercayaan kepada semangat padi baik memberi keyakinan dalam mendapatkan hasil tuaian yang baik. Berdasarkan ungkapan dalam *Sampi Gawai Benih*, orang Iban sangat cermat dalam menyeru semangat padi. Mereka mengkhususkan untuk menyeru semangat padi yang mempunyai buah yang baik seperti padi bukit yang berbuah limau (*padi entayu tanam di munggu bebuahka langgu limau jera*), padi di lereng yang berbuah pinggan (*padi muting tanam di tinting bebuahka penchuring pinggai pelangka*) dan padi putih yang berbuah gong kecil berantaikan tembaga (*padi burak tanam di lebak bebuahka bebendai rantai temaga*).

Haron Daud (2001:146) menekankan mantera berfungsi dalam pekerjaan terutamanya dalam pertanian di kalangan masyarakat Melayu tradisional. Keadaan ini bersamaan dengan penggunaan mantera dalam perhumaan orang Iban. Sehubungan itu semangat yang hendak dipuja harus dinyatakan dengan teliti. Dalam petua menanam padi di utara Semenanjung Malaysia misalnya, masyarakat Melayu tradisional menyeru semangat padi yang baik sebagai “Merung Mesuk Nan Semulai” (Rahimah, 2010:225). Tabiat menyeru semangat padi secara khusus dan jelas menunjukkan seseorang individu tersebut mengetahui samada tindakan tersebut disenangi oleh semangat padi mahupun sebaliknya (Rahimah, 2010).

Sudah menjadi tradisi bagi masyarakat pribumi melakukan ritual dalam aktiviti sebelum dan selepas menuai. Haji Mat Nayan (1986:46) menyatakan sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat pribumi melafazkan mantera-mantera tertentu supaya benih padi yang ditanam tumbuh subur. Kesuburan benih padi bergantung kepada faktor penjagaan benih padi. Rahimah (2010:226) menjelaskan benih padi yang dijaga dengan baik pasti menghasilkan tuaian yang baik juga. Begitu juga sebaliknya yakni penjagaan padi yang tidak baik akan menyebabkan sumpahan iaitu benih padi akan menjadi kurang walaupun padi kelihatan menguning dengan baik di huma (Renang dalam Sather, 1980:94). Orang Iban turut mempraktikkan konsep ini dimana mereka menunjukkan kasih terhadap penjagaan benih padi untuk mendapatkan hasil yang lumayan.

Selain itu, semangat padi turut dititikberatkan semasa melafazkan mantera supaya semangat padi tidak terkejut (Rahimah, 2010:226). Atas tanggapan tersebut, Iban percaya padi mempunyai persembahan ritual khas yang tersendiri melalui *sampi*. Iban bukan sahaja turut menitikberatkan peralatan yang digunakan semasa perhumaan, namun seluruh kehidupan mereka berkonsepkan kepercayaan tradisi dan kedua-duanya adalah perlu (Haddon & Start, 1936:145-146).

Penutup

Melalui pengucapan mantera tersebut, adalah dipercayai bahawa padi mempunyai semangat ghaib. Semangat tersebut harus dilayani dan dijaga dengan baik untuk mendapatkan keberkatan daripada *Petara* (Dewa-dewi). Selain mempunyai semangat, padi juga merupakan makanan utama masyarakat Iban. Hasil yang diperoleh bergantung kepada cara penjagaan padi. Kehadiran semangat padi mewujudkan perasaan kasih orang Iban terhadap benih padi. Perasaan kasih sayang tersebut dijelaskan semasa melakukan pemujaan, menyimpan dan menanam padi. Pemujaan terhadap semangat padi dilakukan dengan menyeru semangat tersebut datang ketika orang Iban meraikan benih padi. Kemudian, dengan teliti dan penuh cermat orang Iban menyimpan benih padi tersebut. Mantera turut dilafazkan agar semangat padi berkenan untuk turut hadir bagi memberkati benih padi yang hendak disimpan. Orang Iban percaya para dewa dan semangat padi pasti memberikan berkat kepada mereka yang telah menjaga benih padi dengan baik.

Rujukan

- Haji Mat Nayan Haji Saad (1986). Adat Persawahan di Negeri Kedah. *Intisari kebudayaan Melayu Kedah*. Alor star: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- Haron Daud (2001). *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hadon, A. C. & Laura Start (1936). *Iban or Sea Dayak Fabrics and Their Patterns*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kedit, Peter Mulok (1989). An Overview of Iban Traditional Cultural Values and Social Norms, and Their Implications for Contemporary Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, 61(4), ISSN:0375-3050.
- Kartikeyen, C., Veeraragavathatham, D., Karpagam, D. & Ayisha Firdouse, S. (2009). Indigenous Storage Structures. *Indian Journal of Traditional Knowledge*. Vol. 8(2). 225-229.
- Mohd. Taib Osman (1989). Iban Cultural Heritage in the Context of Present Day Malaysia. *The Sarawak Museum Journal*, 61(4), ISSN:0375-3050.
- Rahimah Bt A. Hamid (2010). Piama dan Petua Tradisi: Ilmu Menanam Padi Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilization*, 28(2), 211-233.
- Robert Menua Salleh & Janang Ensiring (2001). *Sampi Enggau Biau*. Kuching: Tun jugah Foundation.
- Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, London etc: Mcmillan.
- Sandin, B. (1980). *Iban Adat and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sather, Clifford (1977). Nanchang Padi: Symbolism of Saribas Iban First Rites of Harvest. *Journal of the Malaysian branch of the royal Asiatic society*, 50(2), 150-170.
- Sather, Clifford (1980). Symbolic Elements in Saribas Iban Rites of Padi Storage. *Journal of the Malaysian branch of royal Asiatic society*, 53(2), 67-95.
- Sutlive, Jr., Vinson H. (1978). *The Iban of Sarawak*. Illinois: Ahm Publishing Corporation, p. 55.

Lampiran A

Sampi Gawai Benih

O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha!
Siapa di antara kita yang berdiri
Di atas batang
Bercakap di sini
Sekiranya mereka boleh menyumpah
Akan terpelanting ditimpa persembahan santapan
Rebah ditimpa tuak
Mati ditimpa ragi
Remuk ditimpa nasi
Sesudah itu siapa yang diseru
Kerana kita yang menanam padi belum sampai
Petara belum datang
Sempulang Gana belum kelihatan?
Apa yang kedengaran di hutan
Bunyi air terjun
Di hilir sekawan babi?
Siapakah yang menjerit?
Lemmban Lengkiyan tidak mahu memberitahu
Bangun lalu menilik
Seruan apa di waktu ini
Masih dinihari
Tidak berhenti-henti?
Cuba tengok dan lihat
Ini seruan anak manusia
Kerana sekarang waktu membakar huma
Hendak bertanam menurunkan benih
Sebab itu mereka menyeru
Kalau begitu
Marilah kita menyeru rakan masing-masing
Kalau jauh jemputlah segera
Kalau dekat pesan sahaja
Kemudian bagitahu rakan di rumah panjang
Jemput Tuan Bujang Berawan
Kemudian hadir semua
Mana engkau *Serentum Tanah Tumbuh*
Isteri *Sempulang Gana*
Beritahu semua orang
Bawa pergi menanam padi pagi ini
Beserta dengan anak manusia
Bawa raga yang ada benih padi
Padi dari baka yang baik
Kemudian datanglah mereka
Sempulang Gana sampai di huma
“Apakah hajat kalian?” kata *Sempulang Gana*

“Apakah kalian membawa persembahan santapan?”
Kami ingin berhuma
Membawa *beragai* terbang di jalan
Papau duduk di batang
Kera melihat ke kanan, ular sawa
“Baguslah jika *beragai* terbang di jalan
Kalian akan panjang umur
Kiranya *papau* duduk di batang
Panjang umurlah kalian berbual dengan *Sengalang Burung*
Kiranya kera melihat ke kanan
Panjang umurlah hamba kalian
Oh begitu
Kami memang menyeru
Kerana mengingatkan perjanjian dahulu
Perjanjian pertama dengan *Sempulang Gana*
“Betullah aku
Kerana aku yang memiliki dunia
Memiliki lelaki dan perempuan
Memiliki tanah tempat padi ditanam
Tetapi aku memilikinya melalui isteri dan mertua.”
Begitulah kata-kata *Sempulang Gana*
Kalau begitu
Kami masih melihat ke lubang tanah
Untuk bertanyakan ular sawa
Bertanyakan *Lika Raja Sua*
Mertua *Sempulang Gana* ayah *Dara Dayang Serejan*
“Oh apakah maksud orang di bawah hari
Kenapa di bawah bulan
Masih menyeru tidak jemu?”
Maksudnya orang hendak menanam benih padi
Hendak menanam di huma
Masih lagi menyeru mertua *Sempulang Gana*
“Oh aku pasti datang
Kerana aku yang memulakan
Itulah perjanjian selamanya.”
Kalau begitu telah ramai berhimpun berkumpul
Baru mereka memerhati
Kita masih belum ramai
Seperti wap *enseluang* yang dibakar
Masih belum ramai
Seperti kelopak jantung pisang
Sapa lagi yang harus diseru
Yang harus disiul dipungut
Mari kita menyeru burung
Mana engkau *Nendak*
Mandi di air perigi
Di sana membawa seperak perahu
Di sini menikam ke dalam hati
Mana engkau *Ketupung Dan Nyengkung*
Mandi di air perigi
Di sana membawa gong

Di sini sekali dipukul tiga hari belum berhenti berbunyi
 Mana engkau *Beragai Dan Landai*
 Mandi di air perigi
 Di sana membawa sutera
 Di sini mesti bersebelahan bersama kami
 Mana engkau *Kutuk Dan Bingkuk*
 Mandi di air perigi
 Di sana membawa mangkuk perak
 Di sini bersama kami bersebelahan dengan pinggan
 Mana engkau *Embuas Dan Atas*
 Mandi di air perigi
 Di sana membawa emas bersadurkan perak
 Di sini bersama kami menimbang biji saga
 Mana rebut yang diseru dilambai
 Yang menolak kandungan anak luar nikah
 Bersalin tidak bersuami
 Rambutan tidak berbuah
 Buah tidak menjadi
 Mana engkau *Ribut Angkat!*
 Kemudian kita menyeru *Ribut Angkat* Bulan Empat
Ribut Mansa Bulan Lima
Ribut Nyebam Bulan Enam
Ribut Ngesuh Bulan Tujuh
Rebut Nyagam Bulan Lapan
 Kerana kita hendak menanam
 Menyegarkan benih padi
Lang Ngindang Lang Nyawan
 Memanaskan *Lau Ketimau* api menjadi
 Itulah orang yang diseru
 Disuruh makan persembahan santapan
 Kemudian kita menyeru Raja Ribut
 Diikuti dengan Raja *Petara*
 Oh *Petara Bekukur Kendis Besirat Ribis*
Bekukur Kuran Besirat Temeran
 Memperoleh beras semasa *belian*
 Memperoleh nasi daripada kawan
 Itu tidak boleh diseru
 Cuba seru *Petara* yang berhuma tidak pernah kehabisan
Petara yang memasak tidak habis untuk seratus orang
 Orang itu bertuah
 Mempunyai ubat padi
 Ubat ulat ubat kenyang
 Mampu memenuhi tempat menyimpan padi
 Kemudian menyeru Raja Padi
 Padi yang bergigit dengan tikus
 Padi yang menyeru serangga
 Padi yang bermain dengan babi
 Padi yang berlari dengan rusa
 Padi ini tidak boleh diseru
 Oh kita menyeru padi yang ditanam di bukit
 Yang berbuah limau

Padi yang ditanam di lereng
Yang berbuah pinggan
Padi putih yang ditanam di tanah
Yang berbuah gong kecil berantaikan tembaga
Itulah yang harus diseru dibawa
Boleh diambil boleh disebut
Boleh disiul boleh dipungut
Boleh dipanggil boleh dilambai
"Oleh itu kita yang hadir
Menanam padi huma
Jangan hadir begitu sahaja
Barang yang kalian bawa
Jangan diletak di pokok *mambung*
Jangan diletak di sebelah batang
Taburlah!
Ubat yang membuatkan tikus, pipit, serangga, ulat, belalang takut
Taburlah ubat itu di sini
Agar padi tumbuh subur
Tidak dibaluti rumput
Tidak tergoyangkan oleh ribut
Tidak terpijak oleh semut."
Itulah kata *Sempulang Gana Raja Sua*
Memberitahu adat Iban dahulu kala
Inilah yang diwarisi dan diteladani
Kerana orang yang tahu asal padi dari *Sempulang Gana*
Oleh sebab itulah *Sempulang Gana* diseru semasa menanam padi
Kita mewarisi dari datuk nenek
Dari zaman berzaman.

(Jimbun Anak Tawai, Penolong Pegawai Penyelidik, Seksyen Penyelidikan Iban, Majlis Adat Istiadat Sarawak)

Sampi Besimpan

Sa! Dua! Tiga! Empat! Lima! Nam! Tujuh!
Ee ha! Ee ha!
Kuang Kempat
Mengikut ha!
Aku tidak memulakan
Aku mengikuti adat cara *Pulang Gana*
Mengikut tali *Bui Nasi*
Mengikut adat arwah *Ngumbang*
Mengikut adat arwah *padang*
Itulah orang keramat padi
Oleh itu aku mengibarkan ayam
Tidak akan tulah
Kerana aku telah menggigit besi
Lengan kanan memegang tapang
Kaki berdiri di atas batu
Tangan kiri mengibarkan ayam
Menyeru roh mereka yang ditimpa belian tumbang

Tidak akan tula
Kerana kaki berdiri di segi batu canai
Kepala sudah diurapi dengan minyak
Belakang dilekatkan baju perisai
Lengan kanan memegang tapang
Tangan kiri mengibarkan ayam
Menyeru orang di langit
Melambai seperti panji kapal perang
Yang tidak terkira banyaknya
Aku menyeru dewa *Sempulang Gana*
Aku terlebih dahulu menegur Raja Nasi Raja Air
Raja Santan Raja Kuih Raja segala persembahan
Tiada yang cacat tiada yang cela
Cuba sukat tikar untuk menjemput
Dayang Pemungguh Kumang Penyembah
Raja Buah Pinang Belubang
Dara Anchi Raja Sirih
Dara Ranchak Kumang Burak Raja Kapur
Dewi Nasi, Dewi Air, Dewi Santan, Dewi Kuih
Yang telah datang telah diseru
Apakah yang berada di dalam air
Yang berada di langit
Yang di tanah melalui rumah *Bujang Sempulang Gana*
Ke langit melalui rumah *Raja Petara*.
Masih banyak lagi yang belum dikira
Mana engkau *Dayang Penungguh Dara Jeraba Kumang Lamina*
Dara Jinap Kain Kebat Pisit Tenun, Raja Ketupat
Dara Simbuk Tukang Merejuk, Raja Pulut
Dara Jawai Tikai Daun, Raja Tepung
Dara Simpu Kumang Lengu, Raja Telur
Dara Bejau Tinduk Ngandau Mua Irun, Raja Tuak
Sudah datang *Bunsu Biku Raja Petara Pantan Inan Jegia*.
Cuba lihat di hujung sana belum ramai
Lihat di tengah tiada tetamu
Mungkin belum mendengar siulan
Ee ha! Ee ha!
Kenapa masih lagi menyeru
Kedengaran bunyi bising
Bunyi meriam tembaga
Dipasang Sultan Tuan Raja
Kedengaran di Luba Lalang?
Kedengaran bunyi letupan
Bunyi meriam besi
Dipasang Sultan Tuan Mampi
Kedengaran di tepi langit Engkari?
Kedengaran bunyi letupan
Bunyi meriam dipasang Sultan Tuan Mampung
Kedengaran di puncak langit Meradung?
Jelling dan lihat

Dari langit menjenguk paras tengkuk
 Dari tanah paras punggung
 Dari hilir mudik sebuah kapal
 Dari hilir undur sebuah kapal
 Semua dewa yang belum datang
 Siapa diantara kita yang pantas dari sumpit
 Laju dari peluru?
 Oleh itu engkau ayam
 Pergi memanggil semua orang
 Orang di Munggu Ubah Munggu Madang
 "Oh, kamu tidak harus memperlakukan kami begitu
 Suami kami tidak berani
 Takutkan kepala yang tergantung
 Perempuan tidak pandai
 Menenun corak *pua*"
 Kami tidak melakukan kamu begitu
 Kami menjemput engkau datang
 "Baiklah kiranya engkau menjemput
 Kerana kami telah kempunan air kempunan beras
 Aku akan bersiap."
 Aku menghantar ayam lagi
 "Kemana hendak menjemput?
 Tunggu aku bertanya kepada bapa, *Bujang Tawak*
 Kepada pakcik *Bebendai Besai*
 Bertanya kepada mak *Pinggai Besai Retas Seribu*"
 Selepas itu berjalanlah ayam melalui rumah
 Pergilah engkau ke *Lengayun Ayun Berua Bunsu Penyambai Rumah Panjang*
Jawai Bejalai Nyingkang Ngua
Bunsu Sakai Pemanggai Lintang
 Terlebih dahulu kepada *Lenuk Duduk Mali Mindah Bunsu Tarah Tangga Medang*
 Kepada orang di *Tanah Entap Langit Ruat*
Urut Tujuh Renggat Rau Tujuh Serak
 Itulah tempat Raja Padi
 Ee ha!
 Mana engkau *Dara Itum*, Raja Huma
Dara Nur Tinduk Unjur, Raja Batang
Dara Ranjing, Raja Tunggul
Dara Jerenuk Duduk Mali Mindah, Raja Api
 Engkau *Anyung Lansau Patung*, Raja Batang Penanam
 Engkau *Dara Luar Buka Sedepa*, Raja Pondok
 Engkau *Dara Sudan*, Raja Raga
 Engkau *Menara Pelala Nanga Pelaga Sadung*, Raja Benih Padi
 Yang dibawa mereka lelaki
 Ditanam mereka perempuan
 Dari jalan raya berbukit
 Pohon cantik buah menarik
 Diikuti engkau *Dayang Kumang Simbut*, Raja Pulut
 Dibawa lelaki ditanam perempuan

Di tanah berbukit
 Raja Padi pun memberitahu
 Ingin bertandang ingin datang
 Ke tanah *Pulang Gana*.
 Ee ha! Ee ha!
 Kepada Raja Jantum yang beristerikan Raga Lama
 Tempat penyimpanan yang tidak akan kosong
 Diikuti dengan *Pulang Gana*
 Isterinya turut serta
 Raja Tangkal pun turut serta
 Mana engkau taring babi dan tanduk rusa
 Ee ha! Ee ha!
 Belum habis lagikah diseru?
 Langit sudah, dalam air sudah, dalam tanah sudah.
 Oleh itu, Dewa Duit dan Raja Padi
 Menyeru taring babi dan tanduk rusa
 Lalu menuju dunia *Raja Tindit Ngelilit Langit Entiring Tinting*
 Itulah orang yang menyimpan Raja Duit
 Berapa juta mata wang
 Oleh itu engkau yang datang
 Bawalah kunyit sedikit
 Ubat supaya tidak dimakan serangga
 Bawalah sedikit halia
 Raja kekayaan pun datang ke dunia *Datu Nuga*
 Ke dunia *Raja Julak*
 Raja Gong pun turun
 “Kalau aku datang
 Aku akan tinggal di sana
 Agar bunyi aku merdu.”
 Begitu juga *Endu Tengiling Sementing Ringgit*
 Ee ha!
 Didengar oleh Raja Padi
 Lalu mereka datang beramai-ramai seperti semut meniti batang
 Lalu berhenti sekejap seperti buah *lempaung* kembung di batang
 Melalui jalan besar lalu singgah di dunia *Bunsu Biku Raja Petara*
 Kemudian singgah di dunia Raja Padi
 Untuk mengambil ubat dan tangkal
 Ee ha!
 Mereka Gunggung telah sampai di sini
 Bermimpikan orang Batan disuruh menjadi raja
 Beristerikan *Endu Utak Berantai Pirak Endu Utas Berantai Mas*
 Orang yang kaya-raya
 Lihat di seberang kebun bunga
 Kelihatan bunga cempaka
 Rumahnya cantik
 Sebelah Sungai Sarawak seberang Sungai Gemala
 Itulah dunia *Endu Jawai Rantai Tali Benda*

Kumang Kelimbang Baku Beserak Bunsu Bintang Banyak

Sedang duduk memangku tangkai padi
Menuju orang di Kerangan Renjan
Dunia Dewa Ini Andan
Ada menyimpan ubat *jedian*
Ubat yang digunakan untuk menyimpan
Agar tidak kekosongan
Oleh itu semua hantu yang baik, hantu padi
Orang yang berupaya mendapatkan segalanya
Sudah hadir berkumpul di sini
Oleh itu orang yang menjaga padi
Sudah diberkati dengan ayam
Diikuti dengan korbanan khinzir
Padi orang ini akan memenuhi ruang tingkat atas
Memenuhi ruang bilik rumah
Memenuhi bekas simpanan
Orang ini kelak tidak akan kelaparan
Beroleh duit ringgit
Tidak akan dapat dihalang
Mereka meminta agar tinggi seperti bukit
Luas seperti langit
Mereka aman di dunia
Berjaya menghasilkan padi yang banyak
Berdagang menang membeli
Semua mereka kaya-raja
Anak mereka pandai
Semua masuk universiti
Menuju ke arah 2020.

(Jimbun Anak Tawai, Penolong Pegawai Penyelidik, Seksyen Penyelidikan Iban, Majlis Adat Istiadat Sarawak)

Sampi Nabur Benih Pun

O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha!
Apakah yang kedengaran bising sekali
Dari tanah hingga ke langit
Kedengaran *Lang Sengalang Burung*
Yang kami seru untuk menaburkan benih putih
Agar duduk seimbang
Apakah yang kedengaran meletup
Itu gendang *Ngelai*
Raja Besar yang membawa
Menanam benih padi rambai
Agar bersama kami di huma
Apakah kedengaran meletup
Kedengaran datuk *Sempulang Gana*
Yang tinggal di gua?
Lalu bangun dan mempersilakan kekasih hati

Serentum Tanah Tumbuh Regah Tengah Menua
Cherindak Tanggi Buluh Tuchung Seraung Gelung Entaba
 “Hari ini menjenguk cucu cicit
 Yang menyeru kita
 Apakah hajat mereka.”
 Mereka yang sangat ramai
 Seperti tunggul yang ditebang
 Ramai seperti ikan hitam mengelirukan arang
 Seperti jantung pisang beserakan
 “Apakah hajat kalian cucu?”
 Kami ingin menurunkan benih
 Meraikan benih padi
 Oleh itu menyeru engkau
 Mengikuti perjanjian dahulu
 Perjanjian datuk nenek
 Orang tua yang telah tiada
 Mengingatkan perjanjian dengan *Garai Ambun Tuai Belayar Midang*
Unggat pejuluk Serepat Ijau Lelayang
Letan
 Sekiranya hendak menanam padi
 Harus menyeru engkau
Sempulang Gana Raja Sua
Seregindah yang handal mencipta tanah
Seregindi yang menjadikan air
 Agar kami tidak tulah
 Tidak bernasib malang
 “Kalian tidak akan tulah
 Tidak akan bernasib malang
 Kerana membawa persembahan santapan
 Dengan ayam dengan khinzir
 Hormat dengan *Sempulang Gana*
 Ada perjanjian dengan *Raja Melingkat*
 Oleh itu kami datang menjenguk kalian.”
 Kita tidak akan tulah
 Tidak akan bernasib malang
 Pecah periuk tanah diganti periuk pusaka
 Koyak kain batik diganti kain sutera
 Tiada yang tua diganti oleh kami
Rangkang Kirai sudah datang
Ragai Kemunting bangun dan menyediakan santapan
 Pinang dibelah dua
 Kapur dan sirih tersedia
 Rokok dan tembakau turut ada
 Kuih-muih dan telur pun ada
 Lengkap disediakan *Ragai Kemunting*
Sempulang Gana pun berdoa.
 O ha! O ha! O ha!
Sempulang Gana memegang ayam
Isa dan *Mamba* membuka kawasan huma
Ragai Kempam memegang ayam
Gelingan dan *Iran* membakar hangus huma

Ragai Melingkat memegang ayam
Anggat Kesui Babat memegang ayam
Gerang Tulis Surang memegang ayam
Ragai Kawi memegang ayam
Bui Nasi memegang ayam
Lalu ayam dikibarkan
Agar *Empari* dan *Misi* memberkati padi
Bangun *Sempulang Gana*
Lalu mengibarkan bulu ayam yang baik
Digunakan untuk memberkati huma yang luas
Agar padi tumbuh subur
Selepas ini menjadilah padi yang ditanam
Akan bertumbuh subur kata *regu ragai entupak*
Di tanah huma belakang pondok penyimpanan benih
Kemudian padi menjadi dipegang oleh *Sempulang Gana Raja Sua*
Ragai entepung lalu membahagikan ubat kumbang ubat belalang
Ubat ulat ubat pijat
Ubat tikus ubat pipit
Ditabur di huma di sawah
Tempat padi ditanam
Agar tiada yang dekat
Agar buah padi menjadi elok seperti rantai emas tembaga
Agar dituai kelak elok diletak di tikar rotan
Menarik seperti emas dikurung
Memenuhi segala ruang rumah
Mereka akan menjadi kaya
Padi pun menyanyi
Memukul gong kecil berantai
Menyeru semangat
Setelah disimpan memenuhi ruang
Padi menyeru semangat intan
Menyanyi padi semalaman menyeru semangat radio
Berlagu padi menyeru semangat tv
Yang mempunyai gambar *Abang Ali*
Ahli tinju disegani
Padi menyeru semangat duit ringgit
Beratus ribu billion
Itulah pusaka anak manusia
Setelah menanam padi pandan
Dan berkata sekumpulan wanita dengan hidangan kuih-muih
“Wahai suami
Dimana kita hendak menyimpan duit
Simpan di amanah saham
Dahulu pusaka anak manusia berbeza
Digunakan untuk membeli pakaian
Sekarang kita simpat teguh di bank
Mungkin esok lusa
Mimpi kita menjadi nyata
Kita membeli kereta membeli jentera
Biarkan ia menggembur tanah.”
Aku berkata agar kita yang hadir

Lembang menimang sehari semalam
Menteri yang memegang adat Iban
Akan mendengarkan doa Jalai Anak Are
Yang tinggal di Kubau Rumah Gerang
Dari Sri Aman
Agar kita beroleh umur panjang
Sihat dan murah rezeki
Seperti bukit yang tinggi
Seperti langit yang luas
Segalanya selamat!

(Jimun Anak Tawai, Penolong Pegawai Penyelidik, Seksyen Penyelidikan Iban, Majlis Adat Istiadat Sarawak)

FOLKLOR BRUNEI SEBAGAI ENTITI FOLKLOR BORNEO¹

Maslin Bin Haji Jukim/Jukin, *Ph.D*
Universiti Brunei Darussalam

Abstrak

Peri mustahaknya memperkatakan folklor Brunei kerana kedudukan geografinya di sebelah barat utara Pulau Borneo. Kepentingan ini sesuai dengan fokus utama Bengkel Folklor Nusantara iaitu 'folklor di seluruh pulau Borneo/Kalimantan dan Brunei, yang di satu pihak menyimpan suatu khazanah cerita, puisi dan pertunjukan yang sangat kaya, tetapi di pihak yang lain masih memerlukan banyak penyelidikan lapangan dan analisis yang lebih terperinci'. Hal ini amat bertepatan dengan kedudukan folklor Brunei yang masih 'menagih' penyelidikan lapangan dan analisis yang lebih terperinci. Sekiranya folklor Brunei terpinggir dari penelitian folklor Borneo (atau Nusantara) setentunya hasilnya tidak lengkap kerana kedudukan folklor Brunei sebagai entiti folklor Borneo. Oleh yang demikian, bagi melengkapkan segala kajian yang dilakukan terhadap folklor Borneo kertas kerja ini mengajukan satu perbincangan tentang peranan folklor Brunei dengan mengambil keutamaan kepada prosa naratifnya (cerita rakyat yang lebih dikenali di Brunei *patuturan*) untuk mentakrif jati diri orang Brunei. Folklor Brunei bertindak seumpama dokumen-dokumen yang menyimpan bukti tentang cara kehidupan masyarakatnya dan sekaligus menjadi sumber rujukan kesahan sesuatu tingkah laku (lihat Bascom 1965). Keberadaan folklor Brunei dalam evolusi tradisi kehidupan orang Brunei berada pada tahap awal lagi iaitu pada tahap manusia (mereka) masih menggunakan medium lisan sebagai alat komunikasi utama. Jati diri orang Brunei juga tidak hanya semata-mata tertumpu pada aspek fizikal. Jati diri orang Brunei lebih menitikberatkan aspek kerohanian (spiritual) yang akan memprojeksinya dalam bentuk tingkah laku atau sifat kualiti insan yang melahirkan seseorang individu, keluarga dan bangsa Brunei. Ini bermakna kualiti sifat insan orang Brunei itu mengutamakan tiga aspek perkembangan manusia secara umum bermula dengan individu, keluarga dan diikuti dengan pembentukan masyarakat. Pembentukan jati diri individu adalah asas kepada pembentukan keluarga dan seterusnya masyarakat iaitu satu pembentukan jati diri daripada bawah ke atas. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini akan hanya membincangkan aspek individu sebagai asas pembentukan 'jelama Brunei' dengan meneliti beberapa buah cerita rakyat (*patuturan*) Brunei.

Negara Brunei Darussalam Sekilas Pandang

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negeri yang tertua di Alam Melayu. Walaupun kini bersaiz kecil namun mempunyai pensejarahannya yang panjang. Sistem kesultanan yang diamalkan dalam pemerintahan beraja pula dianggap sudah bertahan buat sekian lama. Joseph R. Yogers (1994:20) dalam bentuk pujian menyatakan,

¹ Kertas kerja ini disampaikan di *Bengkel Folklor Nusantara (Malaysia-Indonesia-Brunei)* anjuran Persatuan Folklor Malaysia di Dewan Seminar Perak Riverside Resort, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan pada 23-25 Mei 2014.

Brunei may be a small nation, but it has a long and vaunted history, replete with romance, intrigue, conquest and imperial majesty. Perhaps the most amazing thing about the sultanate is the fact that among all the hundreds of autonomous royal entities that once comprised the vast Malay Archipelago, Brunei is the only one to survive into the late 20th century. And not just survive, but also thrive.

Kesultanan Brunei diasaskan oleh Awang Alak Betatar² yang diangkat menjadi raja pertama. Setelah memeluk agama Islam baginda dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah pada tahun Masihi 1363. Sejak itu, agama Islam amat memainkan peranan penting dalam hubungannya dengan pemerintahan bersultan yang selama ini kekal dan bertahan menjadi amalan sehingga kini.

Asal Mulanya Nama Brunei

Sejajar dengan perspektif sejarah,³ kemunculan negeri Brunei turut disentuh dalam bentuk tradisi lisan. Dalam sumber tradisi lisan umpamanya diceritakan bahawa kemunculan nama 'Brunei' adalah hasil daripada peristiwa penemuan Patih Berbai⁴ yakni adik Awang Alak Betatar yang menjunjung titah kekandanya mencari kawasan penempatan baru. Penemuan ini meluahkan

² Awang Alak Betatar mempunyai 14 adik-beradik termasuklah Awang Semaun yang gagah. Oleh sebab Awang Alak Betatar adalah yang paling tua dalam adik-beradik maka baginda diangkat menjadi ketua atau raja (*Syair Awang Semaun* 2010; Yura Halim & Jamil Umar 1958).

³ Sejarah awal kewujudan Brunei agak kabur memandangkan kurang dan sukar memperolehi sandaran sumber rujukan secara bertulis. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod yang bersumber Cina tercatat nama 'Brunei' yang telah sejak wujud seawal abad ke-3 Masihi. Pada sekitar tahun-tahun 518, 523 dan 616 Masihi dinyatakan bahawa Raja Poli atau Puni menjalin hubungan dengan negara China. Para sejarahwan percayai bahawa yang dimaksudkan dengan Raja Poli atau Puni itu adalah Raja Brunei. Menurut Brown (1969) pula nama-nama *Po-lo, Poli, Po-ni, Bin-lai* dan *Vijayapura* yang disebut dalam rekod-rekod China seawal kurun keenam hingga kurun kesembilan yang berkerajaan di bahagian barat laut Borneo adalah merujuk kepada negeri Brunei.

Walaupun rekod-rekod dari sumber Cina mencatatkan nama-nama Brunei yang bervariasi namun masih dapat dijadikan sandaran tentang kewujudan Brunei itu sendiri. Alasan dilihat kepada aspek kedudukan geografi yang direkodkan itu adalah mendekati kedudukan negeri Brunei sekarang ini. Pemerhatian terhadap sandaran nama Brunei yang bervariasi ini mendominasi pengujahan kewujudan negeri Brunei. Selain rekod-rekod bersumber Cina, dalam catatan Majapahit pula, Brown (1969) mendapati karangan Prapanca pada tahun 1365, iaitu *Nagarakartagama* disebutkan nama *Buruneng* yang terletak di Borneo di bawah takluk jajahannya juga dan mungkin merujuk kepada negeri Brunei.

⁴ Yang kemudiannya menjadi sultan Brunei kedua setelah menggantikan Awang Alak Betatar atau Sultan Muhammad Shah dengan gelaran nama Islamnya Sultan Ahmad (lihat Pehin Jamil 1990).

perkataan 'baru-nah'. Kenyataan ini merupakan suatu kenyataan keterujaan Pateh Berbai sewaktu mula-mula sampai di kuala sungai (Brunei) apabila melihat persekitarannya yang amat mengagumkan.⁵ Sebaliknya, dalam sumber tradisi lisan lain pula adalah terkandung dalam bait-bait *Syair Awang Semaun*.⁶ Sebagai contoh bermula dari rangkap 5 yang menceritakan tentang asal mulanya negeri Brunei:

Beribu koyan sebarang sungai
 Masing-masing dengan perangai
 Beberapa bebal beberapa bisai
 Inilah asal negeri Brunei

Asal Brunei kita nyatakan
 Awang Alak Betatar kita khabarkan
 Asal negeri keinderaan
 Di atas awan berkawan-kawan

Andang asalnya di kayangan indera
 Bangsanya itu asal Betara
 Sepuluh bersaudara
 Ada yang hampir ada yang dura⁷

Rangkap di atas menggambarkan hubungan negeri (Brunei) dan kayangan. Penemuan dan milik negeri Brunei daripada keturunan orang kayangan menggambarkan ketinggian tingkat darjatnya. Sungguhpun Awang Alak Betatar dan sepuluh adik-beradiknya turun ke bumi dari

⁵ Lihat lebih lanjut Yura Halim & Jamil Jamil Umar (1958).

⁶ Pada dasarnya, intipati syair ini asalnya dari tradisi lisan yang kemudiannya digubah dalam bentuk sastera bertulis. Senario ini berlaku sama seperti karya-karya besar Melayu lainnya seperti *Sejarah Melayu*. Terdapat tiga versi syair ini yang disimpan sebagai koleksi Muzium Brunei, koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, dan koleksi Jabatan Pusat Sejarah (Haji Abd. Hamid Bin Jaludin 2010).

⁷ Lihat rangkap cerita syair ini sepenuhnya dalam *Syair Awang Semaun Koleksi Muzium* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei 2010.

kayangan bercerai-berai namun mereka bertemu kembali di bumi Brunei. Gambaran cerita dalam syair ini memperlihatkan istimewanya negeri Brunei itu.

Kegemilangan Negeri Brunei

Salah satu sumber tradisi lisan yang lain mengisahkan tentang pelayaran Sultan Bolkiah ini telah terkumpul dalam buku *Pertuturan IV*⁸ yang berjudul 'Puteri Lela Menchanai':⁹

Pada suatu hari, Sultan Bolkiah sedang belayar membawa barang dagangan seperti barang-barang yang diperbuat daripada besi untuk diperniagakan ke negeri Majapahit. Tetapi setelah tukang besi meninggal dunia, baginda pun berhenti berniaga barang-barang tersebut, namun baginda tetap belayar dan mengembara ke merata negeri.

Cerita yang bersumber daripada tradisi lisan ini didominasi dengan gambaran suasana dan corak perdagangan Sultan Bolkiah melalui pelayaran dari sebuah negeri ke negeri yang lain. Melalui perdagangan ini juga Sultan Bolkiah masyhur sebagai seorang raja yang suka mengembara sekaligus menguntungkan sumber negeri Brunei sebagai sebuah pusat tempat pertemuan atau persinggahan perdagangan luar.

Brunei Sebahagian daripada Rantau Melayu

Orang Brunei yang mendiami sebahagian utara tanah Pulau Borneo merupakan sebahagian daripada masyarakat Melayu di rantau Asia Tenggara. Mereka terkandung sebagai bangsa Melayu. Ini menggambarkan orang Brunei tergolong sebagai salah satu daripada suku kaum bangsa Melayu yang mempunyai adat resam dan budaya kemelayuannya. Hal ini sekaligus

⁸ Koleksi cerita-cerita lisan yang diusahakan oleh pasukan pegawai penyelidik Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan disusun oleh Dayangku Mardinah Binti Pengiran Haji Omar (2007: 13). Koleksi yang diberi judul *Pertuturan* sejauh ini sudah mencapai siri lima (lima penerbitan) yang dimulakan susunannya oleh Matassim Haji Jibah.

⁹ Seorang puteri dari Jawa yang cantik hanyut dibawa arus yang kuat sewaktu mandi-manda. Muncul bersama buih-buih di laut dan djumpai oleh Sulatan Bolkiah. Kemudian Sultan Bolkiah mengahwini Puteri Lela Menchanai dan dibawa pulang ke Brunei. Malangnya, Sultan Bolkiah tercucuk jarum emas Puteri Lela Menchanai lalu mangkat di pangkuannya. Kemangkatannya membuat puteri ini kesal dan akhirnya menikam dirinya sendiri dengan jarum emas tersebut.

memperlihatkan terdapatnya persamaan dengan suku kaum bangsa Melayu lain baik yang mendiami Sumatera, Kepulauan Riau, Semenanjung Tanah Melayu, Kalimantan mahupun di sebelah timur kepulauan Indonesia termasuk Sulawesi dan Maluku. Sungguhpun begitu, secara mikronya terdapatnya juga perbezaan tertentu yang memperlihatkan identiti kebruneian tersendiri. Ini jelas terpancar dalam bentuk bahasa komunikasi orang Brunei yang dikenali sebagai Bahasa Melayu Brunei yang menyatukan perpaduan di kalangan puak-puak Melayu Brunei keseluruhannya. Pada masa yang sama puak-puak Melayu Brunei ini juga memiliki bahasanya tersendiri berposisi sebagai sub-sub dialek Bahasa Melayu Brunei khususnya dan Bahasa Melayu umumnya. Perbezaan ini bukan bermakna orang Brunei terpinggir daripada rumpun Melayu. Akan tetapi perbezaan ini lebih bersifat sinkronis dan memperkayakan lagi adat dan budaya bangsa Melayu.

Senario Folklor Brunei

Umumnya, folklor Brunei dianggap sebahagian daripada korpus dunia keilmuan Melayu di rantau ini. Sungguhpun begitu, pernyataan folklor Brunei selalunya dirangkumkan dalam folklor Melayu secara keseluruhannya. Keadaan ini menjadikan folklor Brunei itu 'terpinggir' dalam segala aktiviti kebudayaan kerana digeneralisasikan sebagai folklor Melayu. Keadaan ini juga secara tidak langsung menjadikan folklor Brunei satu komponen kecil folklor Melayu yang agak terpinggir atau kurang mendapat perhatian dalam suasana kerancakan pengkajian folklor di rantau ini. Secara tidak langsung, senario ini berlaku apabila para pengkaji Barat terutama dalam kalangan pentadbir British yang menjadi perintis bidang ini kurang memberi perhatian atau 'terlepas pandang' folklor Brunei dalam jalur penelitian mereka.

Hakikatnya, orang Brunei dipercayai telah lama wujud dan bertapak di dunianya. Dari generasi yang silih-berganti orang Brunei menitikan dan mengamalkan segala warisan tradisi dalam mengharungi edaran zaman yang sentiasa berubah dari sudut fisikal dan spiritual. Warisan tradisi itu termasuklah folklornya. Folklor Brunei sememangnya tersimpan pengalaman, warisan budaya, pemikiran, intuisi, tingkah laku dan sebagainya yang tercipta ketika orang Brunei di tahap sederhana lagi untuk membentuk individu yang sempurna. Oleh itu, adalah amat penting untuk *menyuruki* atau menerokai folklor Brunei.

Folklor dan Jati Diri Brunei

Jati diri orang Brunei itu tidak terlepas daripada melihat cara hidupnya. Cara hidup orang Brunei bersandar pada konsep Melayu Islam Beraja. Konsep ini mengandungi nilai-nilai murni kebruneian yang tertanam dan tersemai dalam tiga entiti utama iaitu Individu, Keluarga dan Masyarakat. Perkembangan atau pembentukan ketiga-tiga entiti ini adalah mengikut hierarki tingkat kemanusiaan. Pada masa yang sama, ketiga-tiga entiti ini juga bergerak dalam bentuk kitaran mengikut susunan perkembangannya secara berkesinambungan. Baik dalam bentuk hierarki kemanusiaan atau kitaran yang berkesinambungan akan tetap bermula dari entiti individu dan diikuti dengan pembentukan keluarga kemudian barulah wujud masyarakat. Hakikatnya, nilai-nilai kebruneian yang terkandung dalam ketiga-tiga entiti ini sering dilihat dan diperbincangkan bersandarkan kepada bahan bertulis. Pada hal evolusi budaya orang Brunei itu juga melalui tahap pemikiran yang bermula pada tahap tradisi lisan. Oleh itu, adalah wajar untuk meneliti nilai-nilai kebruneian itu melalui folklor yang lahir pada tahap ini.

Folklor Brunei khususnya prosa naratif *patuturan* berperanan menzahirkan jati diri orang Brunei yang lebih asal dan murni. Penelitian terhadap *patuturan* ini memenuhi fungsi umum folklor itu sendiri malah dipertegasakan oleh Bascom (1965). Salah satu fungsi umum menurut Bascom ialah *to validate manners or culture* atau *as a mirror of culture of the society*. Ini bermakna penegasan Bascom sebenarnya adalah tentang fungsi *patuturan* ini adalah berhubungkait dengan jati diri. Jati diri dalam konteks Brunei adalah cara hidup orang Brunei atau budaya orang Brunei. Budaya orang Brunei itu pula mendokong dan mewarisi amalan cara hidup yang sekarang ini disebutkan sebagai berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Pemikiran, pandangan dunia (*worldview*), keyakinan, tingkah laku, adat istiadat, resam, dan sebagainya semuanya terpahat dalam medium bahasa yang dituturkan orang Brunei. Amalan budaya dan tradisi yang sekian lama menjiwai orang Brunei dan membina sahsiah mereka ini mengangkat jati diri bangsa Brunei tanpa mengikut-ikut dan meniru-niru budaya asing. Kedatangan agama Islam di dunia Brunei menjadikan agama ini sebagai pegangan mereka yang telah menzahirkan dan melengkapkan solidariti orang Brunei yang wujud kini. Di kedudukan saiz yang kecil dari sudut perbatasan geografi dan politik yang dikenali dengan nama Negara Brunei Darussalam tetap dihormati kedaulatannya sebagai sebuah negara yang aman dan

sejahtera ditambah dengan kekayaan sumber buminya, iaitu minyak dan gas. Hakikatnya, pegangan beragama Islam, amalan budaya dan tradisi dan kekayaan sumber bumi adalah unsur-unsur yang mendokong kewujudan bangsa Brunei. Unsur-unsur ini telah disimpulkan menjadi cara kehidupan orang Brunei iaitu bersandarkan konsep atau falsafah Melayu Islam Beraja.

Sungguhpun begitu, *patuturan* tetap mengandungi pemikiran yang baik dan buruk. Maksudnya, *patuturan* itu memberi pilihan dalam bertingkah laku. Tingkah laku yang baik menjadi teladan dan tingkah laku yang buruk dijadikan sempadan. Situasi ini dinyatakan Bascom sebagai fungsi *a pedagogic device which reinforces morals and values and builds wit*. Ini memperlihatkan dalam *patuturan* itu mengandungi tingkah laku yang selama ini diamalkan oleh masyarakat Brunei. Hal ini ditekankan Bascom sendiri bahawa folklor itu mengajar, memandu dan menunjuk tingkah laku yang bermoral dan bernilai bagi masyarakat yang mendokongnya. Secara langsung, folklor itu berfungsi untuk *validates manner or culture*. Hakikatnya, mengangkat *patuturan* Brunei sebagai sandaran mengenali jati diri orang Brunei itu adalah bertepatan.

Di samping itu, sifat yang dimiliki *patuturan* dan kedudukannya dalam kronologi evolusi kehidupan orang Brunei yang lebih tulen amat sesuai untuk menjadi rujukan prima tentang jati diri orang Brunei. Jati diri Brunei menumpukan kepada unsur 'kesamaan' yang bertindak sebagai kekunci definisi jati diri orang Brunei. Kesamaan ini juga yang membezakan dengan individu atau kumpulan yang lain secara terpisah dan menjadikan orang Brunei itu unik dan mempunyai jati dirinya tersendiri tetapi masih kekal dalam entiti Bangsa Melayu secara menyeluruh. Unsur kesamaan inilah yang juga mengisi folklor *patuturan* yang seterusnya menjadi set kualiti insan orang Brunei. Secara mikro, orang Brunei dapat dijelaskan dan dikenalpasti dalam bentuk memiliki set kualiti atau sifat yang membezakannya daripada entiti yang lain sekalipun secara makronya orang Brunei merupakan sebahagian daripada bangsa Melayu. Set kualiti atau sifat yang terdapat dalam kalangan orang Brunei menjadikannya unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya, agama, dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian individunya, kekeluargaannya, masyarakatnya, bangsanya, dan sebagainya. Jika ini hakikatnya juga yang berlaku maka amat wajarlah untuk menyatakan *patuturan* yang memiliki fungsi cerminan budaya masyarakat itu mengandungi nilai-nilai yang masih relevan dengan kehidupan

masa kini. Selain itu, patuturan lebih berautoriti dalam posisi sebagai hasil peninggalan yang mampu menginformasikan buah fikiran, perasaan, dan informasi mengenai berbagai kehidupan yang pernah ada seperti yang dinyatakan Elis Suryani (2012: 1-2). Justeru itu, proses jati diri itu berterusan sebagai jaminan bangsa yang kekal wujud. Proses jati diri itu mengikut tingkat dan lingkaran yang tersusun bermula dari individu, keluarga dan masyarakat. Setiap entiti memiliki pakej atau dikenali sebagai set kualiti insan. Komponen set kualiti insan ini adalah nilai-nilai kebruneian yang telah ada tertanam lebih awal dan diamalkan dari satu generasi ke satu generasi lain melalui *patuturan* Brunei.

***Jelama* Brunei**

Individu diletakkan sebagai entiti asas untuk menzahirkan orang Brunei (*jelama* Brunei) yang elok perisian jiwanya dari segi kerohaniannya.¹⁰ Individu yang *dibisai* (dieloki) aspek kerohaniannya melalui pemupukan set kualiti sifat dipercayai dapat mengimbangi tingkah lakunya, pemikirannya, emosinya, tutur katanya, tindakannya sejajar dengan keinginan, kemahuan, kehendak, citarasa, nilai dan moral orang Brunei. Pemupukan atau pembentukan sahsiah individu ini semestinya diterapkan melalui 'pendidikan bukan formal' sesuai pada tahap bahasa lisan sebagai komunikasi asasnya. Daya kebijaksanaan dan kekreatifan masyarakat Brunei mampu mendokong dan menyampaikan ajaran, teladan, panduan, dan bimbingan melalui jalan pemanfaatan bahasa lisan iaitu seni pengujaran dan salah satunya adalah *patuturan*. Penerapan nilai-nilai murni yang terkandung dalam set kualiti sifat akan merealisasikan proses perkembangan jati diri kepada individu yang dihasratkan dengan melahirkan *jelama* (orang) Brunei yang dapat memahami, menyedari dan mengawal diri sebelum melakukan sesuatu tindakan terhadap dirinya dan juga orang lain. Kemudian individu ini membolehkan ia memikir dan bertindak secara rasional, bertoleransi dan sopan santun bertepatan dengan acuan Brunei.

Kesempuranaan individu itu dinilai pada akal budinya yang menunjang kemelayuan Brunei kerana akal budi tidak dapat dipisahkan dengan orang Melayu termasuklah orang Brunei yang dalam lingkungan Bangsa Melayu. Akal budi itu merangkumi tiga aspek yang dasar dalam

¹⁰ Keadaan ini memperlihatkan betapa pentingnya keseimbangan aspek fizikal dan kerohanian dan jangan sampai 'macam kayu upar' iaitu baik pada lahirnya (*Perambahan Brunei* 1991: 48) atau 'bisai di luar buruk di dalam' yang bererti baik pada lahirnya tetapi hatinya jahat (*Perambahan Brunei* 1991: 18). Hal sedemikian yang perlu dielakkan. Justeru itu, perisian jiwa dari segi kerohanian itu juga penting.

hidup sebagai manusia (individu) yang secara fitrahnya bersosialisasi dengan individu yang lain. Tiga aspek atau unsur budi itu melibatkan tindakan perbuatan atau kelakuan, tindakan berfikir, dan ungkapan atau lontaran kata-kata yang diucapkan. Unsur-unsur budi ini menjadi kayu ukur menilai seseorang atau individu itu. Oleh yang demikian tiga unsur akal budi menjadi *focul point* untuk diasuh atau diisi dengan nilai-nilai murni kebruneian agar menepati dirinya memiliki akal budi 'Melayu'. Keutamaan budi ini mempunyai makna yang luas dan pelbagai frasa yang terbina untuk digunakan sebagai menyimpulkan erti budi seperti budi bahasa, budi leluhur, budi pekerti, budi bicara, hati budi dan sebagainya dan akhirnya mewujudkan insan yang digelar orang 'budiman'. Kesemua unsur budi itu merujuk kepada kebaikan individu yang menjadi ingatan, kenangan, ristaan, orang lain.

i) *Kejujuran*

Salah satu *patuturan* yang menggambarkan tentang nilai kejujuran yang menjadi satu tindakan yang mengisi jiwa individu Brunei ialah *tuturan* 'Asal Mulanya Burung Takukur Bini'¹¹. Dalam *tuturan* ini berlakunya perjanjian antara seorang anak perempuan yang memenuhi janjinya dengan seekor burung yang dapat membantunya ketika susah.

[...] 'Mun ada yang dapat menolong kadiaku memutikkan langa yang berhamburan di tanah ani...aku berjanji akan menuruti segala kemahuannya'

Kata-kata anak bini-bini ani pun didengartah oleh Burung Tekukur, ngam ia ada di sana. Apa lagi Takukur ani, terabang tah ke bawah menolong memutik langa yang tumpah ditiup angin ani...

'Banar kau kan menuruti kehendak orang menolong kadikau dayangku?' ditanyakan Burung Tekukur ani. 'Inda ku bekelakar...mun inda dapat orang menolong kadiaku ani mati tah ku oleh mamangkku ni', sambil menangis anak bini-bini ani.

Ditolongtah Burung Tekukur ani memetuk-metuk langa, dikair-kairnya dapat langa atu disimpannya bebalik ah nyiru atu. Habis langa atu temulih yang secupak jadi secupak dan yang segantang jadi segantang. Nyaman tah hatinya anak bini-

¹¹ *Tuturan* daripada puak Melayu Kedayan tetapi disampaikan oleh puak Melayu Brunei dari penduduk Kampong Air, Kampong Saba Darat 'B', Daerah Brunei Muara.

ii) *Rendah Diri*

Sifat rendah diri ini perlu ada terutama jika individu itu mempunyai kelebihan atau keistimewaan tertentu berbanding dengan orang lain. Tingkah laku merendah diri ini juga sudah termaktub dalam beberapa *patuturan* Brunei baik secara khusus atau secara singgulan kecil sahaja. Salah satu *tuturan* yang membawa nilai rendah diri ini ialah *tuturan* 'Ikas dan Alip'¹⁴. Seorang pemuda yang bernama Alip memiliki ilmu bela diri yang tinggi tetapi disembunyikannya. Kemandalannya dalam ilmu mempertahankan diri ini hanya diketahui apabila dalam keadaan terdesak sewaktu ingin menolong orang persekitaran diancam pengamuk. Pengamuk ini bernama Ikas yang juga memiliki ilmu kebatinan yang tinggi. Akan tetapi Ikas bersifat sombong dan tamak haloba. Akhirnya, Ikas tewas di tangan Alip yang lebih handal dan tersembunyi keilmuan batinnya yang tinggi. Ikas mati akibat hempedunya pecah.

...Ikas yang tidak pernah mengenal rasa puas hati meneruskan pencarian ilmu kekuatan untuk dirinya. Alif mahu segala yang ada menjadi miliknya. Dalam keadaan ini, tiba-tiba ilmu kekuatannya yang selama ini dimilikinya memakan dirinya sendiri. Sewaktu Ikas berlatih menggunakan ilmu kekuatannya tidak semana-mana hempedu Ikas pecah dan membuat dirinya hilang kawalan dan setrusnya mengamuk dan membunuh sesiapa saja yang menghalang. Alip yang mempunyai sifat merendah diri seumpama 'diam-diam ubi tetapi berisi' melihat kejadian ini. Orang kampung lari menyelamatkan diri tidak tentu arah. Secara terpaksa dan ingin menyelamatkan Ikas dan orang kampung maka muncullah Alip berhadapan dengan Ikas. Orang kampung terkejut melihat tindakan Alip ini kerana setahu mereka Alip adalah orang biasa saja dan setentunya akan mati di tangan Ikas. Ikas memberi amaran Alip supaya jangan menghalangnya kerana kekuatan yang ada pada diri Ikas tidak setanding dengan sesiapa sahaja. Alip pula memberi nasihat supaya Ikas memberhentikan perbuatannya tetapi Ikas berdegil. Kemudian berlakulah pertarungan kedua-duanya. Ikas terkejut melihat ilmu kekuatan yang ada pada diri Alip dan baru menyedari Ikas selama ini memiliki

¹⁴ *Tuturan* daripada Puak Melayu Kedayan dari Kampong Lugu, Daerah Brunei Muara.

kekuatan yang amat luar biasa. Pertarungan demi pertarungan berlaku sehingga Ikas jatuh rebah ditikam Alip pada hempedu Ikas. Akhirnya, Ikas mati.¹⁵

Nilai rendah diri ini dibawa oleh watak Alip dalam *tuturan* 'Ikas dan Alip'. Alip yang mempunyai ilmu mempertahankan diri bersifat 'diam-diam ubi tapi berisi'. Keahliannya tidak dialakannya (riyak) kepada orang lain malah disembunyikannya untuk tujuan kesamarataan.¹⁶ Dalam keadaan kesamarataan begini orang lain tidak akan memandangi ia lebih dan berbeza. Alip tidak memiliki sikap *keambungan* (sombong). Ketinggian ilmu mempertahankan diri hanya diketahui setelah berlaku kekecohan. Pada ketika ini barulah Alip menggunakan ilmunya tersebut. Alip mempergunakan pada situasi genting iaitu sewaktu Ikas berbuat kekejaman kepada orang kampung dan mencabar maruah Ikas. Berdasarkan *tuturan* 'Ikas dan Alip' juga memperlihatkan sifat merendah diri itu tidak akan merugikan diri sendiri. Berbanding dengan watak Ikas, sekalipun Ikas memiliki segala kekuatan dan ilmu mempertahankan diri tetapi masih juga tidak pernah merasakan cukup. Ketidakpuasan ini berlanjutan sehingga Ikas tidak mampu mengawal ketamakannya.¹⁷ Akhirnya, Ikas mengamuk dan membunuh orang kampung yang bertujuan mencabar sesiapa yang berani menghalangnya. Alip yang tidak pernah menunjukkan dirinya mempunyai kelebihan daripada orang lain dapat membunuh Ikas dan menyelamatkan orang kampung.

iii) *Bijaksana*

Kebijaksanaan yang mengisi makna budi bicara ada terdapat dalam semua genre *tuturan*. Dalam genre *tuturan* legenda 'Guris Laksamana' umpamanya, Guris Laksamana adalah nama sejenis

¹⁵ Temubual bersama Mantan Ketua Kampong Lugu, Awg. Adi Bin Haji Kahar berusia 70 tahun. Beliau juga mempunyai kemahiran tentang *baca-bacaan* (jampi) bagi menyembuhkan penyakit tertentu. Ditemubual dan dirakam di Kampong Lugu, Daerah Brunei Muara pada tahun 2008.

¹⁶ Sifatnya ini 'seperti harimau menyembunyikan kukunya' yang bermaksud merahsiakan kehebatannya (Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (pnys.) 1993: 374). Sifat beginilah yang seeloknya apabila memiliki sesuatu yang istimewa yang tidak terdapat pada orang lain dan jangan pula mengikut peribahasa Melayu yang berbunyi 'seperti harimau menunjukkan belangnya' yang bermaksud menunjukkan kehebatannya (Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (pnys.) 1993: 374).

¹⁷ Perbuatan Ikas ini tidak dapat memenuhi atau menunaikan *parambahan* Brunei 'ketolakan cupak dengan gantang' yang membawa maksud sikap seseorang yang dapat mengimbangi tentang kekuatan dan kehandalan yang dimilikinya (*Perambahan Brunei* 1991: 38). Ini bermakna Ikas tidak mampu memiliki sifat sedemikian.

ilmu magis yang digunakan oleh seorang lelaki bernama Hamba dan disampiri dengan gelaran 'Pangarah'.

Pangarah Hamba adalah seorang wakil istana yang ditugaskan untuk menjaga keamanan di pedalaman. Suatu ketika Negeri Brunei didatangi oleh angkatan Suluk yang mempunyai niat yang tidak baik. Kononnya angkatan Suluk ini berhajat untuk berniaga tetapi niat sebaliknya untuk menguasai negeri Brunei. Niat yang tidak baik ini dapat dibaca oleh Pangarah Hamba apabila dilaporkan kepadanya oleh Damong tentang kedatangan angkatan Suluk. Pangarah Hamba bertindak dengan bijak melalaikan atau melambatkan kebenaran angkatan Suluk masuk ke Brunei sehingga pada hari yang ditentukan. Pangarah Hamba sudah bersiap sedia bakal hambatan yang berlaku. Beliau telah melakukan persiapan terutama *mengguris*¹⁸ sampadan perairan Brunei yang dinamakan Guris Laksaman. Kapal angkatan Suluk dan anak-anak kapalnya sekali telah tenggelam di dasar laut sejurus saja melintasi dan memasuki kawasan Gurisan Laksaman. Negeri Brunei akhirnya terselamat.¹⁹

Atas kebijakan individu yang digambarkan dalam *tuturan* Guris Laksamana tersebut dapat mengelakkan kesukaran yang mungkin dialami negeri Brunei yang sedang berhadapan dengan musuh. Berdasarkan *tuturan* itu juga, ketika itu Negeri Brunei terkenal dengan tempat pusat pertemuan para pedagang yang aman dan sentosa. Keadaan ini membuat angkatan Suluk mempunyai niat yang tidak baik iaitu ingin untuk menakluki negeri Brunei. Akan tetapi niat yang tidak betul itu dapat dipatahkan dengan kemunculan individu yang memiliki kepintaran. Kepintarannya dapat menyelamatkan keadaan tanpa berlakunya peperangan dan meragut nyawa orang Brunei.²⁰ Dalam *tuturan* ini mengangkat nilai kebijaksanaan itu dapat membantu untuk

¹⁸ Melakukan mantera khusus untuk mematahkan niat musuh yang jahat.

¹⁹ Temubual bersama Haji Simba@Rimba Bin Amin berumur kira-kira 78 tahun dan merupakan penduduk asal Kampong Salar atau kini dinamakan Kamong Tanah Jambu, Daerah Brunei Muara. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009.

²⁰ Oleh itu, orang Brunei diperingatkan supaya jangan menjadi *jelama* yang memiliki 'akal menampurung' atau 'ambuyat dingin' iaitu memiliki pemikiran atau perbuatan yang tidak baik dan tidak masuk akal (*Perambahan Brunei* 1991: 1).

mengenalinya gerak-geri musuh sekalipun tersembunyi dalam niat hati musuh tersebut. Seterusnya kebijaksanaan itu dapat memberikan alasan-alasan tertentu sehingga mampu memperlambat tindakan pihak musuh. Keadaan ini akan dapat memberi ruang masa untuk Pangarah Hamba dan orang-orangnya merancang dan menyusun strategi. Akhirnya, ancaman dan niat jahat musuh dapat dipatahkan. Ternyata 'guris' (garisan yang dibataskan dengan melakukan bacaan mantra) dapat mengelakkan negeri binasa, keadaan huru hara malah menelakkan nyawa jadi korban, harta benda hilang, sawah ladang binasa dan binatang ternakan musnah.²¹

iv) *Berani*

Sifat berani bermaksud keberanian bertindak mengikut keberanian fikiran. Kebiasaannya sifat berani ini dimiliki oleh watak wira dalam *patuturan* legenda perseorangan umpamanya Liau Haji Saman dan Liau Badar adalah kedua-dua adik beradik yang terbilang gagah dan berani di Kampong Ayer. Di samping itu, yang masih di mulut-mulut penduduk Kampong Ayer terutama di Kampong Saba ialah Liau Damit yang gagah²². Legenda Liau Damit ini mempunyai adegan yang menunjukkan tindakan yang menegakkan posisinya yang betul. Tindakannya ini tidak mengira sekalipun dalam ancaman dan memperagakan nyawa Liau Damit. Adegan keberanian ini dapat dilihat sewaktu pengawal istana yang menggunakan kuasa mereka sewenang-wenangnya.

...Sewaktu Liau Damit dan orang kampung beratur untuk menunggu giliran mengambil air di sebuah kawasan pengaliran air bersih datang beberapa orang pengawal istana memotong giliran Liau Damit. Kononnya, mereka ini atas perintah istana. Liau Damit mencadangkan agar mereka juga turut beratur secara adil seperti mereka. Pengawal-pengawal istana naik radang lalu memecahkan pasu Liau Damit. Keadaan ini memaksa Liau Damit mempertahankan dirinya sehingga salah seorang pengawal istana mati di tangan Liau Damit. Pengawal istana yang lain menghadap raja memberitakan peristiwa yang berlaku. Liau Damit dititahkan menghadap raja untuk menerima hukuman. Beberapa orang pengawal

²¹ Bayangkan sekiranya individu itu memiliki 'buntak fikiran' yang bermaksud tidak memiliki luas fikiran (*Perambahan Brunei* 1991: 19) nescaya Brunei akan secara mudah ditakluki musuh. Banyak *parambahan* Brunei yang memperingatkan supaya individu itu memiliki kebijaksanaan dan kecerdasan fikiran.

²² *Tuturan* daripada puak Melayu Brunei dari Kampong Saba, Kampong Ayer, Daerah Brunei Muara.

istana berkayuh menuju ke rumah Liau Damit. Liau Damit sedang berehat di pantaran rumahnya sedang menanti kedatangan mereka. Setibanya pengawal-pengawal istana ini mendekati tangga rumah Liau Damit mereka memanggil nama Liau Damit untuk turun dan mengadap raja. Liau Damit akur dan tidak memaksa dirinya untuk bertindak untuk melawan. Liau Damit pun turun tangga rumahnya untuk ikut bersama mereka ke istana. Apabila saja ibu jari kanan kaki Liau Damit memijak bibir perahu pengawal-pengawal istana, tiba-tiba perahu tersebut seolah-olah hendak terbalik dan tenggelam. Melihat kejadian ini pengawal-pengawal istana tidak jadi membawa Liau Damit lalu berpatah balik ke istana dan memberitakannya kepada raja...²³

Keberanian Liau Damit dalam menegakkan keadilan membawa kesan selanjutnya. Pengawal-pengawal istana tersebut tidak berpuas hati lalu memanjangkan perkara ini kepada pengetahuan istana. 'Ancaman' ini sedikit pun melunturkan semangat keberanian Liau Damit. Keberaniannya berpaksi untuk mempertahankan hak dan meyakini dirinya di pihak yang benar. Tindakan yang berani itu bukan berlaku secara kebebasan akal fikiran. Sebaliknya, akal fikiran Liau Damit mendorong untuk mencuba menyelesaikan permasalahan secara toleransi atau pertimbangan secara yang terbaik. Sekalipun Liau Damit mengetahui perbuatan pengawal-pengawal istana itu merupakan penipuan yang bertujuan penindasan dan salah guna kuasa namun beliau tetap juga memilih jalan toleransi. Oleh sebab itu, Liau Damit menasihatkan terlebih dahulu kepada mereka supaya turut beratur seperti mereka untuk menunggu giliran masing-masing. Sebaliknya berlaku, pengawal-pengawal istana merasa terhina dan cuba menganiaya Liau Damit. Dalam keadaan ini barulah Liau Damit bertindak mempertahankan dirinya. Risiko yang bakal dihadapi Liau Damit juga dapat dijangkakannya. Pengawal istana yang selamat setentunya akan menabur fitnah terhadap dirinya. Liau Damit sudah bersedia untuk dibawa mengadap tetapi Pengawal-Pengawal istana yang ingin membawanya tidak berani berhadapan dengan Liau Damit.

²³ Temubual bersama Haji Sulaiman Bin Haji Duraman berumur kira-kira 60 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009; dituturkan juga oleh Haji Hamdan Bin Haji Shahbudin yang berusia kira-kira 77 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009. Dituturkan juga oleh Haji Simbran Bin Haji Bakar yang berumur kira-kira 78 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009.

Dalam *tuturan* 'Liau Damit yang Gagah' ini juga terdapat lagi satu adegan keberaniannya. Keberanian Liau Damit lebih jelas apabila dihantar oleh Raja Brunei ke Filipina. Kononnya, Filipina tidak mahu lagi menghantar ufti ke Brunei. Di Filipina terjadi satu pertarungan hebat di antara Liau Damit dengan pahlawan Suluk, Filipina. Kedua-duanya mempunyai kehandalan masing-masing. Keistimewaan yang terdapat pada diri Liau Damit memihaknya untuk menang. Diturunkan badan Liau Damit ditumbuhi kurap akibat rajin melakukan pertapaan. Kurap yang ada pada badannya ini menjadikan badannya begitu licin sehingga sukar pahlawan Suluk menangkap atau memegangnya. Akhirnya, pahlawan Suluk, Filipina itu kecundang.²⁴

v) *Toleransi*

Salah satu lagi nilai budi bicara yang meminta tindakan fikiran individu ialah toleransi.²⁵ Individu yang dimaksudkan sebagai insan kebruneian itu harus memiliki sifat toleransi dalam keadaan tertentu. Individu itu tidak boleh bertindak secara terburu-buru tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi. Tindakan yang bakal dilakukan bermakna 'berfikir dahulu sebelum bertindak'. Sikap toleransi ini juga mengandungi berbagai-bagai cara.

Nilai toleransi yang terkandung dalam budi bicara mengajak untuk bersifat bertimbang rasa dan pemaaf. Bertimbang rasa bukan bermakna tidak ada batasan-batasan tertentu waimapun merasa amat kasihan. Bertoleransi sebenarnya bertujuan untuk kedamaian seperti mengelak permusuhan, dendam dan benci. Dalam hal ini bertoleransi untuk kedamaian dapat dilihat dalam *tuturan* 'Si Ajun' dan *tuturan* 'Panglima Timol'.²⁶ *Tuturan* 'Panglima Timol' mengisahkan tentang ketenteraman kampung halamannya diganggu serangan 'ayau' dari Baram. Ketika itu Panglima Timol masih muda dan tidak memiliki kehandalan mempertahankan diri. Keadaan yang huru hara melanda kampungnya membuat Panglima Timol merantau mencari perguruan

²⁴ Temubual bersama Haji Sulaiman Bin Haji Duraman berumur kira-kira 60 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009; dituturkan juga oleh Haji Hamdan Bin Haji Shahbudin yang berusia kira-kira 77 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009. Diturunkan juga oleh Haji Simbran Bin Haji Bakar yang berumur kira-kira 78 tahun. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2009.

²⁵ Sikap ini disebut sebagai 'batulak bahambit' dalam *parambahan* Brunei. *Batulak bahambit* ini maksud adanya sifat bertolak ansur dalam kehidupan (*Perambahan Brunei* 1991:16) dan lawan kepada sikap ini ialah 'inda mau sirit' iaitu sikap yang tidak mahu bertolak ansur (*Perambahan Brunei* 1991: 29).

²⁶ Kedua-dua *tuturan* ini daripada puak Melayu Belait, Daerah Belait.

menuntut ilmu kebatinan dan pertahanan diri. Setelah tamat berguru dan memperoleh kehandalan tersebut Panglima Timol kembali pulang ke kampung halamannya.

Selang beberapa lama kemudian Timol pulang ke kampung halaman dengan berbekalkan ilmu kependekaran dan kebatinan yang tinggi. Kampung Kuala Balai diserang oleh puak Kayan lagi dan penduduk-penduduk kampung berjuang bermatian-matian untuk mempertahankan meruah mereka. Angkatan Puak Belait yang diketuai oleh Timol telah dapat mematahkan serangan tersebut dan berjaya menghalau puak Kayan. Puak Kayan berundur dengan meninggalkan amaran pada suatu masa nanti mereka akan menyerang puak Belait di bawah pimpinan Timol itu. Timol dengan beberapa orang anak buahnya membuat kubu pertahanan di kampung mereka dan melatih mereka untuk menjadi seorang pahlawan yang gagah perkasa. Dengan sebulat suara penduduk kampung telah melantik Timol menjadi ketua mereka khususnya menjadi panglima angkatan ayau mereka. Timol bukan sahaja dikenali sebagai pahlawan yang gagah, berilmu tinggi tetapi juga badannya tidak lut oleh sebarang senjata. Puak Kayan melakukan serangan lagi. Pertempuran bertambah hebat apabila puak Kayan juga diketuai oleh seorang pahlawan mereka yang gagah. Namun akhirnya angkatan ayau puak Kayan itu dapat dipatahkan dan mereka berundur. Kekalahan puak Kayan bukan sahaja disebabkan angkatan puak Belait yang gagah dan berani tetapi kemasyhuran Timol sebagai seorang panglima yang gagah, kuat dan kebal telah dapat menggerunkan pihak musuh. Untuk memberikan pengajaran kepada pihak musuh maka angkatan ayau puak Belait di bawah pimpinan seorang panglima bernama Timol telah memburu musuh sehingga mereka takut lari sehingga pulang ke kampung asal mereka. Akhirnya puak Kayan mengadakan perjanjian damai dengan puak Belait yang mana kedua-dua belah pihak berjanji untuk tidak melakukan sebarang serangan lagi terhadap puak masing-masing. Puak Belait diketuai oleh Panglima Timol dan puak Kayan juga diketuai oleh ketua mereka yang mengakui akan kegagahan dan kepahlawan Panglima Timol. Berikutan

dengan perjanjian itu Kampong Kuala Balai khususnya puak Belait kembali aman damai.²⁷

Perdamaian dapat dicapai melalui toleransi. Dalam *tuturan* 'Panglima Timol' memperlihatkan sifat toleransi mendorong perdamaian dilakukan. Sekalipun Panglima Timol merupakan kumpulan yang diganggu dan bangkit mempertahankan kedamaian kampungnya namun masih juga mampu untuk berdamai dengan musuhnya orang Kayan. Perdamaian juga tercapai melalui sifat toleransi dalam *tuturan* 'Si Ajun' yang mengisahkan juga ketenteraman keluarganya yang diganggu oleh serangan 'ayau' orang Kayan.²⁸

Struktur plot *tuturan* 'Si Ajun':

1. Ajun dan keluarganya berpindah dari Kuala Balai ke Labi.
2. Ajun menyangka serangan 'ayau' sudah tamat dan aman.
3. Serangan 'ayau' berlaku berdekatan dengan kawasan si Ajun
4. Si Ajun memberi amaran anak-anaknya sentiasa berada di rumah
5. Salah seorang anak si Ajun bermain di luar rumah
6. Orang Kayau membawa lari anak si Ajun
7. Si Ajun tidak sempat menyelamatkan anaknya
8. Isteri si Ajun menangis
9. Si Ajun bertenang dan mengatur langkah persiapan
10. Ajun meraut peluru (upar) sumpitannya dan membubuh dengan racun berbisa.
11. Si Ajun mengejar orang Kayan dengan pantas dan kencang
12. Orang Kayan membunuh anak si Ajun.
13. Si Ajun membunuh sebahagian orang Kayan dengan sumpitan
14. Si AJun tidak membunuh ketua Kayan yang membawa kepala anak si Ajun

²⁷ Temubual bersama Haji Busu Bin Ahmad berumur kira-kira 65 tahun. Beliau aktif dalam seni dan budaya puak Belait. Ditemubual dan dirakam pada tahun 2012 di daerah Belait.

²⁸ Temubual bersama Awang Haji Bolhassan bin Kalimang, mantan Ketua Kampong Labi I berumur kira-kira 70 tahun. Ditemubual dan dirakam pada Disember 2012 di rumah beliau di Kampong Labi I, Daerah Belait.

15. Si Ajun cuma mengerat telinga ketua orang Kayan sebagai tanda amaran
16. Si Ajun membawa damai dengan orang Kayan
17. Orang Kayan tidak lagi mengganggu

Berdasarkan struktur plot *tuturan* 'Si Ajun' memperlihatkan keadaan keluarga terancam, terganggu dan menyukarkan kehidupan. Semua ini berpunca daripada angkara serangan 'ayau' (memotong kepala manusia) orang Kayan. Anak si Ajun menjadi korban. Sungguhpun begitu, si Ajun mampu juga melakukan toleransi pada penghujung cerita. Si Ajun menganjurkan perdamaian sekalipun memberikan amaran yang keras kepada Ketua Kayan untuk mengelak berlakunya peristiwa sebegini lagi. Akhirnya, perdamaian tercapai dan kembali kepada kehidupan aman damai. Secara tidak langsung perdamaian yang wujud dalam kedua-dua *tuturan* ini sebenarnya wujudnya nilai maaf-memaafkan. Apabila adanya nilai memaafkan ini barulah terbukanya jalan damai dilakukan.

RUMUSAN

Begitulah di antara nilai-nilai kebrunaeian berhubung dengan kualiti insan yang perlu ada dalam individu orang Brunei. Nilai-nilai kebrunaeian dalam entiti individu ini sudah lama tertanam dan terpancar dalam *patuturan* Brunei. Kesemuanya terdapat dalam *patuturan* sebagai alat mekanisme mempersambungkan amalan nilai-nilai kebrunaeian itu dari generasi awal sehingga generasi sekarang. Senario ini mewajarkan untuk melihat kepada yang lebih tulin iaitu *patuturan* bagi membincangkan dan meneliti jati diri orang Brunei. Kewajaran ini melihat kepada kemunculan *patuturan* itu bersama atau seiring dengan manusia (termasuk orang Brunei) mula pandai berbahasa sebagai alat berkomunikasi. Justeru itu, *patutran* Brunei tercipta pada tahap awal evolusi pemikiran orang Brunei iaitu ketika masih pada tahap sederhana dan buta huruf. Ini bermakna *patuturan* itu tidak dapat ditolak dan dipinggirkan dalam menentukan bentuk tingkah laku orang Brunei khususnya individunya. Dengan kata yang lain, jati diri orang Brunei itu sudah ada dalam *patuturan* yang tercipta secara bijak dan kreatif oleh generasi terdahulu sebagai kawalan dan batasan *berperangai jelama* Brunei. Di sebalik kemunculan *patuturan* itu berfungsi sebagai alat menghibur tetapi pada masa yang sama mengandungi nilai-nilai kebrunaeian yang dijadikan panduan, teladan, pengajaran, pengesahan dan menggambarkan kehidupan orang Brunei.